

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 24**

**Isnin**

**24 April 2006**

---

**K A N D U N G A N**

<b>PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 2)
<b>USUL-USUL:</b>	
Ucapan Takziah Atas Kembalinya Ke Rahmatullah Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba, Bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia	(Halaman 20)
Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)	(Halaman 38)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 58)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 24 April 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**UCAPAN TAKZIAH ATAS KEMBALINYA KE RAHMATULLAH  
ALLAHYARHAM TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA,  
BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan yang amat dukacita dan sedih ingin saya merakamkan bahawa Yang Amat Berbahagia Tun Abdul Ghafar Baba, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah kembali ke rahmatullah pada pukul 7.35 pagi, pada hari Ahad bersamaan 23 April 2006. Allahyarham merupakan seorang tokoh negarawan, pemimpin yang ulung, berjiwa rakyat dan besar jasanya kepada negara.

Pemergian Allahyarham ke rahmatullah merupakan suatu kehilangan besar yang amat dirasakan oleh seluruh rakyat di negara ini. Saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan dan bagi pihak Parlimen seluruhnya mengucapkan setinggi-tinggi takziah kepada seluruh anggota keluarganya. Kita berdoa moga-moga Allah S.W.T. akan mencucuri rahmat ke atas rohnya dan menempatkannya bersama-sama orang yang soleh.

Saya dengan ini mengarahkan isi-isi takziah dirakamkan dan disimpan dalam Arkib Parlimen ini dan satu salinan dihantar kepada keluarganya. Sekarang saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua hadirin sekalian bangun. Kepada yang beragama Islam diminta menghadaikan Al-Fatihah kepada roh Allahyarham dan kepada yang bukan beragama Islam diminta bertafakur selama satu minit. Al-Fatihah;

*[Ahli-ahli yang beragama Islam membaca surah Al-Fatihah]*

*[Ahli-ahli yang bukan beragama Islam bertafakur selama satu minit]*

Terima kasih.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]** minta Menteri Pelancongan menyatakan usaha-usaha untuk menarik pelancong-pelancong melalui program 'umah keduaku', program pelancong perubatan dan program pelancong pendidikan selain daripada program pelancong konvensional.

**Menteri Pelancongan [Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menarik kedatangan lebih ramai pelancong asing yang berkualiti ke negara ini melalui program 'Malaysia Rumah Keduaku', beberapa usaha sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan seperti berikut:

- (i) menubuhkan pusat Malaysia Rumah Keduaku bertindak sebagai pusat sehenti yang menawarkan pelbagai khidmat nasihat dan bantuan kepada para warga asing yang ingin menyertai program ini serta mereka yang sedang tinggal di Malaysia di bawah program ini.
- (ii) mempromosi program Malaysia Rumah Keduaku melalui beberapa siri *road show* dengan kerjasama pihak swasta seperti dengan izin Feapse Asia Pacific Real Estate Exhibition, Property Arabia Bahrain, World Congress Bangkok, Thailand dan Bahrain International Property Exhibition.
- (iii) mengendalikan *Fan Tours* bagi agensi-agensi pelancongan asing yang berminat mempromosikan program ini di luar negara dan menerbitkan *brochure* dan risalah mengenai program ini untuk edaran di pasaran sasaran seperti negara-negara Asia Timur, United Kingdom, Timur Tengah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi program pelancongan perubatan, Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia juga bekerja dengan Kementerian Kesihatan, Persatuan Hospital Swasta Malaysia dan MATRADE bagi mempromosikan rawatan perubatan dengan izin *medical treatment* terutamanya yang berkaitan dengan penyakit jantung, kanser dan pakej pemeriksaan dengan izin *Health Screening*.

Selain itu, pakej-pakej *wellness program* yang melibatkan *spar*, *reflexology*, pemeriksaan mata, pergigian dan pembedahan kosmetik juga dipromosikan bagi menggalakkan para pelancong berbelanja lebih banyak semasa bercuti di negara ini. Tambahan kepada itu, kes yang ditawarkan oleh klinik kesuburan dengan izin *fertility*

*clinic* juga dipromosikan melalui dengan izin *road show* dan pameran di dalam serta luar negara.

Bagi memastikan keberkesanan aktiviti ini, seminar dan sesi perbincangan semasa di *Travel Mart* juga telah diadakan bagi menemukan pentadbiran hospital swasta, pengusaha pusat kesihatan termasuk spa dan agen pelancongan dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi program pelancongan pendidikan, Kementerian Pelancongan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pelajaran, Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta bagi mempromosikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan akademik di rantau ini. Untuk menarik pelancong yang berasaskan pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi telah melaksanakan usaha-usaha secara berterusan melalui program pengantarabangsaan pengajian tinggi seperti berikut:

- (i) membangunkan kualiti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kepada amalan bijak antarabangsa dalam memenuhi keperluan modal insan di pasaran global;
- (ii) mendapatkan pengiktirafan antarabangsa terhadap kursus pengajian dan kelayakan-kelayakan yang ditawarkan oleh institut pengajian tinggi negara ini dengan menambahkan jumlah tenaga akademik berkelayakan Ph.D kepada 75% menjelang tahun 2010;
- (iii) menyertai rangkaian kerjasama di antara kerajaan dan IPT negara ini dengan IPT terkemuka di luar negara melalui persefahaman dalam bidang pengajian tinggi dengan menggalakkan mereka menubuhkan kampus cawangan di negara ini;
- (iv) melaksanakan program 3 + 0 di Malaysia dengan kerjasama universiti luar negara seperti United Kingdom, Australia dan Perancis;
- (v) memantapkan program promosi pemasaran pendidikan tinggi di luar negara untuk memperluaskan kedatangan pelajar asing melalui pelan strategik promosi pendidikan 2006 hingga 2010 dan menganjurkan pameran dengan izin *single country* di peringkat antarabangsa;
- (vi) melaksanakan dengan izin *Fact Finding* bagi mengenal pasti potensi pendidikan antarabangsa;

- (vii) memantapkan sistem penyebaran maklumat mengenai media elektronik;
- (viii) meningkatkan kemudahan prasarana dan perkhidmatan yang sedia di IPT bagi mewujudkan suasana yang kondusif dan selamat untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan;
- (ix) mempermudah proses kemasukan pelajar asing ke negara ini dengan kerjasama Jabatan Imigresen bagi tujuan melanjutkan pengajian mereka dan menggalakkan IPTS negara ini membuka kampus cawangan di luar negara.

Di samping itu beberapa misi jualan Jepun, Vietnam dan Indonesia serta penyertaan di pameran-pameran pendidikan di luar negara seperti dengan izin:

- (i) Korean Student Fair di Korea;
- (ii) Solo Education Exhibition di Sri Lanka dan Maldives;
- (iii) Solo Education Exhibition di Mauritius;
- (iv) Southern International Education Expo di Medan, Indonesia juga diadakan di sepanjang tahun 2006.

**Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, saya yakin pelancongan ini akan bertambah rancak pengurusannya di bawah Yang Berhormat Menteri yang baru ini kerana perolehan pendapatan melalui program pelancongan Malaysia ini sebagaimana yang kita sedia maklum, adalah lebih kurang RM31 bilion dan bilangan pelancong yang datang melebihi 16 juta orang pada tahun 2005.

Pendidikan Perubatan itu adalah tanggungjawab kementerian lain tetapi secara khusus Kementerian Pelancongan terlibat dalam program untuk Rumah Keduaku. Dalam konteks ini soalan saya ialah setakat ini bagaimana Program Rumah Keduaku ini dan warganegara asing manakah yang lebih berminat dan tertarik hati kepada program ini dan kenapakah mereka tertarik kepada program ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan peserta bagi bulan Januari hingga Mac 2006, adalah seramai 1,273 orang dengan peserta teramai daripada negara-negara seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Negara</b>	<b>Jumlah</b>
1.	Bangladesah	647
2.	China	138
3.	United Kingdom	84
4.	Taiwan	56
5.	Jepun	42
6.	India	40

Pencapaian bagi tahun 2002 hingga 2005 ialah 6,695 orang. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menarik pelancong-pelancong dan untuk menjadikan pelancongan sebagai *top revenue owner* dengan izin, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa keselamatan sangat penting oleh kerana kalau masalah keselamatan kian merosot menjadi *negative impact* untuk menarik pelancong-pelancong dan sekarang nampaknya lapangan terbang selalu ada berlaku kecurian dan jenayah-jenayah yang seperti itu.

Semalam sebenarnya apabila di Lapangan Terbang Pulau Pinang, dalam usaha untuk mendapat tiket datang ke Kuala Lumpur bagi pengebumian Allahyarham Tun Ghaffar, pada beberapa saat sahaja *notebook* saya sudah hilang, *with trolley* di sebelah saya boleh hilang - dalam satu *airport* yang begitu kecil! Ini bukan kes yang *isolated*. Saya dapati bahawa ini selalu ada berlaku di lapangan terbang Pulau Pinang dan di KLIA. Bagaimana masalah ini, *crime free environment* di tempat-tempat yang strategik di mana ada pelancong-pelancong dapat diatasi ?

**Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, keselamatan adalah perkara yang amat penting khususnya bagi pelancong. Apabila saya dan pegawai-pegawai *Tourism Malaysia* pergi bertemu dengan *tour agent*, kita selalu memaklumkan kepada mereka bahawa dengan izin, *security is a prime importance to tourism*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita sentiasa berbincang dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri - *Internal Security*, dan juga kementerian-kementerian lain yang terlibat dengan masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita juga memaklumkan kepada *tour agent* ini, bukan di negara kita sahaja berlaku apa yang telah Yang Berhormat sebutkan malahan di negara-negara lain juga berlaku. Janganlah disebabkan oleh sebab nila setitik habis susu sebelanga. Sekarang ini kita minta

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya kes-kes khususnya yang melibatkan pelancong dipercepatkan dan tindakan maksimum dikenakan kepada mereka.

Saya juga berharap supaya rakyat Malaysia juga "*think tourism*" kerana kita perlu kepada *tourist* sebagai suatu cara untuk menjana ekonomi negara. Percayalah Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, kita di Kementerian Pelancongan sentiasa berbincang dengan kementerian-kementerian lain untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

*[Soalan No.2 - Y.B. Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) tidak hadir]*

**3. Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan status terkini hubungan diplomatik Malaysia dengan Israel.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu hubungan Malaysia dan Israel, ingin dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia masih tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel pada masa ini dan tidak berhasrat untuk mengkaji semula dasar tersebut dalam masa yang terdekat. Ini kerana Malaysia berpendirian bahawa selagi syarat-syarat tertentu tidak dipenuhi oleh Tel Aviv, tiada sebab bagi negara untuk menimbangkan dasar yang sedia ada pada kita iaitu tidak mewujudkan sebarang hubungan diplomasi dengan Israel.

Antara syarat-syarat berkenaan ialah:

- (i) Israel mematuhi resolusi-resolusi yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) berhubung konflik Palestin - Israel yang mesti dijadikan asas penting dalam sebarang perundingan pelan damai Palestin - Israel;
- (ii) Israel perlulah berundur sepenuhnya dari Semenanjung Gaza dan Tebing Barat ke garisan sempadan sebelum tercetusnya perang tahun 1967;
- (iii) sebuah negara Palestin yang bebas dan merdeka perlu ditubuhkan di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat dengan menjadikan Baitulmuqaddis sebagai ibu negara yang dikongsi oleh Palestin dan Israel;
- (iv) rakyat Palestin yang selama ini menjadi pelarian di bumi mereka sendiri mestilah dibenarkan untuk kembali dan tinggal di negara Palestin yang bakal ditubuhkan tersebut.

Terima kasih.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang sedikit kajian yang ada di tangan saya:

- Tahun 1996, seorang ahli perniagaan Malaysia pernah sampai ke Tel Aviv untuk membuat rundingan perniagaan pada waktu itu.
- Tahun 1997, pasukan kriket Israel dijemput untuk menyertai satu *tournament* antarabangsa pada ketika itu.
- Tahun 2003, syarikat Aerod telah menjalankan satu pakej perniagaan penerbangan bersama dengan sebuah syarikat penerbangan Tel Aviv.
- Tahun 2005, dalam Persidangan Aman Malaysia, walaupun diyakinkan kehadiran perwakilan daripada Israel itu bukan mewakili negara tetapi NGOs yang tidak bersetuju terhadap penentangan Palestin tetapi masalahnya bendera Israel dikibarkan di PWTC.

Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, adakah ini walaupun saya puas hati dengan jawapan tadi bahawa negara tidak bercadang untuk mengkaji semula hubungan itu selagi syarat-syarat tidak dipenuhi tetapi adakah urusan perniagaan dan urusan-urusan lain berjalan dan ini sangat membimbangkan ke arah kita memulakan satu langkah untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel. Minta penjelasan.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Perlu dijelaskan di sini, terdapat pandangan yang perlu kita fahami bahawa penentangan kita kepada Israel ialah penentangan kepada dasar Zionisme Israel. Antara hubungan antara rakyat ataupun rakyat yang lain, tidak boleh disalahertikan bahawa kita menyokong dasar yang ditentukan oleh dasar Zionisme yang dianut oleh rejim Tel Aviv tersebut.

Oleh sebab itulah terdapat beberapa perkembangan terutama sekali selepas berlakunya Perjanjian Oslo dalam tahun 1993, yang menjadi asas kepada rundingan damai antara Palestin dan Israel yang memperlihatkan beberapa perkembangan yang positif di dalam hubungan antara Palestin dan Israel pada waktu itu yang kemudiannya diikuti dengan terdapatnya pengiktirafan banyak negara Islam yang lain seperti Mesir, Jordan dan negara-negara lain terhadap Israel itu sendiri telah memberikan sedikit pandangan oleh Kerajaan Malaysia tentang kelonggaran-kelonggaran yang tertentu tanpa bermaksud untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel iaitu misalnya

tentang rakyat Malaysia yang ingin mengunjungi tempat suci seperti di Baitulmuqaddis dan sebagainya. Terdapat kelonggaran yang bermula dalam tahun 1994 bahawa boleh sekiranya memenuhi syarat-syarat tertentu untuk pergi ke Baitulmuqaddis kerana ini adalah tempat suci bagi umat Islam.

Ini adalah di antara perkembangan-perkembangan yang kita lihat berasaskan kepada sejauh manakah terdapat kemajuan kepada rundingan damai dan pelaksanaan rundingan damai yang telah diputuskan selepas perjanjian 1993 dan mematuhi *road map* yang telah dipersetujui di peringkat Bangsa-bangsa Bersatu (United Nation) dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perlu diingatkan bahawa kita perlu mengingatkan rakyat kita bahawa kita tidak memusuhi Yahudi kerana dia Yahudi, kerana kita perlu tahu bahawa dalam Islam itu sendiri bahawa ramai nabi Islam adalah terdiri dari orang-orang Yahudi, yang kita tentang ialah dasar Zionisme yang dipertahankan atau dimajukan oleh rejim yang ada sekarang ini. Terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kehadiran Pergerakan Wanita UMNO Sri Gading yang dipimpin oleh Datin Azizah Haji Zakaria, isteri kepada Ahli Parlimen bagi Sri Gading.

Tuan Yang di-Pertua, soal kriket adalah merupakan cerita lama, cerita lapuk yang mana Ketua Pemuda PAS pun sudah masuk penjara. Saya hendak menyebut di sini tentang peranan Malaysia sebagai Pengerusi OIC. Saya tidak menafikan tadi tentang pendirian Malaysia dengan hubungan dengan Israel ini. Baru-baru ini Israel telah menyuarakan untuk menjadikan seluruh Kabinet Palestin sebagai sasaran pembunuhan selepas kerajaan pimpinan Hamas melantik seorang pejuang sebagai ketua pasukan keselamatan Palestin yang baru. Ugutan itu disuarakan oleh Ahli Parlimen Israel dan juga bekas ketua agensi perisiknya Danny Yatom. Soalan tambahan saya, adakah kita selaku Pengerusi OIC, kerana ini ada hubungan diplomatik Malaysia dengan Israel, kita melihat secara serius setiap ancaman atau ugutan itu yang dilakukan ke atas setiap negara Islam di samping ancaman Amerika Syarikat ke atas Republik Iran. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Malaysia memandang berat ke atas ancaman yang dikemukakan oleh pihak Israel terhadap apa yang berlaku di atas keputusan yang dibuat di dalam negara Palestin itu sendiri. Perlu kita tahu bahawa ancaman terus datang dari semasa

ke semasa yang dibuat oleh Israel terhadap rakyat Palestin atas apa jua keputusan yang diambil dalam negara Palestin yang kita akui itu.

Tuan Yang di-Pertua, perlu diingatkan bahawa tentang isu yang berkaitan dengan siapakah yang sepatutnya menjadi ketua, mengepalai ataupun memegang posisi yang strategi di dalam pasukan keselamatan Palestin itu bukanlah sahaja satu perkara yang menjadi isu antarabangsa tetapi kini juga adalah menjadi antara isu yang penting dalam hubungan antara pihak parti Hamas yang menguasai Parlimen ataupun badan legislatif Palestin dan juga pihak presiden - eksekutif mereka sendiri.

Bagi Malaysia, kita sedang memerhatikan isu-isu begini, sejauh manakah ia akan menjadikan isu yang terus menjadi punca ketegangan bukan sahaja antara Israel dan Palestin tetapi di kalangan pihak-pihak yang berbeza dalam Palestin itu sendiri.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat kerana kita memang serius.

4. **Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah terdapat usaha-usaha untuk mengkaji semula Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 bagi memastikan pemaju-pemaju perumahan memberikan pemilikan kosong kepada pemilik rumah hanya setelah Sijil Layak Menduduki diperolehi oleh pemaju tersebut demi menjaga keselamatan dan hak pembeli rumah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi mempercepatkan pengeluaran Sijil Layak Menduduki (CFO), Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 telah dipinda pada tahun 1999 di mana dimasukkan sub perenggan 25(1c), (d) dan (e), yang menghendaki pihak berkuasa tempatan (PBT) mengeluarkan perakuan layak menduduki dalam tempoh 14 hari dari tarikh Borang A diterima. Sekiranya pemaju tidak menerima perakuan layak menduduki dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan tersebut disifatkan telah diluluskan dan kemudian PBT hendaklah mengeluarkan Sijil Layak Menduduki kepada pemaju.

Walau bagaimanapun kaedah Penyerahan Pemilikan Kosong kepada pembeli rumah adalah terkandung dalam surat perjanjian jual beli di bawah Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1989. Sekiranya pemilikan kosong hendak diberikan setelah perakuan layak menduduki layak diperolehi, maka pindaan perlu dibuat kepada peraturan-peraturan pemajuan perumahan.

Pada masa ini pihak kementerian sedang menyediakan kertas cadangan bagi menggantikan pengeluaran Sijil Layak Menduduki dengan *Certificate of Completion and Compliance (CCC)* yang akan dikeluarkan oleh para profesional. Dengan cara ini isu kelewatan pengeluaran Sijil Layak Menduduki dan kelulusan keselamatan akan dapat diatasi.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini telah dilaporkan satu projek perumahan ada satu kecelakaan telah berlaku di mana tangki air telah runtuh di dalam rumah. Di dalam keadaan ini di mana rumah itu telah pun diduduki, apakah tindakan kementerian terhadap pemaju yang sedemikian ataupun kementerian menunggu laporan sebelum mengambil tindakan kepada pemaju yang kurang bertanggungjawab seperti itu.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, secara dasarnya rumah-rumah yang telah siap ini sudah pun ada CFnya. Dari segi pembinaan, memanglah telah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, dengan yang demikian barulah CF dapat dikeluarkan kepada pemaju. Oleh sebab itu pada dasarnya kita melihat bahawa segala keperluan itu sudah pun dipatuhi oleh pihak pemaju. Mungkin timbul masalah *supervision* di tempat projek menyebabkan perkara ini berlaku. Kemungkinannya jika ini berlaku, sekiranya ada kemungkiran daripada syarat-syarat yang diperlukan untuk dipatuhi oleh pihak pemaju, sepatutnya pihak yang bertanggungjawab untuk mengawasi projek ini iaitu pihak profesional seperti arkitek sepatutnya sudah melaporkan kepada pihak berkenaan iaitu pihak berkuasa tempatan. Dengan yang demikian jika itu berlaku maka CFO tidak adakan dikeluarkan.

Tetapi untuk maksud masalah atau isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat iaitu baru-baru ini berlakunya kes tangki yang jatuh ini, KPKT telah mengarahkan pihak berkuasa tempatan yang berkenaan untuk membuat siasatan dan siasatan ini akan diserahkan kepada pihak kementerian dalam masa yang terdekat dan kemudian kita akan melihat bagaimana tindakan yang patut diambil. Terima kasih.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak kembali kepada soalan asal mengenai pemilikan kosong atau *vacant possession* ini. Salah satu masalah sekarang ialah mengenai pemaju memberikan pemilikan kosong kepada pembeli tanpa ada penyambungan kemudahan asas seperti air dan elektrik. Ini berlaku di mana-mana

tempat terutama di kawasan saya dan ini disebabkan oleh satu kelemahan dalam perjanjian jual beli yang ada satu klausa yang mengatakan dengan izin 'ready to connect' maksudnya ialah bersedia untuk menyambung air dan elektrik. Tetapi pada masa yang sama PBT bila kata ok pemaju sudah siap dengan paip, meter dan sebagainya mereka *ready to connect* walaupun tidak ada air dan elektrik maka PBT terpaksa mengeluarkan sijil pemilikan kosong kepada pembeli rumah. Tetapi masalah utama ialah mereka belum lagi mendapat air dan elektrik. Adakah kementerian untuk mengupah atau *rewane* dengan izin klausa ini supaya semua pembeli dalam negara dapat dijamin dari segi kepentingan mereka. Sekian, terima kasih.

**Datuk Azizah bin Mohd. Dun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebutkan tadi di dalam jawapan saya yang awal tadi bahawa untuk tujuan memastikan masalah ini tidak berlaku itu pemilikan kosong dan sijil untuk duduk ini dapat diberikan sekali gus memastikan segala-segala keperluan pembeli rumah itu dapat kita jaga, maka apa yang perlu kita buat ialah meminda peraturan-peraturan pemajuan perumahan kawalan dan pelesenan dengan menambah lagi syarat-syarat di dalam surat perjanjian jual beli itu. Insya Allah, ini sedang kita kaji Yang Berhormat.

**5. Tuan Mohd. Daud bin Haji Tarihep [Kuala Selangor]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan berhasrat mewartakan semua Tanah Rancangan FELDA sebagai Tanah Rizab Melayu; dan
- (b) jumlah keluasan tanah FELDA yang sedang atau telah dimajukan sebagai kawasan perumahan atau pembangunan bercampur. Jika ada, di mana.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian pertama soalan Yang Berhormat dari Kuala Selangor, Rancangan FELDA adalah tertakluk di bawah Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok 1960. Akta ini diwujudkan untuk menyeragamkan undang-undang dan bertujuan menguruskan Rancangan FELDA secara berkelompok dan terkawal.

Melalui Akta ini kerajaan dapat mewujudkan penempatan baru dengan lebih terancang dan teratur. Bolehlah diandaikan bahawa tujuan kerajaan mewujudkan Akta ini ialah supaya tanah peneroka dapat terus dikawal dan ditadbirkan oleh satu agensi pembangunan tanah seperti FELDA. Satu peruntukan di bawah Akta ini ialah tanah peneroka tidak boleh di pecah bahagian dan diubah syarat *Provision of the Act* dengan

izin masih berkuat kuasa. Tanggungjawab FELDA ke atas sesebuah rancangan terutamanya di dalam urusan ladang, pengeluaran hasil dan pendapatan peneroka adalah berterusan. Dengan demikian, akan lebih terjamin pulangan dan faedah yang diperolehi oleh para peneroka di sesebuah rancangan FELDA. Sungguhpun tidak diwartakan di bawah *Reserve Melayu*, kerajaan berpendapat Akta ini dapat mengelakkan *Land Fragmentation* dengan izin ke atas tanah milik peneroka.

Bagi bahagian yang kedua, sehingga kini sebanyak 5 buah rancangan FELDA telah diubah syarat daripada kategori pertanian kepada pembangunan bercampur. Kesemua rancangan yang terlibat telah dibubarkan di bawah Akta Tanah Kawasan Tempatan Berkelompok GSA 1960.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tujuan saya mengemukakan soalan yang pertama adalah dengan tujuan banyak tanah rizab Melayu yang sudah dimajukan tidak diganti dan yang kedua dengan tujuan untuk memelihara kepentingan orang Melayu supaya tanahnya tidak dipindah milik kepada orang bukan Melayu. Saya lihat Akta GSA 1960 ada *loophole*. Saya hendak tanya kepada kerajaan adakah cadangan untuk meminda GSA dan juga enakmen rizab Melayu agar matlamat di atas dapat dicapai sesuai dengan semangat Perlembagaan Negara Fasal 89 dan juga kehendak Majlis Tanah Negara dan juga Kanun Tanah Negara.

Soalan yang kedua, ini penting bahawa para kedua. FELDA Bukit Cerakah di Kuala Selangor merupakan projek yang pertama dibangunkan untuk tujuan perumahan dan juga pembangunan bercampur yang telah dibuka pada tahun 1988 dan dibangunkan pada tahun 1996. Hasrat untuk melihat jutawan Melayu daripada peneroka FELDA adalah gagal. Daripada tinjauan rambang saya, 40% boleh dipanggil jutawan, 50% balik modal dan 10% jatuh miskin balik akibat daripada tidak ada campur tangan kerajaan atau satu pelan tindakan untuk membantu peneroka membangunkan tanah. Hari ini yang berlaku diserahkan kepada peneroka dan pemaju.

Jadi satu lagi Tuan Yang di-Pertua, FELDA Sungai Buaya terbengkalai selama 10 tahun. Geran dicagarkan kepada Bank, pemaju sudah lari dan peneroka hanya dapat RM150 ribu. Apa tindakan agresif kerajaan dalam perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tentang adanya *loophole* di dalam GSA, sebenarnya tidaklah seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat kerana dari segi untuk hendak ditukarkan taraf tanah ini, kita ada peruntukan iaitu di bawah bidang

kuasa kerajaan negeri untuk sama ada hendakewartakan sebagai tanah rizab Melayu ataupun tidak. Ini adalah di bawah bidang kuasa Negeri dan pihak berkuasa negeri boleh mengikut negeri masing-masing, berunding dengan pihak Pusat sama ada perlu sesuatu kawasan untuk diwartakan ataupun tidak.

Saya bersetuju sebahagian dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tentang pembangunan bagi tanah di FELDA Sungai FELDA dan juga di Bukit Cerakah, terdapat kekurangan sedikit sebanyak sebab itu bagi rancangan-rancangan yang sekarang ini di bawah kelolaan FELDA, di bawah pengurusan dengan pihak Pusat dengan kerajaan Negeri. Kita ketatkan lagi dan bukti jelas bahawa ada daripada 5 rancangan yang sebutkan tadi LBJ dan Sendayan, mereka berjaya kerana dari pengurusannya datang daripada FELDA, kerajaan negeri dan syarikat berkenaan. Tetapi di dua kawasan Yang Berhormat sebutkan tadi, di Sungai Buaya dan Bukit Cerakah ini kerana kehendak peneroka-peneroka sendiri di mana mereka sendiri menguruskan dengan syarikat yang berkenaan dan pihak pengurusan FELDA, pihak kerajaan dan pihak kerajaan negeri membenarkan kerana pengurusan mereka sendiri dengan pihak yang berkenaan maka berlakulah perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Oleh sebab itu untuk memastikan supaya perkara ini lebih lagi berkesan pada masa yang akan datang kerajaan telah meletakkan FELDA khusus di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Tindakan-tindakan tegas telah pun diambil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat kata tadi mereka tidak menjadi jutawan di dua kawasan ini tetapi sebahagian besar pampasan telah pun diberikan kepada mereka.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita semua maklum, melalui rancangan FELDA lebih 100 ribu keluarga telah dapat dikeluarkan daripada belunggu kemiskinan dan sudah menjadi contoh kepada negara-negara membangun yang lain. Soalnya adakah kerajaan bercadang untuk membuka kawasan-kawasan baru dan dalam masa yang sama membangunkan kawasan-kawasan FELDA yang strategik untuk pembangunan bercampur seperti yang dibuat di FELDA Sendayan di mana peneroka mendapat wang tunai setengah juta ringgit, dapat tanah 2 ekar, rumah bernilai 250 hingga 300 ribu ringgit dan dalam masa yang sama, generasi kedua mendapat penghidupan yang lebih baik. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak FELDA tidak bercadang untuk menambahkan lagi rancangan-rancangan baru yang sekarang ini kita dapati bahawa sebanyak 298 rancangan yang ada sudah menepati

sasaran kita dan sekiranya terdapat keperluan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi selaku kerajaan kita sudah pasti bahawa agensi-agensi kerajaan yang lain yang ada seperti FELCRA, RISDA dan juga ini perlu kita beri penekanan ataupun fokus bagi memastikan bahawa mereka yang terlibat dengan kemiskinan ini dapat kita hapuskan ataupun dapat kita kurangkan.

Dan insentif juga kita berikan kepada peserta-peserta FELDA yang kita panggil produktiviti insentif, dengan izin yang telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini. Ini juga sebagai satu cara untuk menggalakkan peserta-peserta FELDA supaya mereka meningkatkan lagi produktiviti mereka kerana ini adalah satu perkara yang penting untuk memastikan pendapatan peserta FELDA dapat ditingkatkan dari satu masa ke satu masa.

**6. Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah perancangan bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan mengambil kira aspek ekuiti bumiputera di dalam sektor dan industri kritikal yang kini masih belum dapat diterokai dengan jayanya. Apakah strategi kerajaan untuk memendekkan proses birokrasi di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan selain menumpukan kepada pencapaian dalam pembasmian kemiskinan serta ketidakseimbangan pendapatan dan kekayaan perhatian khusus akan diberikan kepada impak pelaksanaan dasar program dan projek ke atas ekuiti terutama dari segi keberkesanan dan produktiviti dalam proses pertumbuhan serta pengagihan peluang dan ganjaran. Tumpuan akan diberi kepada usaha mewujudkan masyarakat sains dan teknologi bumiputera (MSTB) dan meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor kecil berasaskan teknologi seperti bio-teknologi, ICT, bahan termaju dan pembuatan termaju.

Kerajaan akan menyediakan sokongan yang perlu dan mengambil tindakan terpilih untuk membantu usahawan bumiputera yang berupaya dan berkebolehan termasuk melalui program peningkatan produk dan kualiti, latihan teknikal, pemasaran dan promosi serta pembangunan dan penyelidikan (R&D). Perusahaan bumiputera akan digalakkan untuk menjalankan aktiviti R&D bagi meningkatkan kualiti produk dan keupayaan pengeluaran. Pelbagai bantuan termasuk kemudahan pembiayaan, peningkatan produk, pemasaran dan promosi akan juga diadakan kepada usahawan

bumiputera, bantuan dan kemudahan lain juga akan disediakan berdasarkan keperluan perniagaan.

Bagi membantu penyertaan lebih ramai bumiputera dalam bidang pertumbuhan baru terutamanya dalam sektor perkhidmatan, pembuatan serta pertanian dan industri berasaskan pertanian, langkah akan diambil untuk meningkatkan penyertaan usahawan bumiputera dalam sektor kecil perkhidmatan terpilih seperti pengangkutan dan logistik, bengkel automotif, perdagangan, pengedaran, perkhidmatan profesional dan perniagaan, pelancongan serta industri berasaskan sumber perniagaan yang berasaskan produk halal, herba dan *pharmaceutical*.

Dalam sektor pembuatan, penekanan akan diberi kepada sektor strategik dan industri berteknologi tinggi seperti ICT, bio-teknologi, *photonic*, nano teknologi, pembuatan termaju dan kejuruteraan ke perisian ataupun *precision engineering* dengan izin. Kerajaan dengan kerjasama GLC yang berkaitan akan membantu kemasukan bumiputera dalam bidang pertumbuhan baru menerusi pembentukan program berpakej baru. Program ini meliputi penyediaan skim pembiayaan untuk memupuk usahawan dan tekno usahawan bumiputera baru yang berpotensi.

Di samping itu golongan profesional bumiputera sedia ada yang layak dan berprestasi tinggi dalam industri berteknologi tinggi akan dikenal pasti dan digalakkan menjadi peserta peneraju dalam program ini. Bagi mengurangkan proses birokrasi kerajaan akan memastikan pelaksanaannya diselia dengan teliti menerusi mekanisme pemantauan yang lebih kukuh di unit Perancang Ekonomi dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, di Jabatan Perdana Menteri.

Semua kementerian dan agensi berkaitan akan diminta untuk memastikan semua dasar dan program yang dilaksanakan menyumbang ke arah pengagihan pendapatan, kekayaan dan peluang ekonomi lain yang lebih saksama. Satu sistem yang lebih baik akan diwujudkan untuk mengenal pasti penerima faedah dan meminimumkan kebocoran bagi mencapai objektif pertumbuhan dengan pengagihan.

**Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]:** Terima kasih, Timbalan Menteri. Dalam menguruskan program pembangunan negara terutama di Malaysia, pengimbangan antara golongan bumiputera dan bukan bumiputera sentiasa menjadi rujukan bagi mengukur tahap kejayaan sesebuah negara. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kerajaan juga memberi penekanan kepada sistem penyampaian yang banyak menyumbang kepada kelewatan pencapaian sesuatu matlamat yang diharapkan oleh negara.

Soalan saya ialah, apakah agaknya nasihat kerajaan akan peranan yang boleh dimainkan sendiri oleh individu syarikat bumiputera dan pertubuhan-pertubuhan bumiputera dalam membantu Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat dijayakan dengan sepenuhnya. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sewaktu membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan bahawa salah satu rintangan kejayaan dasar-dasar kerajaan ialah sistem penyampaian. Oleh yang demikian, sebab itulah Yang Amat Berhormat sendiri telah membentuk satu badan yang kita panggil Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN), untuk memastikan bahawa sistem penyampaian ini akan lebih berkesan lagi.

Tetapi kalau Yang Berhormat tanya saya sendiri semuanya ini boleh menjadi ataupun mencapai kejayaan mestilah modal insan yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat itu diperbaiki sikapnya, cara kita bertindak, amanahnya, semua ini adalah penting di dalam hendak memastikan bahawa sistem penyampaian ini boleh sampai kepada dasar yang kita kehendaki.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berpuas hati dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi kalau kita kaji balik pelbagai tabung telah diwujudkan, pelbagai program telah diwujudkan dan kadangkala disebabkan inflasi dan sebagainya kejayaan bumiputera mencapai matlamat telah tidak kesampaian.

Sekarang ini adakah pihak kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan memastikan bahawa kita fokus. Fokuskan kepada sektor-sektor yang hendak kita bangunkan iaitu sektor perniagaan kecil dan sederhana untuk membantu sektor perniagaan yang besar. Jadi, adakah sekarang ini kerana saya lihat kadang-kadang kita rakyat pun bercelaru, agensi ini pun buat bantuan, agensi ini buat bantuan, yang itu tidak sampai, yang ini tidak cukup dan sebagainya. Akhirnya, kita tidak mendapat matlamat yang kita hendakkan.

Jadi, yang penting ialah matlamat supaya yang 30% ini harus dicapai. Saya hendak minta supaya Dewan-dewan Perniagaan Melayu ini memainkan peranan kerana akhir-akhir ini saya nampak Dewan Perniagaan Melayu agak tersisih. Kalau kita lihat orang-orang Tionghoa, dewan perniagaan mereka memainkan peranan yang cukup besar untuk membantu industri perniagaan orang-orang Tionghoa.

Jadi, kalau boleh Dewan Perniagaan Melayu dan juga agensi kerajaan ini bersepakat dan kita gembar-gemburkan supaya ekonomi orang-orang Melayu sampai ke tahap yang kita perlukan. Terima kasih banyak, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju memang banyak tabung yang ada ditubuhkan oleh kerajaan. Lebih daripada 40 tabung kalau kita tengok. Semuanya ini, nawaitu atau niatnya, dasar yang bertulis adalah baik belaka untuk tujuan membantu bumiputera dan masyarakat secara keseluruhannya tetapi apa yang lebih penting ialah bagaimana kita hendak melaksanakannya. Ini sebablah saya sebutkan tadi, insan-insan yang hendak melaksanakan itu mestilah insan yang kita katakan mempunyai minda kelas satu seperti kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**7. Dato' Ghazali Bin Ibrahim [Padang Terap]** minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah pelatih yang telah dilatih di PLKN mengikut kaum dan jantina. Adakah Kerajaan akan memperkenalkan cadangan-cadangan baru bagi memperkenalkan dan memantapkan lagi program tersebut.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Padang Terap, jumlah pelatih yang berjaya menamatkan latihan Program Latihan Khidmat Negara atau (PLKN) sejak dilaksanakan tahun 2004 adalah seramai 162,254 orang yang terdiri daripada pelbagai kaum. Daripada jumlah tersebut seramai 115,111 orang bumiputera, 58,383 lelaki dan 56,728 perempuan. Sementara itu, 32,652 daripada kaum Cina, 16,496 lelaki dan 16,156 perempuan; 11,408 daripada kaum India yang terdiri daripada 5,754 lelaki dan 5,654 perempuan, dan 3,083 orang lain-lain bangsa, 1,534 lelaki dan 1,549 perempuan.

Bagi memastikan program ini lebih mantap dan berkesan, usaha-usaha penambahbaikan telah dan sedang dilaksanakan. Sebagai contoh, persoalan ini juga telah dibangkitkan dalam Dewan ini iaitu pada siri ketiga 2006 ini, kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan latihan pengendalian senjata *M-16* setelah mendapat respons positif daripada pelatih-pelatih melalui projek perintis bagi kumpulan tiga siri dua tahun 2005. Di samping itu, kualiti jurulatih dipertingkatkan melalui kursus untuk jurulatih dan kursus ulang kaji.

Kita juga mengadakan satu *system star rating*, diperkenalkan bagi mempertingkatkan perkhidmatan dan kemudahan di kem-kem penambahbaikan modul-modul latihan serta penubuhan unit khas bagi Program Pasca PLKN.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Memang tidak boleh dinafikan bahawa program ini begitu berkesan dan telah melahirkan rakyat yang jati diri, rakyat yang berdisiplin, rakyat yang sayang kepada negara tetapi kita lihat sejak ditubuhkan dahulu, tahun 2004, banyak berlaku kes rogol, pergaduhan, pembunuhan, keracunan berlaku di kebanyakan tempat di PLKN kita.

Apakah langkah-langkah kerajaan yang sedang diambil atau sedang dikaji untuk mengatasi masalah-masalah yang saya nyatakan tadi supaya rakyat tidak hilang keyakinan terhadap satu program yang cukup berkesan kepada rakyat untuk melahirkan insan yang jati diri pada hari ini? Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Satu penerimaan yang diterangkan oleh Yang Berhormat bagi Padang Terap iaitu program ini adalah program yang diterima umum dan berkesan dan saya ucapkan terima kasih. Saya tidak menolak bahawa terdapat perkara-perkara yang telah dibangkitkan tetapi itu bukan merupakan modul atau perancangan yang disusun oleh PLKN di bawah Kementerian Pertahanan ini. Perkara-perkara yang terjadi itu bukan satu perkara yang keseluruhan.

Contohnya, pembunuhan, tidak ada pembunuhan yang berlaku tetapi kejadian kecil seperti baru-baru ini di Kluang, di mana perselisihan kecil di antara peserta, keduanya lelaki dan dalam perselisihan kecil ini dalam kejadian yang hanya mengambil masa beberapa minit sahaja seorang peserta telah terkena sepakan dan akhirnya diisytiharkan meninggal dunia oleh pakar perubatan di Kluang.

Seperti kata Yang Berhormat, terdapat keracunan. Saya ingin menyatakan bahawa tidak ada berlaku keracunan yang boleh mematikan tetapi ini ialah keracunan makanan. Keracunan makanan ini bukan sahaja terdapat di dalam perhimpunan-perhimpunan ataupun kursus-kursus yang dijalankan oleh PLKN, keracunan makanan juga terdapat seperti di sekolah-sekolah, maka dengan itu program keracunan makanan itu tidak disusun tetapi ini adalah terjadi tentang pengendalian yang dibuat oleh pihak pembekal makanan di peringkat yang berkenaan.

Semua perkara-perkara ini telah diambil perhatian dan sebab itulah saya telah menyatakan tadi bahawa satu *system star rating*, yang kita buat peninjauan dan pengendalian berterusan bagi menentukan bahawa prestasi di semua pihak yang mengendalikan kawalan keselamatan yang membekalkan makanan yang menjaga

peraturan-peraturan lain hendaklah ditingkatkan apabila kita rasa ia tidak memuaskan hati kita.

Oleh sebab kita rasa kita boleh menentukan keadaan ini dan dengan imbangan yang telah kita terima daripada permintaan ibu bapa untuk anak-anak mereka menyertai PLKN ini telah bertambah walaupun anak-anak mereka tidak dipilih bagi sesi yang berkenaan, ini membuktikan bahawa ibu bapa telah memberi kepercayaan dan mengakui bahawa latihan di dalam PLKN ini memberi satu kesedaran jati diri, kesempurnaan tetapi kita tidak menolak kecacatan yang berlaku, satu, dua seperti yang berlaku baru-baru ini dan kita telah mendapat kerjasama yang cukup baik daripada pihak polis dan pihak lain yang menentukan di mana kesalahan dan di manakah kecacatan yang berlaku.

Pihak PLKN telah membuat penilaian keseluruhannya dan memberi kerjasama yang baik daripada kita kepada pihak polis dan kita mendapat pengesahan daripada ibu bapa daripada kedua-dua belah pihak. Insya-Allah, kita akan boleh menentukan perkara ini untuk membawa kebaikan lagi. Terima kasih.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Minta penjelasan. Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau ukuran diadakan ketika di awal pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara ini, kita mendapat pelbagai tentangan daripada pelbagai pihak tetapi hari ini ramai pihak yang kecewa jika mereka tidak disenaraikan sebagai pelatih PLKN.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya apakah sikap kementerian kepada usaha Kementerian Belia dan Sukan terhadap penganjuran program yang mirip kepada program latihan khidmat negara ini yang dipanggil PSKN ataupun Program Khidmat Sosial Negara.

Soalan saya yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apakah juga usaha Kementerian untuk mewujudkan pasca program PLKN ataupun dipanggil alumni ataupun bekas-bekas pelatih PLKN ini yang telah mencecah angka 180 ribu orang ini. Apakah usaha kementerian terhadap usaha ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Program PLKN di bawah Kementerian Pertahanan akan berjalan seperti biasa dan apa pun program yang akan dijalankan oleh kementerian lain, khususnya Kementerian Belia

dan Sukan, kita tidak ada tentangan dan kita seharusnya memberikan sokongan dalam program ini. Oleh sebab ianya di bawah Kementerian Belia dan Sukan, maka Kementerian Belia dan Sukan ada mempunyai program dan modul yang tertentu, tetapi apa yang telah dijalankan Kementerian Pertahanan melalui PKLN ini akan kita teruskan.

Dalam menentukan bahawa penyusunan yang kita rancangan bagi meneruskan komitmen ataupun kesedaran jati diri peserta-peserta PLKN sememangnya pihak lembaga telah memutuskan akan mengadakan satu pendekatan seperti alumni yang akan dijalankan tidak lama lagi, di samping itu juga Lembaga PLKN akan menilai keseluruhannya apakah tambahan ataupun pendekatan yang akan boleh diberi oleh peserta PLKN pada masa yang akan datang. Oleh sebab kita mengendalikan program ini, maka kita perlu menilai kaji penglibatan mereka dan kerelaan mereka untuk menyertai dalam program-program yang mungkin kita susun pada masa yang akan datang. Kita sangat berterima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk merendangkan lagi ataupun untuk mengadakan pendekatan dalam perancangan sosial budaya, jati diri, kemajuan anak-anak belia pada masa yang akan datang. Terima kasih.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab lisan pada pagi ini.

***[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]***

## USUL

### **UCAPAN TAKZIAH ATAS KEMBALINYA KE RAHMATULLAH ALLAHYARHAM TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**11.05 pagi.**

**Yang Amat Berhormat Perdana Menteri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3) seperti berikut :

“Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Tun Abdul

Ghafar bin Baba, bekas Timbalan Perdana Menteri pada 23 hari bulan April tahun 2006.”

Tuan Yang di-Pertua, negara telah kehilangan seorang negarawan dan pejuang yang tidak dapat dihitungkan jasanya kepada masyarakat dan tokoh seperti Allahyarham sukar dicari ganti. Allahyarham memperlihatkan kematangan dan sentiasa menyampaikan suara keseimbangan terutamanya dalam perkara-perkara yang sensitif yang menyentuh agama, kaum, budaya dan bangsa. Allahyarham adalah pemimpin yang sentiasa komited untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara tanpa mengira penat lelah agama, bangsa dan status sosial. Semoga Allah S.W.T. sentiasa mencucuri rahmat ke atas rohnyanya dan meletakkannya bersama-sama orang yang beriman dan menyampaikan takziah kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, pada pagi 23 April 2006, negara diselubungi berita hiba, bahawa Tun Abdul Ghafar bin Baba, telah kembali ke Rahmatullah pada jam 7.35 pagi di Pusat Perubatan Gleneagle, Kuala Lumpur. Padamlah satu kendil negara yang sepanjang hayatnya penyalakan cahaya untuk menerangi kehidupan bangsanya. Allahyarham lahir dalam keluarga miskin tetapi kemiskinan tidak menghalangnya mencipta kejayaan. Malah kemiskinan itu menjadi sumber kekuatan yang menjadikan Allahyarham kaya dengan pengalaman dan kukuh dengan keazaman hingga sampai ke peringkat yang diiktiraf sebagai seorang negarawan.

Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba, seorang tokoh negara dan tokoh bangsa, sebahagian besar hayatnya diabdikan untuk berkhidmat kepada negara bangsanya. Setiap tanggungjawab yang diamanahkan dipenuhi dengan penuh komitmen, dilaksanakan secara gigih. Allahyarham adalah anak Melayu dari sebuah perkampungan Melayu tetapi memiliki pemikiran terbuka hingga diterima keikhlasannya sebagai pemimpin oleh setiap warga Malaysia daripada pelbagai kaum dan Adan golongan agama.

Di kalangan orang Melayu, Allahyarham dikenali sebagai suara Melayu yang sentiasa menjadi jurubicara, meluahkan denyut nadi dan denyut hati insan Melayu terutama dari kalangan rakyat miskin, dari kalangan petani dan nelayan di desa serta dari kalangan pekerja dan rakyat biasa di bandar. Allahyarham dikenali sebagai suara yang sentiasa peka menyampaikan pandangan rakyat biasa dan rakyat bawahan. Perdana Menteri kedua Malaysia, Allahyarham Tun Abdul Razak, pernah menyatakan bahawa suara dan pandangan Allahyarham merupakan maklum balas mewakili

konstitusi Melayu luar bandar serta rakyat golongan bawahan terhadap program-program yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, namun kasih sayang dan perhatian Allahyarham kepada insan Melayu tidak pula menjadikannya seorang yang bersifat ekstrem. Allahyarham adalah antara pemimpin yang menerima realiti akan komposisi warga di negara ini terjadi daripada pelbagai agama, kaum, budaya dan bahasa. Allahyarham sentiasa bersuara sederhana, suara perimbangan yang menjadi *stabilizer*, memperlihatkan kematangan dan sifat rasional dalam pendiriannya, begitu juga ketika menangani isu-isu sensitif, menyentuh agama, kaum, budaya dan bahasa .

Untuk itu, Allahyarham telah dapat memenuhi tanggungjawab sebagai Setiausaha Barisan Nasional secara berkesan, diterima dan dihormati oleh semua komponen parti dari pelbagai agama dan pelbagai kaum. Malah ketika MCA menghadapi krisis kepimpinan pada tahun 1985, Allahyarham, walaupun bukan berketurunan Cina telah diterima untuk memimpin parti tersebut dalam satu tempoh transisi.

Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba dilahirkan pada 18 Februari, 1925. Mula aktif dalam politik sejak berusia 15 tahun dengan menyertai Persatuan Melayu Muda Melaka dan kemudiannya menyertai UMNO pada tahun 1951. Dalam tempoh hayatnya, Allahyarham pernah menjawat jawatan Ketua Menteri Melaka di antara tahun 1959 ke Ogos 1967 dan merupakan pengerusi MARA yang pertama pada tahun 1967. Sebagai Pengerusi MARA, Allahyarham tekun berusaha merealisasikan impian Allahyarham Tun Abdul Razak, untuk melahirkan kumpulan profesional dan teknokrat Melayu dengan mengasaskan penubuhan kolej MARA yang kemudiannya menjadi Institut Teknologi MARA, dan pada hari ini telah ditingkatkan ke taraf Universiti Teknologi MARA.

Kepekaan Allahyarham terhadap kemiskinan terutama di kalangan rakyat luar bandar, membuatkan Allahyarham sentiasa memilih undang memimpin kementerian berkaitan pembangunan luar bandar antara tahun 1969 hingga tahun 1976. Sebelum memilih berundur diri daripada menjadi anggota Jemaah Menteri pada 19 Mei 1986, Allahyarham menerima tanggungjawab sebagai Timbalan Perdana Menteri dan sekali gus memegang portfolio Menteri Pembangunan Luar Bandar sebelum memilih meletakkan jawatan berkuat kuasa pada 16 Oktober 1993.

Allahyarham memberikan perkhidmatan kepada negara, bangsa dan parti semasa senang dan semasa susah, baik ketika memegang jawatan penting di dalam

kerajaan dan parti, mahupun ketika menjadi ahli biasa dan tidak memegang sebarang jawatan. Kesetiaan Allahyarham adalah kepada perjuangan dengan memberi khidmat secara konsisten. Dalam menghulurkan khidmat Allahyarham sentiasa berpegang kepada falsafah orang Semindar, dijemput datang, disuruh pergi.

Ketika tidak lagi memegang jawatan sebagai Menteri, Allahyarham terus menyokong dan taat kepada parti dan kepada kerajaan dan bersedia pula memberi pandangan dan nasihat apabila sahaja diminta dan diperlukan. Malah Allahyarham memainkan peranan sebagai abang tua menyuarakan nasihat dan pandangan secara ikhlas sentiasa. Itulah sifat negarawan yang telah dibuktikan oleh Allahyarham yang wajar dijadikan contoh ikutan. Negara dan bangsa telah kehilangan negarawan bernama Abdul Ghafar bin Baba yang pernah menjadi anggota Dewan yang mulia ini selama 35 tahun, yang terakhir mewakili kawasan Parlimen Batu Berendam dari tahun 1999 hingga ke tahun 2004. Jasa dan khidmat baktinya akan terpahat dalam sejarah negara. Dewan ini merakamkan penghargaan setinggi-tingginya atas jasa, khidmat dan bakti yang telah Tun Abdul Ghafar bin Baba (Allahyarham) sumbangkan kepada negara dan bangsa. Semoga segala pengorbanan dan perkhidmatan Allahyarham diterima oleh Allah S.W.T sebagai amal yang diberikan ganjaran. Semoga Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan para solehin, di kalangan orang-orang soleh yang banyak berjasa dan beramal.

Bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia dengan rasa penuh hiba saya menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham. Negara dan rakyat amat berterima kasih kepada ahli-ahli keluarga Allahyarham kerana pengorbanan mereka merelakan Allahyarham memperuntukkan sebahagian besar dari usia dan kehidupan untuk berkhidmat kepada negara dan kepada bangsa. Kita sama-sama berdukacita dan bersimpati atas kesedihan yang dirasakan oleh ahli-ahli keluarga mengikuti saat-saat akhir hayat Allahyarham dan akhirnya menerima dengan reda takdir Ilahi. Saya mendoakan semoga keluarga Allahyarham diberikan ketabahan, kesabaran dan kita sentiasa bersama mereka dalam saat-saat yang mereka hadapi pada waktu ini mudah-mudahan Allah S.W.T akan memberi ketenangan kepada mereka menghadapi ujian Ilahi. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat ada sokongan kepada Usul Yang Amat Berhormat?

**Timbalan Perdana Menteri [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**11.12 pagi.**

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan amat dukacita dan perasaan yang sungguh sedih mengemukakan di Dewan yang mulia ini sokongan setulusnya kepada Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi merakamkan ucapan takziah di atas kembali ke rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Ghafar Baba.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya telah sampailah ketentuan dan takdir Ilahi dengan pemergian seorang negarawan terbilang, Allahyarham Tun Ghafar Baba. Maka tidak mungkin ada kata, kata yang dapat menghuraikan sepenuhnya tentang betapa banyak sumbangan tokoh besar ini kepada agama, bangsa dan tanah air tercinta. Nyatalah beliau merupakan seorang individu unik yang telah mengharungi pengalaman hidup merentasi zaman penjajahan memperjuangkan kemerdekaan dan seterusnya antara yang bertanggungjawab mengisi kemerdekaan negara. Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu. Siapa sangka nasib awal seorang anak muda sebagai pemungut bola golf dan penjaja ubi kayu akhirnya berjaya ke tahap begitu tinggi menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di sudut peribadi Allahyarham Tun Ghafar amat disanjung sebagai seorang pemimpin yang berjiwa rakyat kerana sifatnya yang begitu bersederhana, merendah diri dan mudah mesra dengan semua lapisan masyarakat. Di kalangan rakan dan taulan beliau diketahui memiliki sifat yang sungguh mulia iaitu tidak segan mengakui latar belakang kehidupannya yang susah. Allahyarham sentiasa sahaja mahu belajar daripada pengalaman hidup sehingga berjaya memiliki kemahiran politik yang cukup tinggi dan halus. Manakala kepada UMNO pula pulangnya ke rahmatullah wira negara ini tentu amat memilukan semua ahli. Sesungguhnya tidak terhitung sumbangan yang telah diberikan oleh beliau semasa hayatnya terhadap parti. Allahyarham telah disifatkan sebagai seorang yang sangat sayangkan UMNO dan sentiasa ingin mengambil berat tentang perjalanan dan pengurusan parti. Allahyarham Tun Ghafar juga menjadi contoh tentang kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada parti sejak awal remaja sehinggalah menghembus nafas terakhir semalam beliau terus kekal bersama UMNO. Tambahan lagi sepanjang 25 tahun sebagai Naib Presiden dan lapan tahun sebagai Timbalan Presiden Allahyarham berpegang bahawa hanya melalui parti yang kukuh sahaja pemerintahan stabil dapat diwujudkan demi menjamin kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang pemimpin negara Allahyarham begitu komited untuk berkhidmat kepada rakyat tanpa mengira agama dan bangsa. Hakikatnya beliau dianggap sebagai pemimpin kepada semua bangsa yang telah berjasa dalam menjadi penstabil kepada parti komponen termasuklah Parti MCA. Beliau juga memegang rekod sebagai Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri selama 49 tahun secara berterusan. Dalam tempoh itu beliau sebanyak dua kali menjadi Menteri yang bertanggungjawab dalam pembangunan luar bandar khususnya FELDA. Selaras dengan hakikat ini FELDA ingin nama beliau diabadikan di sebuah rancangan FELDA di Jasin yang merupakan bekas kawasan Parlimen beliau selama lima penggal. FELDA Kemendur Air Kangkung kini dinamakan FELDA Tun Ghafar. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, tempoh 81 tahun yang dilalui oleh anak kelahiran Kuala Pilah, Negeri Sembilan ini penuh dengan suka duka, pengalaman hidup yang wajar diambil iktibar oleh kita semua. Untuk pengetahuan ramai seawal usia Allahyarham yang begitu muda iaitu 14 tahun beliau telah mula terlibat dalam pelbagai gerakan yang memperjuangkan nasib bangsa antaranya Gerakan Melayu Muda. Jelas di sini cinta dan kasihnya kepada tanah air sungguh mendalam dan akan kekal terpahat sebagai lambang semangat nasionalisme yang tinggi kepada kita semua terutama generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua, “Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama”. Begitulah nama indah Allahyarham akan sentiasa harum dan mekar bersemadi di hati kita sebagai pejuang kemerdekaan yang tulus, pemimpin parti yang berdedikasi, pemimpin negara yang komited dan seorang negarawan tulen yang berhemah tinggi. Secara peribadinya juga saya pernah diberitahu oleh Allahyarham ayahanda saya tentang kepercayaan beliau yang begitu tinggi terhadap kepimpinan Allahyarham Tun Ghafar, bahkan ramai ketika itu yang amat maklum tentang keakraban Allahyarham Tun Ghafar sebagai rakan karib politik kepada Allahyarham Tun Razak.

Tuan Yang di-Pertua kata orang, “Hancur badan dikandung tanah, budi yang baik dikenang juga”, justeru sekali lagi saya menyokong Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan menghulurkan ucapan takziah dan belasungkawa kepada seluruh kaum keluarga Allahyarham Tun Ghafar Baba atas pemergian beliau ke rahmatullah. DariNya kita datang dan kepadaNya kita kembali. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat yang berpanjangan dan dimuliakan di kalangan orang-orang yang soleh. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu tadi dibuka untuk dibahas. Saya jemput Yang Berhormat bagi Tanjong Piai.

**11.20 pagi.**

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, 23 hari bulan April 2006 adalah hari yang sedih bagi kita semua kerana kita telah kehilangan seorang bekas Timbalan Perdana Menteri dan negarawan yang terbilang, Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba yang amat dikasihi dan dihormati oleh rakyat Malaysia. Kita telah menyaksikan beribu-ribu rakyat dan pemimpin politik dan masyarakat memberi penghormatan yang terakhir kepada beliau. Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba akan dikenangi oleh rakyat sebagai seorang tokoh negara yang istimewa, sejati dan berjiwa rakyat.

Sepanjang penglibatan beliau dalam arena politik negara dan semasa beliau berkhidmat dalam kerajaan, beliau amat rapat dengan rakyat dan sentiasa membantu rakyat untuk menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi oleh mereka tanpa mengira kaum dan latar belakang. Falsafah kepimpinan yang sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat menjadikan beliau seorang pemimpin yang luar biasa. Beliau pernah bertanding sembilan kali dan menang dalam sembilan pilihan raya umum. Ini adalah satu rekod dan bukti beliau mendapat sokongan padu dan berterusan dari rakyat. Allahyarham Tun pernah berkhidmat di bawah pentadbiran empat bekas Perdana Menteri sehingga berjaya mencatat satu rekod yang sangat cemerlang.

Beliau terkenal sebagai seorang pemimpin yang berasal dari akar umbi tetapi tidak pernah lupa asalnya. Beliau mempunyai sikap yang jujur, ikhlas, adil, prihatin terhadap orang bawahan, golongan kurang berada dan sentiasa merendahkan diri sehingga sentiasa ketepikan protokol dan status sebagai Menteri atau Timbalan Perdana Menteri. Cara dan gaya kepimpinan Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba memang dikagumi oleh rakyat. Beliau berusaha gigih untuk mencapai perpaduan rakyat dan keharmonian kaum sepanjang hayat beliau.

Bagi pihak parti MCA dan masyarakat Cina di Malaysia, saya mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba. Hubungan MCA dengan Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba adalah amat rapat kerana semasa MCA dilanda krisis dalaman pada 80-an, beliau telah memainkan peranan penting untuk membantu parti MCA pada ketika itu. Jasa dan sumbangan Allahyarham Tun Abdul

Ghafar Baba akan sentiasa dikenangi oleh semua ahli MCA. Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun parti MCA menyambut hari jadi Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba di tempat kediamannya termasuk pada tahun ini parti MCA terus menyambut hari jadinya di hospital. Tetapi selepas ini parti MCA akan jadikan semua itu ingatan dan kenangan yang tidak akan kita lupa untuk selama-lamanya.

Tun Abdul Ghafar Baba adalah pemimpin sebenar bagi semua rakyat Malaysia, Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba adalah amat dihormati oleh masyarakat berbilang kaum Malaysia. Semangat perjuangan dan jasa beliau akan dikenangi dan ingati selama-lamanya, jasa, perjuangan, pengorbanan dan sumbangan Tun Abdul Ghafar tetap akan dicatat dalam sejarah negara. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat bagi Sungai Siput.

**11.24 pagi.**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan perasaan yang amat menyedihkan saya harus menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia telah kehilangan seorang pejuang negara dan anak bangsa yang amat disayangi dan dihormati rakyat. Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba merupakan simbol perpaduan negara dan seorang pemimpin kepada semua kaum di negara ini. Rakyat Malaysia sentiasa menghormati dan mendampingi beliau kerana keperibadian beliau yang mesra dan amat prihatin terhadap masalah-masalah mereka tanpa mengira kaum. Kesungguhan beliau dalam menyelesaikan banyak masalah melibatkan semua kaum di negara ini menjadikan beliau sebagai pemimpin semua kaum.

Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba adalah seorang pemimpin akar umbi, seorang rakyat biasa yang berjaya mengamalkan sifat-sifat kepimpinan Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba telah meletakkan perpaduan negara sebagai asas penting dalam pembangunan negara. Beliau telah berusaha untuk melahirkan satu identiti Malaysia. Sewaktu menjadi Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba mendapat giliran Perdana Menteri rakyat, beliau disanjung oleh rakyat sebagai seorang yang mementingkan keamanan dan keharmonian.

Beliau memenangi hati dan minda rakyat dengan gaya kepimpinan yang begitu disenangi rakyat. Walaupun telah bersara daripada Jabatan Kerajaan, Allahyarham Tun

Abdul Ghafar Baba terus aktif dalam politik. Beliau terus mewarnai politik tanah air sehingga ke akhir hayat beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bertuah kerana berpeluang untuk bertugas bersama Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri. Saya masih ingat lagi apabila saya berjumpa dengan beliau pada satu hari untuk mendapatkan bantuan beliau bagi menyelesaikan masalah melibatkan keadaan perumahan dan kehidupan pekerja-pekerja beberapa ladang yang dijual selepas mengalami fragmentasi.

Pekerja-pekerja ladang tersebut tinggal dalam rumah-rumah usang yang dibina pada zaman penjajah. Rumah-rumah mereka tidak mempunyai bekalan air dan elektrik serta jalan yang sempurna. Selepas mendengar keadaan mereka, Yang Amat Berbahagia, Tun Ghafar dengan serta-merta telah meluluskan peruntukan segera sebanyak RM30 juta bagi menyediakan bekalan air, elektrik dan jalan kepada ladang-ladang tersebut. Tuan Yang di-Pertua, inilah Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba yang kita kenali. Inilah Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba yang masyarakat Malaysia amat sayangi. Saya tidak dapat melupakan jasa Allahyarham Tun Abdul Ghafar sehingga ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak MIC saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba, Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba akan sentiasa berada di dalam hati setiap rakyat Malaysia untuk selama-lamanya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita jemput Yang Berhormat bagi Beruas.  
**11.29 pagi.**

**Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba, bekas Timbalan Perdana Menteri pada 23 April 2006 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kepimpinan dan Ahli-ahli Parti Gerakan rakyat Malaysia, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba di atas pemergian Allahyarham pada pagi semalam.

Sepanjang tempoh perkhidmatan Allahyarham sebagai seorang pemimpin politik UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional, Allahyarham Tun telah banyak berbakti dan berkorban demi kepentingan parti dan juga kepada negara kita yang tercinta ini.

Pengorbanannya ini amat kami hargai dan usaha titik peluhnya akan sentiasa kami hayati serta kagumi. Pengalaman Allahyarham Tun sering dipetik untuk menyelesaikan kerumitan dan masalah-masalah politik yang bakal mengundang kepercayaan dan persengketaan. Namun, setiap kali khidmat Allahyarham diperlukan, tidak pernah sekali pun tanggungjawab ini ditolak atau dipertikaikannya. Sikap Allahyarham yang sentiasa prihatin dan adil kepada semua pihak membolehkannya mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang dianggap rumit.

Tuan Yang di-Pertua, kami dari Parti Gerakan Rakyat Malaysia amat mengagumi semangat perjuangan dan nasionalisme Allahyarham Tun Ghafar Baba. Peninggalan dan pengorbanan Allahyarham Tun pasti akan terukir sebagai detik-detik sejarah paling terunggul negara kita. Kami mengucapkan selamat tinggal kepada seorang wira negara, wira parti dan wira bangsa.

Di saat-saat yang sungguh menyedihkan ini, kami mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham dan percaya ahli-ahli keluarganya akan dapat mencari kekuatan untuk mengatasi segala kesedihan dan kehilangan mereka. Kami rakyat Malaysia turut merasakan kehilangan ini dan turut bersedih, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya menjemput Yang Berhormat bagi Miri.  
**11.32 pagi.**

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]:**  
Tuan Yang di-Pertua, rakyat di seluruh Malaysia merakamkan perasaan yang amat sedih dan pilu terhadap pemergian Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba. Bagi pihak semua komponen parti Barisan Nasional Sarawak dengan penuh rasa hiba, saya menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba. Kita semua akan tetap merasa kehilangan Allahyarham Tun seorang tokoh negarawan yang terbilang dalam perjuangan negara dan pemimpin yang berjasa sepanjang hayat kepada rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan kedudukan. Allahyarham Tun yang berjiwa rakyat dan seorang pemimpin akar umbi telah memberi banyak pengorbanan dalam keazaman beliau memperjuangkan kemerdekaan negara dan pembangunan negara seterusnya.

Allahyarham Tun lebih dikenali tokoh negara dan yang berdedikasi dalam membela nasib rakyat luar bandar melalui kepimpinannya sebagai Menteri

Pembangunan Luar Bandar dan seterusnya sebagai seorang Timbalan Perdana Menteri. Peranan beliau dalam usaha melepaskan rakyat luar bandar daripada belenggu kemiskinan adalah terunggul dan disanjung tinggi. Sifat peribadi Allahyarham Tun seorang peramah, mudah bergaul dengan semua lapisan masyarakat tanpa kira kaum dan pangkat dan kebolehan beliau bertutur dan memahami masalah rakyat jelata merupakan teladan yang perlu diamalkan oleh kita semua dalam menjalankan peranan sebagai wakil rakyat. Rakyat Sarawak tidak akan lupa segala sumbangan Allahyarham Tun yang telah diberikan khususnya penduduk di luar bandar Sarawak.

Di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga Allahyarham kerana mengizinkan serta menyokong Allahyarham Tun memperjuangkan kepentingan negara. Jasa dan bakti berjiwa rakyat Allahyarham Tun akan tetap tinggal di kenangan kita semua. Semangat perjuangan Allahyarham Tun akan tetap menjadi pedoman dalam perjuangan kita untuk kepentingan rakyat dan negara. Semoga Tuhan merahmati roh Allahyarham Tun Abdul Gafar Sebab.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya menjemput Yang Berhormat bagi Kota Marudu.

**11.35 pagi.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi. Saya bagi pihak parti-parti komponen Barisan Nasional Negeri Sabah termasuk Parti Bersatu Sabah dan rakyat negeri Sabah ingin merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Ghafar Baba di atas pemergian seorang negarawan terkenal yang tidak jemu-jemu berbakti kepada negara dan rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan, agama dan kedudukan mereka.

Kita semua berdoa kepada Tuhan agar keluarga Allahyarham sentiasa tabah di atas kehilangan Allahyarham yang bukan sahaja merupakan seorang pemimpin agung kepada masyarakat malah merupakan seorang ayah yang begitu penyayang dan amat mengambil berat di atas kebajikan ahli-ahli keluarga beliau.

Seperti mana yang telah ditekankan, sesungguhnya negara kita telah kehilangan seorang pemimpin yang amat berjasa dan sukar dicari ganti. Allahyarham telah menabur bakti, tanpa mengenal penat dan lelah dari usia muda lagi. Allahyarham merupakan pejuang kemerdekaan dan merupakan satu-satunya ahli politik yang

menceburi diri dalam perjuangan menuntut kemerdekaan semenjak beliau berusia 15 tahun lagi. Pengorbanan beliau ke atas negara amat membanggakan sekali dan patut diikuti dan dicontohi oleh semua masyarakat terutamanya para remaja yang bakal menjadi pemimpin negara kita yang tercinta ini. Baktinya yang telah dicurahkan oleh Allahyarham setelah negara mencapai kemerdekaan amat besar. Allahyarham sentiasa prihatin dan berusaha untuk menaikkan taraf ekonomi rakyat Malaysia terutamanya pembangunan ekonomi penduduk di luar bandar bukan sahaja di negeri-negeri di Semenanjung, tetapi khasnya di Sabah dan Sarawak.

Allahyarham juga turut memainkan peranan penting dalam proses pembentukan Malaysia pada 1963. Seluruh rakyat di Sabah dan Sarawak tidak akan lupa jasa dan peranan yang telah dimainkan oleh Allahyarham itu. Jasa ini bukan sahaja dalam proses pembentukan Malaysia, tetapi juga dalam hal pengurusan perhubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan bukan sahaja dalam konteks negeri Sabah dan Sarawak tetapi semua negeri di dalam Malaysia. Hal ini ketara sekali semasa Allahyarham menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri pada Mei 1986 sehingga Oktober 1993 di mana Allahyarham sentiasa mengambil berat tentang perhubungan baik di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan terutamanya di Sabah dan negeri-negeri lain.

Peranan Allahyarham dalam mengembangkan sayap UMNO ke Sabah adalah satu perkembangan politik negara yang telah menjadi sebahagian sejarah daripada sejarah Malaysia. Dalam konteks ini Allahyarham telah bertugas dan berfungsi sebagai jambatan perhubungan dalam bidang politik nasional, dalam bidang perpaduan dan integrasi dan sememangnya dalam pembangunan negara. Allahyarham merupakan seorang pemimpin yang berjuang untuk semua rakyat dan amat cintakan perpaduan dan sikapnya yang mudah dibawa berunding sering menjadikannya tokoh pilihan sebagai pemimpin negara bagi menyelesaikan pelbagai masalah terutamanya dari segi politik di kebanyakan parti-parti komponen Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kita telah kehilangan mutiara yang amat berharga pada negara, namun sumbangan dan jasa Allahyarham akan sentiasa terpahat di dalam sejarah negara dan di dalam hati kita semua.

Sekali lagi saya ingin menyampaikan ucapan takziah bagi pihak parti-parti komponen Barisan Nasional dari negeri Sabah dan ahli keluarga Allahyarham. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**11.40 pagi.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk memberi sokongan penuh kepada usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat ke atas pemergian seorang tokoh pejuang kemerdekaan negara dan negarawan, Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba.

Dengan perasaan sedih, saya turut berhasrat untuk menyampaikan ucapan takziah DAP yang mendalam kepada keluarga Allahyarham Tun Ghafar ke atas kedukaan yang mereka alami, di mana negara juga merupakan kehilangan seorang anak Malaysia yang disegani.

Allahyarham mempunyai kerjaya politik yang begitu menarik. Bukan sahaja kerana Allahyarham pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO, tetapi Allahyarham juga pernah menjadi Presiden MCA. Allahyarham tidak pernah melupakan permulaannya yang rendah diri dan selalunya kekal sebagai ahli politik yang berjiwa rakyat, *people's politician*.

Allahyarham merupakan seorang ahli politik yang jelas menunjukkan komitmennya berdiri bersama rakyat. Apabila Allahyarham menolak semua gelaran kehormat yang ditawarkan kepada Allahyarham selama empat dekad beliau beraktif di dalam politik sehingga selepas persaraan Allahyarham daripada arena politik.

Sungguhpun uzur pada tahun-tahun terakhirnya, Allahyarham terus berada di barisan depan untuk menunjukkan keprihatinannya terhadap kebajikan dan masa depan rakyat dan negara. Salah satu keprihatinan Allahyarham pada tahun-tahun terakhirnya ialah masalah rasuah dan politik wang, khususnya cadangan Allahyarham bahawa sekiranya politik wang tidak dapat dihapuskan dalam UMNO, maka ianya harus dikawal dengan menawarkan semua jawatan UMNO melalui lelong awam.

Keprihatinan Allahyarham terhadap masalah rasuah dan politik wang semasa tahun-tahun terakhirnya harus memberi ilham baru terhadap satu perang yang ikhlas dan habis-habisan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menegakkan integriti nasional dan memerangi rasuah demi meletakkan Malaysia antara 10 negara yang paling bersih di dunia menjelang tahun 2020. Saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat bagi Gua Musang.

**11.42 pagi.**

**Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah [Gua Musang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan perasaan yang sedih untuk melahirkan perasaan kita semua di atas kehilangan seorang tokoh, seorang pejuang, seorang pemimpin yang telah banyak menabur jasa, bukan sahaja kepada parti yang dipimpinnya ketika waktu beliau masih sihat dan memegang jawatan dalam partinya tetapi juga kepada negara.

Saya bangun bagi pihak Ahli-ahli Parlimen daripada kumpulan Barisan Nasional untuk merakamkan setinggi-tinggi takziah kepada keluarga Allahyarham Tun Ghafar. Saya sempat berkenalan dengan Allahyarham Tun Ghafar sejak tahun 1962. Kali pertama kita berkongsi pentas ialah dalam Pilihan Raya Kecil Rantau Panjang dalam tahun 1962 itu dan saya masih ingat, selepas kita mengadakan ceramah, kita telah bersama-sama minum kopi, berbual tentang masalah yang dihadapi kita bersama di ketika itu.

PAS baru sahaja merampas kuasa di Kelantan. Barisan Nasional pada masa itu, Perikatan kalah dengan teruk di negeri itu dan Allahyarham telah rasa sedih di atas kehilangan kuasa Perikatan kerana beliau memikirkan masa depan negeri Kelantan kelak oleh kerana, tindakan konservatif daripada golongan yang baru berkuasa mungkin akan menyekat dan membantut kemajuan bagi Pantai Timur dan khususnya bagi rakyat Kelantan.

Selepas kita berbual semasa minum kopi, kita beredar untuk balik ke tempat kita tinggal di Rantau Panjang. Tetapi malangnya oleh kerana persaingan amat sengit pada masa itu, kita tidak dapat pulang dengan kenderaan yang disediakan untuk kita kerana jambatan yang kita lalu semasa hendak ke majlis ceramah itu telah diruntuhkan oleh pihak-pihak yang kita tidak kenali.

Langsung kita membuat keputusan untuk berjalan kaki ke atas rel kereta api daripada kampung yang kita mengadakan ceramah berhampiran dengan Kampung Kuala Periuk ke Rantau Panjang, jauh juga tempatnya. Kita berjalan kaki berbekal dengan satu lampu picit kerana sudah pun lewat pagi, hampir pukul 2.30 atau 3.00 pagi berjalan kaki dan sambil berjalan kaki, macam-macam cerita kita dengar daripada Allahyarham. Allahyarham adalah seorang peramah, seorang yang banyak cerita mengenai peristiwa semasa beliau kecil, semasa beliau di Maktab Sultan Idris dan juga semasa beliau menyertai politik tanah air. Mula-mulanya dalam parti Persatuan Melayu dan kemudiannya dalam UMNO. Barangkali kalau hendak cerita, ia memakan masa yang panjang. Tetapi memadailah dengan saya menyimpulkan bahawa Allahyarham

adalah seorang yang sememangnya pemimpin daripada peringkat akar umbi. Dia menitik berat tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat di kampung-kampung sama oleh kerana beliau adalah daripada keluarga yang tidak berada.

Dia pernah menceritakan bahawa dia pernah menjadi *ball picker* semasa bersekolah dahulu kerana hendak cari wang untuk wang saku, untuk belanja di sekolah dan beliau selalu ke tempat orang bermain tenis dan kadangkala dijemput menjadi *ball picker*. Begitu jugalah apabila dia membesar, dia menjadi *caddie* untuk juga mendapat wang. Tetapi sambil membantu mereka yang bermain golf, beliau berkesempatan mempelajari kaedah bermain golf sehingga dia menjadi seorang *golfer* dengan izin, yang handal sehingga *handicapper* yang saya rasa tidak mudah hendak dicapai oleh mana-mana *golfer* yang tidak ketentuan masa untuk melakukan amalan *golfing* misalnya. Tetapi Tun Ghafar adalah seorang yang boleh menyesuaikan diri dengan serba keadaan walaupun dia tidaklah berkelulusan tinggi, kerana tidak berkesempatan berbuat demikian.

Dia berkelulusan Maktab Sultan Idris dan salah seorang cikgu yang kita boleh panggil dia ini, yang telah muncul sebagai seorang tokoh, seorang negarawan. Walaupun tidak mempunyai pelajaran formal sebagaimana generasi sekarang ini, tetapi dia dapat menguasai banyak ilmu dan dapat memahami keadaan-keadaannya yang dihadapinya. Daripada menjadi seorang cikgu dengan kerjaya yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh, beliau telah dapat meningkatkan kedudukannya daripada seorang guru, seorang pemimpin masyarakat sehingga menjadi seorang ahli politikus yang disegani dan dihormati oleh kawan dan lawan. Kita tahu, beliau pernah menjadi pemangku Perdana Menteri negara kita. Ketika Allahyarham pada masa itu menjadi Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, beliau telah dapat mengurus hal ehwal negara dengan baik dan telah dapat membuktikan kebolehan seseorang yang begitu komited kepada apa yang diperjuangkannya. Itulah dia Tun Ghafar Baba.

Dia banyak kali ditawarkan, Dato', Tan Sri tetapi setiap kali tawaran dibuat dia tetap menolak. Saya ingat Allahyarham Tun Razak pernah mengarah saya pergi memujuk Tun Ghafar supaya menerima tawaran yang pernah dibuat oleh Kerajaan Pusat tetapi Tun Ghafar tetap menolak. Apabila dia dikurniakan dengan gelaran Tun, saya awal-awal lagi jumpa dia dan memanggil dia Tun, dia marah pada saya. Dia kata panggil nama biasa cukuplah kerana dia katanya ibu bapanya telah mengadakan kenduri untuk

memberi nama ini, tidak dengan nama lain. Itulah orangnya Tun Ghafar, *simple* dan sederhana caranya.

Saya ingat satu masa dia menjemput saya ke rumah anaknya, rumah Tamrin pada masa itu saya tidak berada dalam UMNO, dia sedang menghadapi tentangan hebat daripada salah seorang pemimpin UMNO ketika itu untuk jawatan yang disandangnya, dan di antara banyak perkara yang dia sebut pada saya, dia kata, "Apa boleh buat, Li", dia panggil saya Li, "Masa sudah sampai barang kali". Kerana dia ini orang tidak pandai guna duit. Jadi, dia barang kali kena berundur dan bersara, dia kata sesuatu kena dilakukan supaya segala perkara yang dilakukan ini dapat dibanteras untuk masa hadapan supaya dapat menyelamatkan politik tanah air. Selepas itu dia pun tidak lagi menjadi Timbalan Perdana Menteri dan kalau datang ke Parlimen di sebelah kiri saya dia duduk. Barang kali Tan Sri Speaker ingat semasa dia menghabiskan masa sebagai seorang *backbencher*. Tetapi saya sebut di sini bukan perkara-perkara yang dilakukan oleh Tun Ghafar semasa dia menyandang jawatan tetapi perkara-perkara yang dilakukan di luar jawatan.

Dia ini tidak suka berbual kosong, selalunya serius dan selalunya suka membincangkan masalah yang dihadapi oleh masyarakat terutama sekali kemiskinan rakyat luar bandar yang dia beri perhatian khusus kepada masalah-masalah itu dan selalu menjemput rakan-rakannya berbincang bagaimana dapat kita membaiki keadaan yang dihadapi oleh kita dan bagaimana dapat kita membantu mereka melonjak naik menjadi lebih maju daripada tahap yang mereka alami. Juga beliau ini sebagai seorang yang serius, tidak suka mengubah masa itu sebab ianya dikenali di antara rakan-rakan sebagai seorang yang tidak suka menghabiskan masa terlampau lama mepengerusikan mesyuarat.

Kita dengar khabar Tun Ghafar pernah mepengerusikan Kabinet tidak lebih daripada 15 minit kerana dia kata dia anggap semua sudah faham dan apa yang di cadang di dalam kertas-kertas Kabinet yang dibentangkan itu sudah pun di setuju dan diterima oleh semua yang hadir melainkan ada yang menentang apa yang dicadangkan di situ. Jadi, dia kata, buat apa kita habiskan masa panjang-panjang, kalau semua sudah faham tentang maksudnya dan kita patut tamatkan mesyuarat dan boleh kita keluar untuk menjalankan tugas dengan cepat. Inilah Tun Ghafar dan selain daripada itu dia ini saya sebutkan tadi seorang yang peramah, suka bergurau, saya ingat dahulu pada zaman Tengku Abdul Rahman kita ada majlis makan selepas mesyuarat majlis tertinggi. Semasa mengadakan majlis makan itulah Tun Ghafar yang dianggap oleh

setengah pihak sebagai pendiam selalunya membawa bermacam-macam cerita terutama sekali mengenai Allahyarham Tun Sa'adon.

Saya tidak hendak mengulangi apa yang diceritakannya tetapi kalau orang tahu cerita-cerita yang dicerita oleh Tun Ghafar, pendek kata tidak habislah kita ketawa tetapi biasanya kalau Tun Ghafar bercerita mengenai Tun Sa'adon *favoritenya*, Tun Sa'adon berada bersama-sama kadangkala dia turut ketawa. Saya ingat Tengku kata, Don, you ketawa pasal apa ini? Semua benda ini tidak patut ketawa, katanya [*Ketawa*] tetapi Tun Sa'adon turut ketawa. Itulah baiknya dan mesranya antara para pemimpin yang ada pada masa itu sekarang pun tidak ada bezanya. Jadi saya menceritakan sedikit demi sedikit ini untuk memperingati bahawa Tun Ghafar ini bukanlah seorang yang serius sehingga tidak boleh hendak berjenaka dengan kawan-kawan ataupun dengan seorang yang serius sehingga tidak ada benda yang hendak diceritakan kepada sesiapa pun.

Dia ini adalah seorang manusia yang sederhana, *simple* dari segi perwatakannya dan kita kehilangan seorang tokoh. Walaupun beliau tidak berkelulusan tinggi tetapi dia mempunyai idea dan pandangan yang luas dan jauh. Contohnya *golf club*, *Golf Course* Tengku Abdul Rahman Putera adalah *golf course* yang direka bentuk oleh Tun Ghafar sendiri kerana dapat idea daripada padang-padang *golf* yang telah dilawati dan dia cenderung sangat hendak membentuk satu reka bentuk padang *golf* yang difikir sesuai dengan keadaan yang terdapat di padang *golf*.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit pandangan saya mengenai Tun Ghafar dan saya rasa kita semua patut ingat sebagai seorang negarawan yang telah banyak berjasa kepada kita. Lain-lain pemimpin telah pun menceritakan tentang apa yang dilakukan oleh Tun Ghafar tetapi disepanjang hayatnya telah mencurahkan bakti dan jasa kepada bangsa dan negara. Dia tidak membezakan di antara satu dengan yang lain sama ada yang miskin ataupun yang kaya, antara yang Melayu dengan bukan Melayu, sebab kerana dia telah muncul sebagai seorang *statesman* bagi Malaysia yang sedang membangunkan ini.

Maka dengan sedikit kata-kata itu, saya dari pihak Ahli-ahli Parlimen daripada kumpulan Barisan Nasional suka menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**12.00 tgh.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, Allah S.W.T, berfirman [*membaca sepotong ayat al-Quran*]. Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai mewakili Mursyidul Am PAS dan Presiden dan ahli-ahli parti Islam Se-Malaysia PAS, merakamkan ucapan takziah di atas pemergian Allahyarham Tun Ghafar Baba kepada keluarganya yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya pelajari daripada Tun Ghafar adalah beliau merupakan contoh rakyat biasa yang dapat mencapai tahap hierarki tertinggi dalam kerajaan sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan juga mengakhiri hidupnya berstatus bertaraf seorang negarawan. Ini membuktikan Tuan Yang di-Pertua, bahawa kecemerlangan akademik bukan sahaja, menjadi penentu kepada kejaya ataupun kejayaan seseorang.

Tun Ghafar telah membuktikan bahawa dengan izin, kekuatan EQ ataupun *Emotional Intelligence* yang ada dalam diri beliau, menjadi contoh kepada anak muda pada hari ini untuk terus maju ke hadapan dan tidak bermakna rakyat biasa tidak boleh menjadi pemimpin negara dan berstatus sebagai seorang negarawan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai anak muda walaupun saya tidak sezaman dengan Allahyarham Tun Ghafar Baba, tapi apa yang saya pelajari, legasi yang beliau tinggal kala hidup dengan cara sederhana dan saya diberitahu oleh rakan-rakan politik sama ada dari rakan-rakan UMNO ataupun daripada PAS sendiri, di saat dan ketika beliau menghembuskan nafas yang terakhir, harta yang beliau miliki hanyalah sebuah rumah yang sederhana yang dianggap biasa oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengkaji karya-karya agung sebagai contoh dengan izin, sebuah buku yang bertajuk "*Ranking of The Most Influential Person in History*". Saya dapati tokoh-tokoh dunia pejuang rakyat seperti Gandhi, Abraham Lincoln, Fedal Castro, legasi mereka adalah mereka hidup sebagai rakyat biasa. Rumah mereka, keluarga mereka, harta benda mereka telah dianggap setaraf dengan rakyat. Apa yang saya pelajari daripada Tun Ghafar melalui teman-teman adalah beliau tidak pernah digosipkan dengan politik wang, rasuah ataupun terlibat dengan politik wang ataupun pembinaan kekayaan semasa hidup beliau sehinggalah beliau menghembuskan nafas yang terakhir.

Hari ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia menyebut tentang yang bukan harta yang berbilion atau harta yang berjuta yang ku cari, ataupun bukan pangkat dan harta yang ku cari. Paling tidak pun saya yakin dan percaya Tun Ghafar

telah menjadi contoh yang terbaik untuk diikuti. Beliau hidup dalam perjuangan rakyat dan mati sebagai rakyat biasa yang terbilang yang saya rasa telah dianggap sebagai seorang negarawan yang disegani oleh kawan dan lawan. Dari Allah dia datang, dan kepada Allah dia dikembalikan, terima kasih. Saya mengucapkan takziah bagi pihak Parti Islam se-Malaysia, PAS.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, memadailah setakat ini perbahasan kita. Dijemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjawab, jika ada.

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi sokongan di atas usul yang telah dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

## USUL

### **RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

**menyedari** akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

**merestui** usaha kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

**bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing." **[20 April 2006]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Kementerian Kerja Raya untuk memberi jawapan.

**12.05 tgh.**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan yang mulia ini.

Saya akan menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan membangkitkan mengenai projek-projek jalan raya bagi kawasan Parlimen Kinabatangan dan minta agar jalan-jalan tersebut dapat disiapkan dalam tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Kesembilan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua projek sambungan yang sedang dilaksanakan di kawasan Parlimen Kinabatangan, iaitu projek membina jalan Telupid – Linuyukan - Tangod sepanjang 52 km dan projek naik taraf jalan Sukau sepanjang 42 km. Kedua-dua projek ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2008.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selanjutnya Kementerian Kerja Raya telah menerima cadangan tiga projek baru dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk dilaksanakan di kawasan Parlimen Kinabatangan iaitu projek membina jalan Linuyukan - Pinangah sepanjang 47 km. Projek mereka bentuk jalan Sukau-Tomanggong sepanjang 50 km dan kajian kemungkinan jalan Tongod ke selatan Sabah.

Memandangkan kementerian ini menerima banyak cadangan projek baru dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan akan melaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah membangkitkan mengenai naik taraf jalan Tangkak ke Segamat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

kementerian memang telah mencadangkan agar projek ini diberi keutamaan untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Ahli Yang Berhormat dari Lipis telah membangkitkan mengenai projek....

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tangga Batu, Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Sikit sahaja. Saya ada membangkitkan tentang kedudukan Kampung Relau, Asahan. Dia di dalam negeri Johor, Johor Utara, kerana ini kampung rumah saya Yang Berhormat Menteri, nak dihubungkan Segamat melalui Jementah. Kalau jalan ini dihidupkan daripada Jementah ke Kampung Asahan ini, saya yakin Kampung Asahan yang sekarang ini jadi pekan mati, boleh dihidupkan. Adakah termasuk dalam rancangan Yang Berhormat Menteri? Ataupun boleh diambil kira untuk hidupkan jalan ini? Sekarang ini jalan ..... dari Asahan ke Jementah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri S. Samy Vellu [Sungai Siput]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyiasat untuk mendapat lebih maklumat berkenaan dengan apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat, dan esok saya akan bagi jawapan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Penjelasan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ahli Yang Berhormat..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Semasa perasmian jambatan kedua Muar, Yang Berhormat Menteri telah memaklumkan semasa persidangan media, bahawa projek jalan atau lebuhraya daripada Segamat ke Tangkak akan dilaksanakan secara dua fasa, 100 juta dan 100 juta. Kedua, Kerajaan Negeri Johor juga telah meletakkan jalan tersebut sebagai projek nombor satu dalam bahasa Arabnya nombor wahid. Dalam senarai, projek jalan yang terutama yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan. Adakah Yang Berhormat Menteri meletakkan ini sebagai projek jalan nombor satu dalam negeri Johor? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri melalui jalan itu juga apabila saya pergi ke Segamat. Saya tahu apakah masalah di jalan itu. Ada juga beberapa tahun yang lalu Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membangkitkan isu ini dan kami sudah menghantar semua pandangan-pandangan daripada negeri Johor dan juga daripada ahli Yang Berhormat kepada Unit Perancang Ekonomi.

Saya percaya seperti apa saya jawab tadi apabila kita dapat butir-butir berkenaan dengan projek itu, kos dan juga apa-apa peruntukan yang akan disediakan, saya akan memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Lipis telah membangkitkan mengenai projek memperbaiki jalan dari Tangkak ke Gemas, Bahau, Triang, Temerloh, Jerantut, Kuala Lipis, Gua Musang dan terus ke Kota Bharu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan Ahli Yang Berhormat untuk memperelok dan menaik taraf jalan dari Tangkak, Gemas, Bahau, Triang, Temerloh, Jerantut, Kuala Lipis, Gua Musang dan terus ke Kota Bharu akan diambil ingatan oleh pihak Kementerian Kerja Raya.

Kementerian Kerja Raya juga telah pun mencadangkan supaya jalan dari Gua Musang ke Merapoh sepanjang 73 kilometer di naik taraf kepada empat lorong dua hala dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selanjutnya dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Kementerian Kerja Raya telah menaik taraf jalan dari Bentong ke Kuala Lipis dan jalan dari Kuala Lipis ke Merapoh kepada jalan empat lorong dua hala manakala bagi jalan dari Bahau ke Kemayan telah di naik taraf dari standard jalan R3 ke R4.

Tan Sri Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Maran...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, jelas membuktikan Yang Berhormat Menteri bila jawab tidak pandang Pengerusi di sini. Itu sebab Yang Berhormat sebut Tan Sri.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Hah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya kata Yang Berhormat tidak pandang di sini. *[Ketawa]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Oh.

**Dato' Seri Lim Keng Yaik:** Belum Tan Sri lagi, tetapi kalau mahu cadang boleh.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Sedikit hari nantilah. *[Ketawa]* Ahli Yang Berhormat bagi Maran telah membangkitkan mengenai keadaan Lebuhraya Pantai Timur yang bengkok bengkok....

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanah Merah bangun.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa jalan dari Gua Musang ke Kuala Lipis akan dibina empat lorong dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti. Apakah jalan ini akan diteruskan dari Gua Musang ke Kota Bharu kerana ini amat penting kepada kemajuan, khususnya negeri Kelantan untuk menghubungi Kuala Lumpur dan juga Pelabuhan Klang di mana sekiranya terbinanya lebuhraya terus dari Kota Bharu, Gua Musang, Kuala Lipis dan seterusnya ke Kuala Lumpur, sudah pasti pembangunan industri di negeri Kelantan akan menjadi satu pemangkin untuk kemajuan negeri Kelantan, khususnya dalam menghadapi kemajuan negara kita, Wawasan 2020. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, seperti apa jelas tadi, kita sudah menghantar cadangan-cadangan kepada Unit Perancang Ekonomi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menaik taraf jalan kepada empat lorong dua hala iaitu jalan Gua Musang-Merapoh sepanjang 73 kilometer. Selain daripada itu, saya mengambil perhatian apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun saya kena melihat berapakah peruntukan yang telah disediakan oleh Jabatan Perdana Menteri untuk menjalankan projek-projek ini, selepas itu saya akan memberi penjelasan kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Maran telah membangkitkan mengenai keadaan Lebuhraya Pantai Timur yang bengkok bengkok, ke kiri kanan dan ke atas ke bawah. *[Ketawa]* Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Pantai Timur telah direka bentuk mengikut piawaian antarabangsa yang diguna pakai sekarang berdasarkan kepada keadaan-keadaan muka bumi kawasan yang dilaluinya. Semua elemen...

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Maran.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya timbulkan masalah Lebuhraya Pantai Timur ini, sebenarnya Lebuhraya Pantai Timur ini baru sahaja dua tahun dibuka, dirasmikan oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan saya merupakan "pelanggan utama", pengguna tiap-tiap minggu, tiap-tiap hari saya melalui

lebu raya ini. Tetapi malangnya – bukan saya hendak cerita bengkok bengkok, kanan kiri, ke atas ke bawah. Biasa bengkok bengkok ini ke kiri kanan sahaja. Ke atas ke bawah itu dia bergelombang. Maksud saya, kualiti jalan lebu raya sekarang ini cukup dahsyat. Maksudnya bergelombang yang cukup berbahaya kepada pengguna.

Jadi saya bertanya kepada menteri, minta penjelasan kenapa perkara ini boleh berlaku sedangkan usia lebu raya ini baru dua tahun sahaja. Apakah masalah kalau kita katakan ini konsultan yang berpengalaman, *international standard*, dengan izin, tetapi keadaan ini telah cukup memalukan ini dan ini membahayakan pengguna. Saya minta kalau dapat pihak menteri mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan lebu raya ini dibaiki ataupun dipastikan supaya kontraktor yang melaksanakan lebu raya ini menjalankan tanggungjawab sosial mereka, bukan sahaja mendapatkan keuntungan daripada pelaksanaan lebu raya. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mereka bentuk mengikut standard antarabangsa selain daripada pembinaan. Pembinaan itu sedang dikaji oleh Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebu Raya Malaysia. Semua elemen di dalam reka bentuk seperti lengkungan atau horizontal, dengan izin, dan *vertical*, dengan izin, *curves* dan selangan atau *super elevation*, dengan izin, berdasarkan piawaian reka bentuk yang telah ditetapkan. Tambahan lagi menjamin kualiti keselesaan pemanduan di bahagian yang kurang memuaskan, pihak kontraktor telah mengambil tindakan melaksanakan turapan semula dengan lapisan baru di lokasi yang telah dikenal pasti bermasalah iaitu dari Lancang ke Temerloh iaitu Kilometer 100 hingga Kilometer 131.

Ketika ini juga pihak Lembaga Lebu Raya Malaysia dan pihak kontraktor sedang mengkaji tahap kualiti turapan di beberapa lokasi lain dan tindakan yang bersesuaian akan dilaksanakan. Pemantauan berterusan akan dilaksanakan terhadap keseluruhan lebu raya dan sebarang kelemahan yang dikesan akan diambil tindakan segera dan semua kerja pembaikan masih dalam tempoh tanggungan kecacatan lebu raya, maka ia adalah di bawah tanggungjawab pihak kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu...

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Beluran.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Sila.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Dato' Menteri. Di kawasan saya juga mengalami satu jalan raya yang sedang dibina sekarang ini yang juga mengalami masalah yang sama iaitu masalah bengkok bengkok yang terlalu ekstrem. Dato' Seri, jalan Nango ke Nibongan yang sedang dalam pembinaan sekarang ini pada satu peringkat di kawasan Kampung Lingkabau – saya rasa para pegawai boleh menulis ini – kalau dua kenderaan yang bertentangan melalui jalan tersebut dan kalau kenderaan adalah bas ataupun kenderaan panjang, ianya tidak boleh dilalui secara bertentangan disebabkan oleh keadaan bengkok bengkok yang terlalu ekstrem bagi saya yang saya tidak tahu apa istilah JKR yang menyebabkan satu kenderaan itu harus terpaksa berhenti untuk melepaskan kenderaan yang bertentangan. Maknanya boleh berlaku kemalangan jika kedua-dua kenderaan bergerak pada masa yang sama.

Saya melihat ini sebagai *design fault* ataupun sedikit *design adjustment* pada kilometer yang tersebut kerana kawasan itu kawasan berbukit-bukau, jalannya sempit dan keadaan bengkok bengkok itu menyebabkan kenderaan sukar untuk berlalu antara satu dengan yang lain. Saya mohon agar kementerian melihat ini dan seperti juga masalah yang dihadapi di Maran, kementerian dapat mengatasinya dengan baik. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat memberi lebih sedikit butir-butir berkenaan jalan itu. Saya akan menyiasat apakah kerosakan yang telah berlaku atau ini tidak mengikut reka bentuk yang telah ditetapkan oleh JKR.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** [Bangun]

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Saya salah seorang daripada pengguna jalan raya daripada Pasir Mas ke Kuala Lumpur. Sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam yang lepas-lepas, saya melihat bahawa jalan raya daripada Merapoh ke Kuala Lipis yang banyak meragut nyawa dan harta benda sekali.

Ia memerlukan kepada tindakan segera daripada kementerian. Saya bimbang sebenarnya kalau kita tunggu lima tahun ataupun selebih daripadanya, saya bimbang kerana saiz treler yang begitu panjang dan bas yang begitu banyak. Bas daripada Kota Bahru ke Kuala Lumpur lebih daripada 100 buah pada tiap-tiap malam. Daripada Kota

Bharu ke Kuala Lumpur, Kota Bharu ke Johor Bahru dan sebagainya yang berulang alik. Begitu juga dengan kenderaan-kenderaan yang lain. Saya bimbang kalau daripada Merapoh ke Kuala Lipis ini tidak dibaiki dengan segera, kemalangan jalan raya itu akan bertambah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat, cukuplah. Cukuplah. Cukuplah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Saya minta sangat daripada Yang Berhormat Menteri supaya keutamaan diberi walau pun jawapan telah pun diberikan kepada Yang Berhormat bagi Tanah Merah tadi, keutamaan diberi kerana jalan di situ terlalu sempit sangat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat, tidak perlu ucap lagi, cukuplah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya. Ya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya sudah memberi keterangan berkenaan dengan Kuala Lipis – Merapoh tadi iaitu ada dalam kajian ...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah jalan yang sama.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang begitu prihatin dengan masalah rakyat. Yang datang pun rakyat menggunakan lebuh raya kita. Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat tentang kekeliruan yang berlaku. Apakah penyelenggaraan lebuh raya ini, tidak kiralah lebuh raya menghala ke Pantai Timur ataupun ke Utara atau di mana-mana juga, disebabkan kesempatan mereka yang mendapat konsesi ini sengaja dalam *road maintenance* ini dengan izin sengaja membuat kerja-kerja ini untuk mendapatkan VO dengan izin supaya mereka dapat lagi keuntungan yang lebih dan apakah juga pihak Yang Berhormat sendiri akan mendenda mereka dengan suatu denda yang jumlahnya tinggi sekiranya mereka sengaja lewat-lewatkan untuk menyelenggarakan kerja-kerja pembaikan lebuh raya sebagaimana rakan-rakan saya sebutkan tadi, kadang-kadang macam berombak-ombak, kita naik risau juga.

Saya tahu Yang Berhormat begitu prihatin, Yang Berhormat selalu turun ke padang, tidak dapat kita nafikan sebagai seorang Menteri yang sentiasa turun ke padang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang sentiasa prihatin termasuk kawasan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah cukup Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Apakah satu denda yang begitu tinggi akan dikenakan oleh pihak Yang Berhormat ke atas mereka yang dapat peluang untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan projek jalan ini, lebuh raya baik ataupun jalan-jalan biasa. Apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kami dalam Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya memohon kepada kerajaan tiap-tiap tahun sebanyak RM300 juta lebih untuk menyelenggarakan jalan yang sedia ada, untuk menaik taraf dan juga untuk memperbaiki keadaan jalan dan juga kita telah membelanjakan RM160 juta untuk memperbaiki keadaan jalan di mana kita fikir lebih bahaya oleh kerana ada juga selekoh dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, kita tidak boleh mendapat peruntukan yang mencukupi untuk menjalankan semua kerja-kerja sekali gus. Kita kena dapatkan sedikit dalam tahun yang pertama, tahun yang kedua, tahun yang ketiga seperti itulah kita akan menggunakan peruntukan untuk memperbaiki jalan. Seperti apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, perkara ini sudah diambil kira, JKR sudah menghantar siasatan dan juga laporan kepada EPU untuk mendapatkan lebih peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk memperbaiki keadaan jalan dari Merapoh ke Kuala Lipis. Ini akan diselesaikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dan kita kan memberi keutamaan kepada jalan itu oleh kerana banyak penduduk-penduduk di negeri Kelantan menggunakan jalan itu. Kami tahu sudah menggunakan jalan itu oleh kerana kita mahu juga menjalankan kerja dengan seberapa segera yang boleh.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Selain daripada itu, untuk penduduk-penduduk di Kelantan, kita juga apabila selesai rancangan jalan dari Kuantan ke Kuala Terengganu, selepas itu kita akan merancang sekali lagi untuk menyambung dengan Kota Bharu. Macam itu, saya percaya Yang Berhormat boleh juga menggunakan jalan itu dengan lebih mudah. Ini semuanya ada dalam rancangan.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan,....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat bagi Larut ada sebut mengenai VO dan perlulah denda mereka yang cuai atau tidak bertanggungjawab mengikut kontrak-kontrak yang menimbulk masalah. Sebenarnya ketelusan dan akauntabiliti mengenai kontrak-kontrak yang diberi dalam projek-projek tersebut. Adakah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian Yang Berhormat rela untuk mengadakan suatu pendekatan yang lebih terbuka supaya mengenai *transparency*.

Sebagai contoh mengenai pembatalan jambatan *crooked scenic bridge* atau *crooked half bridge*. Yang Berhormat ada mengumumkan mengenai kontrak yang baru RM250 juta akan diberikan kepada Gerbang Perdana untuk lebuhraya baru di antara CIQ kepada *Causeway* kenapa ini dibuat tanpa suatu *open tender* serta-merta diumumkan. Bukankah ini menimbulkan sama ada *transparency* atau tidak *transparency* dan lagi apabila kontrak itu, jambatan dibatalkan, Yang Berhormat sendiri berkata bahawa ini enam lorong (*six lane*) tetapi dua atau tiga selepas itu kata lapan *lane*. Kenapa ada latar belakang itu.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Walaupun saya ada juga beberapa jawapan yang Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Tambak Johor, saya jawab dahululah sebab Yang Berhormat telah membangkitkan ini lebih awal daripada sebelum saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, berkenaan dengan mengapakah kita telah menyerahkan kontrak baru ini kepada Gerbang Perdana, kerja-kerja lebih kurang 30% sudah diselesaikan oleh kontraktor itu daripada kontrak lama yang kita menandatangani dan juga baki kerjanya *The Scenic Bridge* dengan izin disambung dengan kerja yang mereka selesai dan juga banyak struktur-struktur yang telah dibina oleh mereka akan digunakan sekali lagi di mana dengan boleh juga mengurangkan harga kos dan juga kos denda ini sudah ditetapkan lama-lamanya.

Hari ini jikalau ada juga apa-apa pindaan kita akan mengikut dengan kos lama yang kita tetapkan dahulu mengikut dengan kontrak. Bukannya kos baru. Inilah kerajaan telah mengambil keputusan untuk memberi kontrak kepada beliau oleh kerana beliau sudah ada di tapak, sudah menjalankan beberapa kerja dan juga kita sambung sahaja sampai aliran baru yang kita tetapkan.

Jikalau kita mahu juga memanggil suatu tawaran boleh, bukan tidak boleh. Tawaran itu akan mengambil masa sekurang-kurangnya enam bulan lagi dan selepas itu tawaran kontrak itu kepada kontraktor akan mengambil tiga bulan lagi. Selepas itu

saya harap Yang Berhormat akan mengambil perhatian bahawa harga kos barang-barang seperti bahan-bahan pembinaan hari ini lebih mahal daripada apa yang kita tetapkan dalam kontrak pada masa dahulu.

Ini semua telah diambil oleh kerajaan sebagai kontraktor yang boleh menjalankan kerja itu dengan kos yang lebih rendah daripada kos baru. Selain daripada itu, jentera-jentera kontraktor sudah ada di dalam tapak. Ia ada di beberapa tempat di tapak itu. Kalau kita minta ia keluar daripada tapak, kenalah kita membayar ganti rugi dan kalau minta satu kontraktor baru mengambil alih tapak itu, kita kena membayar juga lagi. Kita sudah mengambil semua ini dalam perkiraan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Apabila Yang Berhormat sebut mengenai 30 peratus kerja-kerja sudah dibuat, ini ialah untuk *scenic bridge*, bukan? Ini bukan untuk lebuh raya yang baru antara CIQ ke *causeway* yang ada sekarang perlu dibina oleh sebab *crooked half-bridge*. Oleh sebab ini adalah satu kontrak yang baru, tentulah masalah timbul kenapa tidak ada *open tender* dan 30 peratus kerja telah dijalankan tidak boleh digunakan sebagai satu alasan.

Kedua, oleh sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada sebut bahawa ganti rugi akan dibayar kepada Gerbang Perdana atas pembatalan *crooked half-bridge* itu yang lebih kurang RM100 juta, kenapa ini tidak menjadi satu syarat kalau kontrak baru akan diberi kepada Gerbang Perdana untuk lebuh raya baru itu sebanyak RM250 juta, satu syarat ialah bahawa tanpa perlu bayar ganti rugi sebanyak RM100 juta ini sekurang-kurangnya diambil perkiraan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ganti rugi yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi - Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan lebih kurang RM100 juta untuk ganti rugi. Ganti rugi bukan untuk yang lain, iaitu ganti rugi berkenaan dengan kita telah memberhentikan kerja-kerja mereka selama 712 hari yang diarahkan oleh JKR sebelum penambakan tersebut iaitu bermula daripada 5 Februari 2004 hingga 18 Januari 2006. Arahan penangguhan kerja-kerja tersebut adalah bagi membolehkan Kerajaan Malaysia meneruskan rundingan dengan Singapura berkenaan dengan reka bentuk jambatan yang hendak dibina. Mereka sudah diberikan kontrak dan kontrak pun sudah ditandatangani. Kerja-kerja sudah dimulakan dan selepas itu ada juga beberapa cadangan iaitu Kementerian Luar Negeri akan juga berbincang dengan Singapura. Ada pada satu masa Singapura kata kita boleh bincang, kita boleh terima, kita boleh ini dan kita boleh itu. Tetapi pada akhirnya, kita kena bayar ganti rugi sebanyak 712 hari! Jentera-jentera ada di tapak, pekerja-pekerjanya ada di sana.

Semua pegawai, kontraktor dan jurutera semua ada di tapak. Kerajaan tidak boleh memberi arahan kepada mereka untuk memulakan kerja kerana kita masih berbincang dengan negara Singapura.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, boleh saya minta penjelasan sikit? Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya saya tadi masih lagi bertanya tentang VO. Sebelum itu saya hendak tanya fasal Gerbang Perdana ini, apakah ada tuntutan-tuntutan lain selepas pembatalannya dibuat walaupun keputusan belum dibuat secara muktamad tentang jumlah yang akan membabitkan ganti rugi ataupun pembayaran yang telah dilakukan oleh pihak syarikat yang berkenaan ke atas jambatan yang telah dibatalkan tadi, walaupun saya tahu ketelusan telah pun dibuat kecuali pembangkang mempunyai pandangan yang berbeza.

Soalan saya yang kedua tentang VO tadi ialah apakah pihak kementerian Yang Berhormat mempunyai satu pemantauan - mekanisme tentang mereka yang sengaja membuat VO ini. Kita tahu walaupun ada siasatan dibuat, kajian tapak dibuat ke atas segala *road maintenance, heavy maintenance* dengan izin, tetapi apakah satu mekanisme dibuat untuk memastikan tidak ada syarikat-syarikat yang terlibat sengaja membuat VO yang berlebihan. Kalau ini berlaku sampai bila pun sudah tentu pembaziran wang rakyat akan berterusan. Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini? Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Jikalau ada juga VO di mana-mana kontrak, kontraktor tidak boleh memulakan kerja hinggalah pegawai-pegawai akan menyiasat dan juga juru ukur bahan akan menilai kontrak, barulah kita akan mengeluarkan satu surat baru untuk mereka mulakan kerja. Hal itu akan dipertanggungjawab oleh kerajaan. Selain daripada itu, apa-apa kontrak yang diteruskan oleh antara kontraktor, itu adalah tanggungjawab mereka, kita tidak bayar. Banyak juga kontraktor yang meminta VO di sini dan VO di sana, semuanya masih lagi kita bincang dengan mereka. Yang mana tidak diluluskan oleh kita, mereka tidak boleh jalankannya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, bolehkah tidak mereka yang sengaja membuat VO ini dikenakan denda yang tinggi supaya ini akan menjadi satu rekod ke atas mana-mana kontraktor yang sengaja mengambil kesempatan ke atas konsesi, ke atas kontrak yang mereka perolehi, ke atas penyelenggaraan jalan supaya pelaksanaan projek ini dapat benar-benar dilakukan dengan sebaik mungkin. Itu maksud saya tadi. Satu denda yang paling tinggi bukan setakat menyenaraihitamkan mereka tetapi memastikan mereka bukan sengaja

membuat VO yang bukan-bukan supaya mereka dapat wang lebih tetapi kerja tidak buat. Akhirnya yang rugi, rakyat yang rugi, kerajaan yang rugi.

Maka sebab itu apakah satu mekanisme dibuat untuk mendenda mereka ini dengan satu nilai denda yang tinggi dan hukuman yang lebih berat supaya mereka tidak sengaja melakukan ke atas peluang untuk mengadakan dan memperbaiki lebuhraya ini dengan sengaja mewujudkan VO-VO yang mungkin tidak akan berlaku. Apa pandangan Yang Berhormat.?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, arahan daripada Kementerian Kerja Raya sudah dikeluarkan kepada Jabatan Kerja Raya. Mana-mana satu VO tidak boleh diterima apabila kita sudah memulakan kerja. Kerja-kerja mesti diteruskan mengikut kontrak. Jikalau ada VO mereka mesti mendapat kelulusan daripada Jabatan Kerja Raya barulah mereka boleh menjalankan kerja mengikut VO.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Penjelasan sebelum....

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, lebih baik saya selesaikan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sebelum, sebelum. Oleh sebab diganggu oleh Yang Berhormat bagi Larut, bolehkah saya balik kepada isu yang ada kita bincangkan tadi. Yang Berhormat ada menyebut bahawa lebih kurang RM100 juta ganti rugi adalah bagi pemberhentian kerja selama 712 hari untuk Gerbang Perdana sejak Februari 2004. Adakah ini bererti bahawa ada elemen-elemen yang lain di mana perlu ganti rugi dibayar selain daripada *stop work* untuk 712 hari itu dan kalau begitu, apa elemen-elemen ganti rugi yang perlu dibayar. Yang Berhormat kata bahawa kalau ada satu *open tender* untuk lebuhraya yang baru menghubungi CIQ ke *causeway*, tentu akan ada *delay* dan lain-lain. Adakah ini sebab yang utama bahawa kerajaan tidak memenuhi pendekatan yang dijamin bahawa akan transparensi dan *open tender* untuk semua kontrak.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara iaitu berkenaan dengan pembinaan sambungan baru daripada CIQ ke Tambak Johor berjumlah RM250 juta iaitu sambungan jalan lebih kurang RM80 juta, dan pembinaan jejantas yang sedia ada iaitu Jejantas Tanjung Puteri akan diroboh dan dibina semula dengan paras yang lebih tinggi menelan belanja lebih kurang RM75 juta, kedua-dua ini pun sudah menjadi lebih kurang RM150 juta.

Selain daripada itu, kita akan merobohkan sebahagian daripada CIQ yang sedia ada dan kita tambah lagi CIQ, tambahan kepada CIQ yang sedia ada sekarang. Semuanya ini masuk. Selain daripada itu, membersihkan kawasan laut dan juga

kawasan longkang-longkang besar yang sedia ada dengan semua sisa-sisa berkenaan dengan pembinaan ini. Semuanya akan diperbaiki. Dengan itulah kosnya RM250 juta elemen pertama.

Elemen yang kedua ialah pampasan seperti apa yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu kita belum bersetuju untuk RM100 juta. Kita minta dia buat *claim*. Dia buat dia punya *claim* dan Jabatan Juruukur Bahan akan menilai harga sebenar pampasan yang akan dibayar kepada mereka. Bukan seperti RM100 juta boleh dibayar. Oleh kerana kita ingat RM100 juta, kita bukan bayar RM100 juta tetapi kita akan bayar kepada mereka apa yang ditetapkan oleh Jabatan Ukur, baru kita boleh bayar dan ini akan diluluskan oleh Kementerian Kewangan sekali lagi dan barulah mereka dapat pampasan bukannya sekarang.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri tadi mengenai jalan yang menghubungkan Tambak Johor ke CIQ baru. Saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, bagaimanakah jalan itu dapat dibina kepada *CIQ Complex* tanpa mengganggu perkhidmatan kereta api ke Singapura? Kita faham bahawa sebarang gangguan walaupun satu hari pun, kalau perkhidmatan kereta api tidak sampai ke Singapura, bermakna pihak Singapura berhak untuk menarik balik penggunaan tanah yang ada di Tanjong Pagar dan di sepanjangnya.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, bagaimana *gradient* empat darjah yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebelum ini dapat dibuat memandangkan *shore linenya* terlalu dekat dengan kawasan CIQ itu. Saya rasa, itu mungkin akan mengakibatkan bahawa jejantas yang kita bina itu terlalu *stead*, dengan izin, dan bagaimana dapat kita mengelakkan supaya dalam Bandaraya Johor Bahru itu tidak ada struktur jalan yang begitu bengkok bengkok yang akhirnya akan menjejaskan pemandangan yang cantik di Johor Bahru. Saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada juga 3 paras. Paras pertama, di mana ada juga landasan kereta api dan ini kita dapat syarat-syarat daripada Kereta Api Tanah Melayu, mana-mana jalan yang dibina mesti ada 6 meter *clearance* sudah ditetapkan. Itu sudah diambil kira. Selain daripada itu, kita ada juga Jejantas

Tanjung Puteri, itu pun sudah diambil kira. Dengan itu, kita boleh juga mendapat *gradientnya* di antara 4% dan 5%. Ini sudah ditetapkan oleh pihak pakar trafik dalam kementerian dan juga kontraktor. Satu rundingan sudah diadakan pada minggu yang lalu dan ini ditetapkan sekarang. Ada tiga paras akan dibina. Itulah kita tetapkan sekarang.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Dato' Seri, saya hendak tanya. Bagaimana dengan laluan sementara itu kerana kalau kita membina laluan sementara pada waktu yang sama juga kita membina jalan secara kekal dari Tambak yang ada sekarang sampai ke CIQ, ia mungkin akan menyebabkan kesesakan yang terlalu teruk di kawasan Bandaraya Johor Bharu. Apa penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, laluan sementara kita mengikut dan kita guna pakai jalan-jalan yang sedia ada tetapi kita mengurangkan separuh itu dan kita akan membina CIQ dan lain-lain di tempat yang kita sedia ada. Lebar Tambak Johor apabila sampai kita ada lebih kurang dua belas atau empat belas lorong sekarang, itu akan digunakan. Daripada empat belas lorong kita akan mengambil lima atau enam lorong dan sembilan lorong lagi akan menjadi jalan sementara untuk digunakan. Ini akan ditetapkan oleh jurutera-jurutera.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tadi saya ada bertanya bahawa selain daripada 712 hari hentian kerja di mana ganti rugi boleh dituntut, adakah elemen-elemen lain di mana kerajaan perlu untuk membayar ganti rugi atau di mana Gerbang Perdana boleh menuntut ganti rugi. Kedua ialah oleh kerana sama ada RM100 juta atau apa-apa angka yang perlu, yang akhirnya perlu dibayar ialah daripada pembayar cukai. Adakah kementerian rela untuk mengumumkan kontrak itu supaya rakyat tahu apa sebenarnya isi kandungan kontrak *crooked half bridge*.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukanlah rahsia besar di mana ia tidak boleh diberitahu kepada rakyat. Di Dewan inilah semua dokumen saya boleh baca pada bila-bila masa kalau diminta. Apa dalam jawapan saya, saya sudah bagi butir-butir yang sebetulnya. Jadi, ada dua elemen sahaja iaitu ganti rugi kepada 712 hari dan kos pembinaan sekarang RM250 juta, itu elemen yang pertama.

Elemen yang kedua, bayaran ganti rugi untuk 712 hari. Tidak ada apa-apa yang lain lagi. Seperti apa yang saya lihat dalam kontrak. Setiap hari saya melihat dalam kontrak, setiap hari saya menyoal kepada pegawai-pegawai bahawa kita tidak akan membenarkan sesiapa lagi yang meminta pampasan daripada kita. Dua elemen sahaja

iaitu elemen untuk membayar 712 hari dan yang kedua untuk kos pembinaan. Inilah dua elemen sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Oleh kerana Yang Berhormat kata tidak ada rahsia besar, bolehkah kontrak itu dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini untuk menjadi *public document*.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, tidak biasa kita membentangkan kontrak dalam Dewan ini. Ini sistem barukah? Kontrak itu akan boleh diumumkan. Boleh diumumkan dan kos-kosnya boleh diberitahu kepada rakyat. Ini bukan susah, bila-bila masa pun boleh. Tetapi bukan dibentangkan di dalam Dewan ini. Itu tidak berlaku.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bagan bangun.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada arahan penangguhan tersebut kontraktor telah mengemukakan tuntutan berjumlah RM99.7 juta pada 3 Mac 2006 dan kini masih di dalam peringkat semakan dan penilaian sewajarnya dan tuntutan tersebut adalah kos akibat arahan penggunaan kerja-kerja tersebut sahaja. Walau bagaimanapun, para kontraktor perlu mengemukakan justifikasi untuk apa-apa jua tuntutan dan menyerahkan bukti perbelanjaan untuk menyokong amaun kerugian yang dialami untuk pertimbangan dan keputusan dari Jabatan Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terakhir. Yang Berhormat Menteri kata bahawa ini bukan satu rahsia besar dan bukan kelaziman untuk dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, kalau begitu adakah Yang Berhormat Menteri rela untuk memberi satu salinan kepada saya, satu *copy* kontrak atau *have sight over the contract*.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Kita boleh mengumumkan apakah kandungan kontrak itu tetapi kita tidak beri salinan kepada sesiapa pun. Oleh kerana itu bukanlah kuasa saya. Itu kuasa Kementerian Kewangan. Kami jadi agen sahaja untuk menjalankan kontrak itu, agen kepada kementerian. Kandungan kontrak saya boleh umumkan tetapi beri satu salinan kepada orang itu tidak boleh berlaku.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bagan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Dato' Seri. Saya terbaca dalam surat akhbar bahawa tiga minggu sebelum Kabinet membuat keputusan untuk membatalkan projek *crooked bridge* ini kerajaan telah memberi satu surat bekerja semula iaitu *letter of commencement of work* adakah itu benar? Tiga minggu sebelum Kabinet membuat keputusan untuk tidak menjalankan projek ini. Adakah benar satu *commencement of work* telah dijalankan. Dan tadi, Yang Berhormat kata 712 hari tidak bekerja dan kena beri pampasan, itu satu faktor. Dan RM250 juta untuk kerja-kerja yang telah dijalankan oleh kontraktor iaitu kos pembinaan. Adakah dalam tiga minggu *commencement of work letter* - surat diterima dan tiga minggu dalam dia boleh buat RM250 juta punyai kerja. Adakah itu apa yang dimaksudkan oleh Menteri?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Yang Berhormat kurang faham, ada minta sebenar ke, benar, benar, benar. Saya tandatangani surat itu atas arahan daripada Kementerian Luar. Kita mahu juga memulakan dengan kerja atas *scenic bridge*. Pada masa itu ada juga ada juga beberapa perbincangan antara kerajaan Malaysia dan juga kerajaan Singapura.

Bila saya dapat arahan daripada Jemaah Menteri, saya mengikut dengan arahan itu dan di setengah-tengah sudah lakulah beberapa perkara dan selepas itu Singapura kata, *okey* tak boleh. Jadi, itulah masalah. Tetapi yang harga kos RM250 juta bukanlah oleh kerana kerja 15 hari kita bayar 200, saya telah jelas tadi dalam jawapan kepada Yang Berhormat dari Ipoh Timor.

Ada juga beberapa elemen kita bayar iaitu dua elemen seperti jambatan, dua jambatan akan dibina. Dua jambatan mengambil, menelan belanjanya lebih kurang RM150 juta. Selain daripada itu RM100 juta untuk membina CIQ tambahan CIQ dan merobohkan CIQ yang sedia ada, memberi jalan dan lain-lain dan membersihkan kawasan-kawasan itu dengan sisa-sisa yang sedia ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat adakah ..

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** semuanya termasuk dalam..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri adakah semua ini tadi, sudah jawab..

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Aah..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau sudah jawab, tak payah ulang lagilah. Bukan, kalau itu butiran telah dijawab tadi..

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya sudah jawab tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak payah ulang lagilah.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Ini saya kembali kepada Tangga Batu sekarang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu, jalan yang dicadangkan tersebut adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Sehubungan dengan itu, disarankan agar Ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara ini kepada pihak-pihak yang berkenaan iaitu jalan masuk ke Jementah ini, dari jalan pintas Asahan masuk ke Jementah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah membangkitkan mengenai papan tanda arah jalan yang tidak mencukupi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya telah melaksanakan program memperbaharui papan tanda arah jalan, jalan raya pada setiap tahun dengan peruntukkan berjumlah sekitar RM5.5 juta setahun. Namun bagi itu, JKR sering mengalami kerugian akibat *vandalisme*, *vandalisme* yang terbesar dan kecurian papan tanda oleh kerana bahan yang digunakan pada masa yang lalu mempunyai nilai scrap, *scrap value* yang tinggi. Kini JKR telah mula menggunakan bahan *fiber reinforced plastic* dengan izin, dan aluminium *composite plastic* untuk menggantikan papan-papan tanda arah yang hilang dan rosak.

Ahli Yang Berhormat bagi Ledang juga membangkitkan mengenai kaedah pelaksanaan projek Turnkey atau secara reka dan bina, *design and build* dengan izin. Beliau turut membangkitkan mengenai kaedah pembayaran kepada perunding-perunding jurutera dan mencadangkan agar setiap bayaran dibuat melalui Lembaga Jurutera Malaysia untuk mengelakkan penyelewengan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tarikh, takrif projek dan bina adalah di mana kontraktor bertanggungjawab untuk merancang pelaksanaan sesuatu projek dengan mereka bentuk, membina, mengawas dan menyiapkan kerja dengan sempurna. Kontraktor juga bertanggungjawab untuk melantik perunding, perundingnya sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jabatan Kerja Raya bertanggungjawab dalam melaksanakan audit reka bentuk minimum berkaitan kehendak projek. Di samping itu JKR juga melaksanakan audit kualiti terhadap pelan kualiti projek yang disediakan oleh kontraktor yang mana meliputi proses kerja, sistem dokumentasi,

kawalan kualiti, sistem pemeriksaan dan penggunaan serta sistem pentauliahan dan pengiraan dan kualiti projek ini hendaklah selari dengan sistem pengurusan kualiti JKR, di mana JKR boleh melaksanakan pengauditan ditapak projek ke atas kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan perunding.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojijoh [Putatan]:** Minta penjelasan sikit. Terima kasih, selamat tengah hari Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan soal reka bentuk Yang Berhormat Menteri. Saya terpenggil kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri apabila saya menyoal tentang Pan Borneo Highway ini, reka bentuk Pan Borneo Highway ini yang bertemu dengan jalan Pan Avenue dengan jalan lintas di Park Air Port, Lapangan Terbang Kota Kinabalu. Saya telah menyentuh dalam hal ini kesesakan dan reka bentuk jalan ini tidak ketentuan.

Saya bilang, saya tekan di sini tidak ketentuan sebab jalan Pan Borneo Highway ini selari dengan jalan kereta api dan di samping itu ada tidak kurang daripada 10 jalan yang kecil-kecil masuk melintasi jalan kereta api. Jadi, jawapan Menteri pada ketika itu disoal pada dua tahun yang lalu, Yang Berhormat Menteri mengaku bahawa Menteri telah melawat kawasan itu dan telah memberi peruntukkan sebanyak sejumlah RM14 juta untuk membuat kajian.

Jadi, setakat ini, apabila saya balik kawasan saya. Ini, inilah yang kenyataan daripada orang ramai di sini tanya kepada saya, apa sudah terjadi dengan reka bentuk yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri kerana pembesaran Lapangan Terbang Kota Kinabalu sedang mulai. Jadi, tadi pagi saya terlambat pergi ke *airport* tadi, sebab kesesakan ini berlaku pada pagi. Jadi, saya harap minta penjelasan supaya saya bawa berita ini kepada rakyat di kawasan tersebut

**Seorang Ahli:** Minta maaf Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojijoh [Putatan]:** penjelasan sikit Yang Berhormat Menteri..

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya kena siasat juga mendapat lebih maklumat daripada kerajaan, Jabatan Kerja Raya di negeri Sabah dan juga dengan kementerian saya, saya belum jawab dengan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin Jerai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dato' Menteri, saya ada sikit mahu tanya Dato' Menteri pasai ini tadi saya hal sikit ... saya kena keluar sekejap. Saya, masalah saya sikit sahaja ini jalan yang dibuat oleh kerajaan daripada Sungai Limau sampai ke Pulau Bunting..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sudah jauhlah daripada tajuklah ..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *Design and build*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi sudah bangkit, Menteri bangkit banyak..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, ini di catat supaya pihak JKR..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** mengambil tindakan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau saya benarkan banyak ulang sekali Menteri kena jawab sampai pukul lima pun tak habis..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini kerana, kerana sudah dua kali masuk TV, tiga kali masuk surat khabar ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Catatan sudah adalah ..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Belum, belum ada, belum ada ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi saya mahu sikit Dato' Menteri, kerana ini projek buat titi Pulau Bunting di Kedah diberi kepada Gamuda. Syarikat SKS bencher Tan Sri Syed Mokhtar punyai. Dia guna jalan rakyat, jalan kerajaan. Jalan rosak dia tak mahu bayar duit bikin. JKR sudah berunding, saya *attend that meeting* minta dia bayar RM500 ribu dulu untuk *repair* dan *maintain* dan lagi RM500 ribu untuk kasi siap jalan tu. Tetapi, sampai sekarang pihak Gamuda dan SKS bencher tidak ambil berat dan jalan itu berdebu, rosak dan sebagainya ..

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...dan rakyat telah marah kepada wakil rakyat dan kerajaan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri nak rehatlah, cukuplah..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi, boleh tak Dato' Menteri tolong beritahu sama ini Gamuda sama SKS, jangan buat macam ini, mengguna kemudahan rakyat akhirnya tak mahu bayar balik duit kepada rakyat. Saya tidak setuju

kalaupun kerajaan keluar duit nak *repair* jalan ini. Saya mahu syarikat ini bertanggungjawab..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** .....*repair* balik, jalan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, manakim.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, ini boleh pilih jawab dengan secara bertulislah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada jam 1.00 tengah hari***

***Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Silakan.

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**2.33 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam ini. Dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari esok, 25 April 2006”.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

***[Menyambung semula perbahasan atas masalah Usul Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita jemput Yang Berhormat Menteri Kerja Raya untuk menyambung jawapan beliau.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi sedikit jawapan kepada Yang Berhormat dari Ledang tadi ada juga sambungan lagi iaitu untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jabatan Kerja Raya bertanggungjawab dalam melaksanakan audit reka bentuk minimum berkaitan kehendak projek. Di samping itu, Jabatan Kerja Raya juga melaksanakan audit kualiti terhadap Pelan Kualiti Projek yang disediakan oleh kontraktor yang mana meliputi proses kerja, sistem dokumentasi, kawalan kualiti, sistem pemeriksaan dan pengujian serta sistem pentauliahan dan pengiraan. Pelan Kualiti Projek ini hendaklah selari dengan sistem pengurusan kualiti JKR di mana JKR boleh melaksanakan pengauditan di tapak projek ke atas kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan perunding.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Lembaga Jurutera Malaysia sedang mengkaji cadangan pembayaran perunding melalui lembaga tersebut. Satu jawatankuasa kerja telah ditubuhkan untuk mengkaji sistem bayaran yang sesuai. Ini tidak semudah sistem bayaran juru ukur kerana bagi kerja-kerja kejuruteraan, pembayaran perlu dibuat secara berperingkat dan tempoh projek mengambil masa yang panjang. Untuk diselesaikan, mekanisme terperinci perlu dikaji supaya apabila pembayaran dibuat, tiada sebarang perbalahan di antara lembaga kontraktor dan perunding akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sepanggar membangkitkan mengenai projek membaik pulih dan menaik taraf jalan-jalan di kawasan Parlimen Sepanggar dan kawasan sekitarnya di Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf dan memulihkan jalan Menggatal Berungkis sepanjang 13 kilometer telah ditender dan akan dilaksanakan tidak lama lagi dengan anggaran kos RM23 juta. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2007. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya terdapat enam projek baru yang telah dipohon untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, projek-projek tersebut adalah projek menaik taraf jalan Tuaran dan Inanam ke Menggatal sepanjang 3.9 kilometer.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri. Saya minta maaf kerana lewat sedikit bangun sebab saya fikir Dato' Menteri hendak berhujah lagi tentang *design and build*, tentang reka dan bina. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri, saya membangkitkan tentang Projek Reka dan Bina ialah untuk menyokong dasar kerajaan yang selama ini mengamalkan pelaksanaan projek secara reka dan bina. Kerana saya menyebut dalam perbahasan tempoh hari, banyak projek-projek yang kita bina secara reka dan bina, yang berjaya yang disenaraikan Projek PLUS, KLIA dan sebagainya termasuklah projek Jambatan Johor yang tidak jadi. Hanya satu atau dua kes Projek Reka dan Bina yang tidak berjaya kerana sebab-sebab tertentu. Saya menyebut tempoh hari, saya mencadangkan supaya ada satu projek audit untuk mencari kelebihan dan kekurangan dalam erti kata lain, saya menyokong supaya Projek Reka dan Bina diteruskan dalam kes-kes tertentu tetapi diperbaiki ke atas perkara-perkara yang selama ini mungkin perlu dibaiki dan sebagainya.

Contohnya Dato' Menteri, sekiranya sesuatu projek itu pada peringkat awal telah pun dianggarkan kosnya berjumlah RM100 juta, kemudian dibina secara reka dan bina. Saya berfikir bahawa sepatutnya dan sewajarnya pereka bina, jurutera yang mereka bentuk, mereka bentuk projek pada tahap pada lingkungan kos yang berkenaan bukannya RM100 juta menjadi RM200 juta. Kalau lebih pun lebih sedikit, kalau kurang pun kurang sedikit. Maknanya mencari kaedah tanpa kompromi pada kualiti tetapi dalam lingkungan kos yang sebenar. Apakah pandangan Dato' Menteri dalam hal ini bukannya dalam soal-soal yang lain seperti Dato' Menteri sebutkan tadi. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ada juga dijagai oleh Jabatan Kerja Raya, tiap-tiap kalinya apabila kita meluluskan kontrak kepada kontraktor-kontraktor. Pemantauan projek sedang dijalankan dan berkenaan dengan kenaikan kos atau masalah-masalah yang lain akan diurus oleh JKR untuk mengadakan satu *control* atas projek-projek ini. Itu sahajalah jawapan yang saya boleh bagi sekarang untuk Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, jalan Tuaran dari Inanam dan Menggatal sepanjang 3.5 kilometer, projek menaik taraf jalan Kokol, Bambang, Puring sepanjang 18 kilometer.

Projek pembinaan jalan raya utama di Taman Perindustrian Kota Kinabalu, fasa satu hingga empat sepanjang 8.35 kilometer. Projek membina jalan Kian Som, baru sepanjang 2.5 kilometer, projek membina jalan penghubung dari Jalan Universiti Malaya Sabah ke Jalan Tuaran *by pass* sepanjang dua kilometer dan projek membina jalan dari Telipot ke Pekan Kilu sepanjang 25 kilometer. Kesemua projek-projek yang dicadangkan ini dijangka dapat disiapkan dalam tempoh lima tahun ini Rancangan Malaysia Kesembilan sekiranya diluluskan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat selanjutnya jalan-jalan lain yang dibangkitkan seperti Jalan Tamparuli, Jalan Timpulai dan Bunsut, Jalan Kolunsi Polutan, Jalan Kawat Tinda, Jalan Babogon Tokik, Jalan Natai, Jalan Sinagang dan Jalan Lombongan Natai ada merupakan jalan negeri dan luar daripada bidang kuasa Kementerian Kerja Raya.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat dan saya sebagai Ahli Parlimen Sepanggar berterima kasih di atas pengumuman tadi. Banyak projek melibatkan kawasan Sepanggar dan juga kawasan Tuaran. Saya ingin memohon penjelasan, sudahkah jalan raya daripada Taman Perindustrian Kota Kinabalu, Telipot dan ke Kilu yang disebut Yang Berhormat tadi itu adalah sebahagian daripada laluan jalan ataupun lebuhraya yang akan dibina sehingga ke Rendagong Ranau. Ataupun ini adakah jalan baru yang hanya daripada Jalan Telipot ke Kilu sahaja? Mohon penjelasan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, seperti apa disenaraikan oleh kementerian dan telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi itulah projek-projek saya sebut tadi. Selain daripada itu, saya percaya kita kena bincang sekali lagi. Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh? Ya.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat mohon penjelasan lagi. semasa taklimat dulu, taklimat di antara Ahli Parlimen dengan kementerian Yang Berhormat, ada satu jalan raya iaitu dari Taman Perindustrian Kota Kinabalu melalui Telipot ke Kilu sampai ke Randagong Ranau. Itu memang dalam senarai Yang Berhormat sendiri termasuk dalam senarai yang dibuat dalam taklimat dahulu. Jadi sebentar tadi Yang Berhormat menyebut hanya satu sebahagian daripada

jangka iaitu daripada Taman Perindustrian Kota Kinabalu Telipot ke Kilu sahaja. Jadi adakah ini hanya sebahagian daripada jalan raya yang besar yang sudah disentuh dahulu ataupun ini cuma sebahagian daripada laluan jalan atau lebuh raya yang akan dibuat yang lebih panjang. Jadi saya perlu penjelasan Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tadi saya telah menjelaskan kepada Yang Berhormat iaitu berkenaan dengan jalan raya utama di Taman Perindustrian Kota Kinabalu ada fasa satu hingga empat sepanjang 8.5 kilometer, sudah disenaraikan dalam projek ini Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat saya ingat itulah yang itu kita faham. Dalam Taman Perindustrian Kota Kinabalu itu ada beberapa fasa, beberapa jalan yang belum selesai dahulu dan yang itu memang betul. Tetapi ada satu batang jalan yang Yang Berhormat sebut tadi, Telipot ke Kilu, 25 kilometerkah Yang Berhormat sebutkan tadi? Jadi persoalan saya di sini yang saya ingin minta penjelasan ialah sama ada itu sebahagian daripada jalan raya yang sudah pun disebut dahulu iaitu Taman Perindustrian Kota Kinabalu, Telipot, Kilu dan Randagong Ranau. Kita mohon penjelasan untuk itu sahaja. Saya ingat Yang Berhormat Sepanggar pun ingin tahun juga jawapan itu. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya lebih baik Yang Berhormat bagi saya butir-butir berkenaan dengan apa diminta oleh Yang Berhormatlah. Saya akan berhubung dengan Unit Perancang Ekonomi untuk mendapat tahu adakah mereka boleh meluluskan atau tidak. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman, membangkitkan mengenai jalan raya yang menghubungkan Sabah dan Sarawak melalui Baram, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Kerja Raya mengakui bahawa perlunya diadakan satu lebuh raya utama yang menghubungkan Long Lama di Sarawak dengan kawasan Sindumin di Sabah yang juga disebut sebagai jalan hubungan terus Sabah Sarawak.

Bagi maksud ini Kementerian Kerja Raya telah menjalankan kajian kemungkinan mengenai cadangan jalan tersebut dan jajaran jalan yang sesuai telah dikenal pasti, jalan yang dicadangkan ini akan bermula di Long Lama dan melalui kawasan-kawasan Long Buang dan Long Bidian dan Long Siridan, Long Loping, Lawas dan berakhir di Sindumin Sabah. Anggaran kos projek ini adalah RM2 bilion. Sehubungan itu pelaksanaannya bergantung pada kemampuan kerajaan memandangkan kos yang terlibat adalah amat tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud, Kinabatangan, Larut dan Puchong bagi dasarnya.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab belanja yang akan digunakan ialah RM2 bilion bolehkah Yang Amat Berhormat Menteri menerangkan apakah jangka masa *time frame* yang akan digunakan untuk menyempurnakan jalan itu nanti.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Yang Berhormat ini adalah cadangan yang telah disediakan oleh Kementerian Kerja Raya kepada Unit Perancang Ekonomi, kosnya RM2 bilion tetapi kita belum tahu berapakah daripada peruntukan yang kita boleh dapat pada akhirnya. Kalau kita dapat akhir RM1 bilion kita jalankan kerja untuk RM1 bilion, kalau RM500 juta kita akan mengehendkan kerja-kerja RM500 juta sahaja. Itulah belum ditetapkan lagi. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud, Kinabatangan, Larut dan Puchong pada dasarnya kaedah perolehan yang digunakan oleh Kementerian Kerja Raya adalah seperti yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan.

Walau bagaimanapun sebahagian daripada projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan akan dilaksanakan mulai tahun ini. projek-projek ini adalah merupakan projek sambungan dari Rancangan Malaysia Kelapan dan sebahagiannya akan dikeluarkan surat setuju terima tawaran dalam tempoh terdekat. Sebagai contoh projek Jalan Sibul, Bawang, Asan, Seriding Pakej 1 dan 2 di Sarawak, kontrak akan ditandatangani pada 24 hari bulan April 2006. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Ipoh Timor telah membangkit beberapa perkara berkenaan dengan pembinaan jalan di Tambak Johor perkara ini sudah dijawab pada pagi ini juga.

Tuan Yang di-Pertua akhir sekali saya, ada juga sedikit. Pagi tadi saya dapat beberapa soalan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Sandakan iaitu projek-projek yang sedang berjalan di Sandakan iaitu *Sandakan Northern Ring Road* Pakej 1 dan 2, projek bermula pada 15 hari bulan Disember 2005, dijangka siap pada 17 hari bulan Oktober 2007.

Pakej ini berkos RM35.7 juta dan pakej dua kos RM29.75 juta. Naik taraf jalan Sukau, kos RM64.46 juta, projek bermula 2 November 2005 dan dijangka siap pada 1 Mei 2008. Projek Jalan Pintas Sandakan dalam proses reka bentuk oleh Bahagian Perancang Jalan dan membaik pulih jalan Sandakan-Telupid, dari Batu 32 ke Telupid, ceiling Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM50 juta. Berkenaan dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Putatan....

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan dengan hakisan tanah dan tanah runtuh yang berlaku baru-baru ini di antara Pos Slim dan Cameron Highlands, Kampung Raja. Adakah pada Rancangan Malaysia Kesembilan, apa-apa rancangan untuk mengatasi masalah tabah runtuh yang kerap berlaku terjadi di sana supaya perkara ini dapat diselesaikan *once and for all*. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah ditimbulkan dalam Jemaah Menteri di mana tahun yang lalu, RM20 juta telah diluluskan oleh kerajaan dengan serta-merta untuk memperbaiki kawasan - Batu 23 dan 24. Mengenai masalah hakisan yang terdapat pada tahun ini, kita belum dapat kos untuk memperbaiki keadaan tetapi kerja-kerja sedang dijalankan dan saya telah mengarahkan Jabatan Cerun untuk menyiasat dan juga melaporkan, adakah beberapa kawasan yang mempunyai masalah di Jalan Lojing ke Kampung Raja. Apabila kita dapat laporan daripada mereka, kita akan memohon. Walau bagaimanapun, untuk menyelenggarakan jalan, ada juga satu peruntukan lebih kurang RM250 juta hingga RM300 juta untuk membaiki jalan-jalan sedia ada.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, ada cadangan daripada beberapa *civil engineer* yang menyatakan bahawa satu *tunnel* perlu dibina di sana. Adakah cadangan itu diterima pakai oleh kerajaan dan jika ya, bila ia akan dibuat? Ini kerana, baru-baru ini seseorang hampir mati akibat tanah runtuh dan ini mungkin terjadi.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, di jalan ini pada mulanya JKR telah mencadangkan satu aliran, tetapi kontraktor dalam cadangan mereka telah minta kerajaan untuk menukarkan aliran dan ini kita dapat berjimat lebih kurang RM50 juta. Tetapi, sebahagian aliran itu kita akan menghadapi masalah dengan, apa yang boleh dikatakan, dengan izin, *layers of individual rocks and rock beds*, itu bererti ia tidak ada sabungan di antara satu sama lain. Apabila hujan lebat, air masuk dalam - batu boleh membawa masalah kepada kita.

Berkenaan dengan pembinaan terowong. Terowong pun kita tidak mencadangkan sekarang kerana kawasan itu bukanlah satu kawasan yang boleh membuat terowong sekarang. Oleh kerana semua bukit-bukit sudah dipotong, kita tidak boleh buat terowong, tetapi saya minta, bolehkah kita membina satu tembok penghalang untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna jalan. Ini ada dalam pertimbangan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Timbalan Menteri. Saya pernah menyentuh dengan cadangan pembinaan *under pass* di Kajang Utama seperti mana Yang Berhormat Menteri begitu prihatin terhadap perkara ini, telah bersetuju pada dasarnya. Apa kedudukan sebenarnya?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, jalan yang lebih standard sudah dibina untuk pengguna-pengguna di Kajang Utama. Apa yang kita bina iaitu mereka masuk dalam jalan utama, mereka kena jalan lebih kurang dua kilometer untuk mengadakan satu pusingan 'U'.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Lima kilometer.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Lima kilometer pusingan 'U'. Tetapi mereka mahu juga satu jalan di bawah lebuh raya yang sedia ada. Ini berharga kosnya kurang-kurang RM35 juta. Kami tidak mempunyai peruntukan untuk membina, tetapi satu hari nanti kerajaan boleh menimbang. Okey?

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Minta maaf Yang Berhormat Menteri, sebenarnya harga yang dicadangkan oleh Kementerian Kerja Raya RM25 juta dan telah dikemukakan kepada EPU, Jabatan Perdana Menteri untuk ditimbang tetapi setuju pada dasarnya supaya boleh disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Pada 28 April 2005, satu laporan daripada Kementerian Kerja Raya di mana Yang Berhormat telah maklumkan di Dewan ini. Saya minta maaf kerana ini mungkin banyak kerja, walau bagaimanapun ini kepentingan untuk rakyat. Maka minta usahakan dengan EPU supaya menjayakan projek ini demi kepentingan *social* dan *political* di sini.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan memohon kepada Jabatan Perdana Menteri untuk menimbang perkara ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Putatan. Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai projek naik taraf jalan Lapangan Terbang Kota Kinabalu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kelapan, JKR telah melaksanakan kajian reka bentuk serta telah menaikkan taraf dua simpang di sepanjang jalan tersebut, iaitu di simpang Jalan Kepayan, Jalan Mat Salleh dan di simpang Jalan Kepayan, Jalan Lintas. Jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM1.5 juta.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, JKR akan menaik taraf Jalan Kepayan dari empat lorong ke dua hala, kepada enam lorong dua hala sepanjang empat kilometer bermula dari persimpangan Jalan Jumbo, Jalan Kepayan hingga ke persimpangan Jalan Kepayan, Jalan Mat Salleh dengan anggaran kod di antara RM25

juta hingga RM30 juta. Berkaitan dengan jalan-jalan lintasan kereta api di sepanjang Jalan Keapayan, JKR akan bekerjasama dengan Jabatan Kereta Api Sabah untuk mendapatkan jalan penyelesaian terhadap masalah tersebut. Ada juga.....

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, banyak lagi?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ada sedikit sahaja lagi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ini, antara menteri yang rajin. Semua soalan dia jawab, saya ingat cukuplah pasal banyak menteri kanan ini. Masa kita tidak ada, jadi cukuplah berubahlah kepada menteri lain pula.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading kerana ini kepentingan nasional. Sebab ini pintu masuk kedua terbesar di negeri Sabah yang kita sentuhkan di sini, Yang Berhormat Menteri. *[Disampuk]* Jawapannya belum jelas. Apa yang Yang Berhormat sentuhkan tadi, sedang berlaku sekarang. Ini hanya pemasaran sahaja. Saya selalu melawat ke kawasan sedang di bina sekarang. Apa maksud saya Yang Berhormat Menteri, adalah tempat yang ramai orang kompelin, pasal kesesakan jalan iaitu mulai dari air port ke pekan Putatan yang sesak selari dengan jalan kereta api itu. Terlalu banyak simpang, *crossing*, dengan izin, *main road*. Jadi, *u-turn* Jalan Putatan pergi Penampang itu tidak ada *traffic light*, sana jem. Jadi, di kampung saya, jalan dari Putatan. hendak pergi Lokkawi, jem sana dari pagi. Jadi, dia punya line, *single lane*. Jadi, *design* itu, reka bentuk itu tidak kena, tidak baik.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Pagi tadi Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa perkara. Oleh kerana itu, kita kena hubung dengan Sabah dan juga bagi jawapan, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih, terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Yang Berhormat, ini masalah berkenaan dengan kesesakan lalu lintas, kita akan bincanglah. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, boleh..

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ada dua jawapan sahaja. Saya minta maaf. Ada dua jawapan lagi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, sikitlah Yang Berhormat, *last*. Ini Yang Berhormat, fasal lintasan kereta api ini. Baru-baru ini kita tengok berlaku banyak kemalangan jiwa, ya. Berlaku di Sungai Petani, berlaku di Perlis dan banyak lagi. Masalahnya ialah apabila berlaku kemalangan seperti ini, seolah-olah masing-masing menuding jari, tidak tahu siapa, jabatan mana yang bertanggungjawab hendak buat jambatan, hendak buat titi, jalan dan seumpamanya. Apakah pihak Kementerian Kerja Raya mempunyai satu mekanisme, cara atau pendekatan bagaimana hendak mengatasi masalah ini. Ini main pas macam main bola sahaja. Selalu kita ini, apabila sudah berlaku kemalangan, meragut nyawa, barulah kita hendak bertindak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Jadi seolah-olah kerja ini semua Jabatan Kerja Raya. Mungkin jabatan lain terlibat, Jabatan Pengangkutan dan sebagainya. Mungkin kalau boleh Yang Berhormat cadangkanlah supaya masalah menggunakan lintasan kereta api ini amat berbahaya. Mungkin ada satu cara lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Jadi apabila sudah berlaku kemalangan, meragut nyawa dan sebagainya, barulah kita hendak bertindak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat kalau boleh, cari satu pendekatan bagaimana masalah-masalah lalu lintas di atas jalan kereta api ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Larut, di Taiping kita ada juga masalah berkenaan dengan lintasan kereta api di mana kita bina satu jejantas. Mana-mana pun jikalau kita bina jejantas sudah selesai masalah. Tetapi kita tidak mempunyai wang untuk membina jejantas di semua kawasan-kawasan dia ada juga...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Maksud saya tadi Yang Berhormat, bukan JKR. Seolah-olah menggambarkan bahawa membuat jambatan

ini semua JKR. Mungkin ada satu cara lain di mana jambatan-jambatan lain juga boleh terlibat secara bersepadu untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya tidak nafikan bahawa yang di Tampin itu cukup bagus, yang dibuat oleh JKR.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Mungkin jambatan-jambatan lain yang mungkin ada peruntukan, kongsi bersama kerana ini masalah rakyat. Itu pandangan saya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Okey, saya ambil pandangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terus Yang Berhormat. Tamatkan, tamatkan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya?

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Tamatkan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** *No, no.* Ada satu lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baiklah.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ini kerosakan jalan negeri, Jalan Batu 17 ke Kuala Sedaka iaitu Yan, Kedah. Kerosakan sebab pembinaan Jambatan Pulau Bunting iaitu kontraktor yang dilantik menjalankan pembinaan ialah Gamuda Engineering Sdn. Bhd. Ada Ahli Yang Berhormat, ada minta tadi. Arahan untuk membaik pulih telah dikeluarkan kepada SKS Venture Sdn. Bhd. tetapi tiada tindakan susulan diambil oleh pihak berkenaan. JKR juga telah mengarahkan Gamuda Engineering Sdn. Bhd. menjalankan kerja-kerja baik pulih.

Walau bagaimanapun, pihak Gamuda Engineering Sdn. Bhd. enggan menjalankan melaksanakan kerja baik pulih kerana mendakwa *SKS Venture Sdn. Bhd* masih tidak menjelaskan bayaran kemajuan kerja berjumlah RM40 juta. JKR sedang menyusun untuk meminta Exco Kerja Raya Negeri Kedah mempengerusikan satu mesyuarat bagi menyelesaikan masalah ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah

tanggungjawab Kementerian Kerja Raya semasa perbincangan Rancangan Malaysia Kesembilan. Jika ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan tetapi tidak dijawab, sila maklumkan kepada saya supaya penjelasan secara bertulis dapat diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi untuk memulakan jawapan.

### **3.04 ptg.**

**Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada 11 orang Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ketereh, Serdang, Gerik, Rasah, Bintulu, Kota Kinabalu, Ayer Hitam, Sandakan, Puchong, Kota Bharu dan Pensiangan yang sudi berkongsi pandangan dan cadangan menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi sepanjang sesi perbincangan Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan yang mulia ini.

Izinkan saya untuk memberi penerangan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan mengikut sektor-sektor di bawah seliaan kementerian ini iaitu Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Tenaga, obligasi sosial GLC. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Ketereh mengenai isu obligasi sosial terhadap masyarakat, saya ingin memaklumkan bahawa Tenaga Nasional Berhad (TNB) sentiasa mengambil kira kepentingan masyarakat dalam memberikan perkhidmatannya. TNB sebagai sebuah syarikat berkepentingan kerajaan atau *Government Link Company* (GLC) telah mengambil inisiatif-inisiatif korporat, sosial *responsibility* (CSR) utama yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) pemberian tarif khas kepada sektor industri bagi meningkatkan daya saing sektor industri;
- (ii) pemberian diskaun terhadap tarif bagi rumah-rumah kebajikan, tempat-tempat ibadah dan sekolah-sekolah kerajaan;
- (iii) pemberian sumbangan tahunan kepada Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) yang sebahagian besar daripadanya digunakan untuk membekalkan kemudahan bekalan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar melalui Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (PBELB);

- (iv) pemberian subsidi-subsidi berkaitan tenaga yang boleh diperbaharui, (*renewal energy*);
- (v) pemberian bantuan kewangan kepada UNITEN dan SESB Sabah dan
- (vi) penajaan *pre land trophy* serta sumbangan kemasyarakatan.

Bagi tahun kewangan yang lepas, TNB telah membelanjakan sebanyak RM1.58 bilion bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif tersebut. Selain daripada itu, TNB juga telah melaksanakan program pembangunan vendor yang jelas menunjukkan komitmen TNB dalam membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Seramai 119 usahawan telah dilantik dengan nilai kontrak melebihi RM2.6 bilion sejak program ini diperkenalkan. Melalui program ini juga, TNB menggalakkan penglibatan para usahawan dalam pelbagai program pemasaran dan promosi produk di dalam dan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor telekomunikasi pula, semua pemberi perkhidmatan telekomunikasi termasuklah syarikat kerajaan atau *Government Link Company* (GLC) adalah dikehendaki menyediakan perkhidmatan telekomunikasi bagi kawasan yang kurang liputan, *under serve area* atau bagi kumpulan yang kurang diberi perkhidmatan dalam masyarakat, *under deserve groups*.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Sri Gading. Ya, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya banyak ditanya, banyak disoal dan mereka hendak minta saya bawa ke Parlimen yang mulia ini. Ini berkenaan SMS yang berkaitan dengan Akademi Fantasia (AF). Ibu bapa naik risau. Ini Akademi Fantasia yang keempat akan berlangsung sebulan, dua bulan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** AF yang ketiga saya dengar pungutannya RM25 juta. RM25 juta ini daripada SMS yang dihantar oleh peminat AF ini. Ini jadi beban. Kemudian, mereka bertanya, bayarannya 50 sen sekali SMS. Kalau SMS biasa 15 sen dan ini bayarannya mahal kerana mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab suatu ketika dahulu, untung syarikat-syarikat macam *Celcom*, *Maxis* semua RM2 bilion.

Maknanya keuntungan besar daripada pengguna, boleh atau tidak agaknya dikurangkan tinggal tiga sen agaknya. Satu SMS, tiga sen, dua sen. Akademi Fantasia

agaknyanya satu sen sahaja dan supaya beban ini tidak terkena kepada pengguna yang sebenarnya banyak budak-budak muda ini yang apabila budak-budak muda ini yang menggunakan beban itu kepada ibu bapa. Jadi ada kos yang begitu tinggi ditambah dalam kehidupan rumah tangga tiap-tiap keluarga. Jadi kenapa kerajaan atau agaknyanya kementerian Yang Berhormat Menteri, membiarkan orang yang mengaut keuntungan ini berbilion ini Tuan Yang di-Pertua, boleh atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bilion, Yang Berhormat kata milion.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya tahu Yang Berhormat menteri pun memang tidak berapa suka beban kepada rakyat ini, boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri gunakan kuasa yang ada kepada Yang Berhormat Menteri, kurangkan satu, dua sen ini sahajalah kerana pengguna begitu ramai, keuntungan begitu besar, maka sudah sampai masanya supaya pihak apa nama?

**Tuan Yang di-Pertua:** Penganjur Yang Berhormat!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yalah, yang Celcomkah, Maxiskah ini yang membekalkan perkhidmatan, ini dia pun memonopoli juga ini, mendapat keuntungan yang begitu besar, apa komen Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini adalah satu cara pemasaran SMS, yang mana mereka menggunakan pasaran bebas atau *free market* untuk menawarkan sesuatu produk ialah mengundi Akademi Fantasia melalui SMS. Tentulah mereka mengenakan caj 50 sen satu SMS, saya pun ingat sangat mahal lah!

*[Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa]*

Tetapi, ini adalah pasaran bebas market.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jawapan Yang Berhormat tadi itu cantik, apa guna tetapi lagi..saya ada tetapi lah!.....*[Dewan riuh dengan ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Nanti, nanti, nanti, saya sendiri....saya sendiri tidak suka. Saya tidak benarkan saya punya anak-anak atau cucu-cucu saya main dalam Akademi Fantasia, saya ingat jangan tengok program ini, nanti mahu hantar SMS sehingga jari semua pun sakit, tapi ini pasaran bebas. Yang Berhormat minta Menteri ini mesti boleh gunakan kuasa untuk berhentikan ini, nanti Menteri gunakan kuasa, dia cakap Menteri lebih kuasa. Nanti Menteri tidak gunakan kuasa, mereka cakap apa menteri ini tidak jaga kepentingan rakyat.

Saya ingat dalam satu pasaran yang bebas .....dan minta ibu bapa minta anak-anak mereka jangan masuk pergi undi kepada Akademi Fantasia yang mana 50 sen sesuatu SMS betul-betul adalah sangat mahal tetapi dalam pasaran bebas susah menteri mahu gunakan kuasa untuk berhenti ini, berhenti itu berhenti dan ini bukan satu yang boleh dikatakan barang keperluan dan barangan yang perlu untuk rakyat yang mana kita telah menentukan harganya.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tetapi Yang Berhormat Menteri.....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Kalau ini sesuatu atas pilihan saya ingat susah hendak gunakan. Tetapi apa .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kalau menteri sudah susah, rakyat lagi susahlah.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tetapi apa cadangan Yang Berhormat saya tengok.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Itu tidak, cadangan ktia supaya turunkanlah, pasal dia punya untung 2 bilion...banyak tahun lepas

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Menyampuk]*  
...Lebih daripada 2 bilion.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Lebih daripada 2 bilion, jadi kita minta dia turun supaya keuntungan itu tidak membebankan kepada rakyat banyak, itu sahaja.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, kalau semua orang tidak masuk, dia mesti turun punya tanpa arahan menteri. Kalau pergi minta semua ibu bapa dan semua anak-anak, jangan gunakan itu sangat mahal, jangan gunakan, jangan gunakan, dia mesti turun punya tanpa kuasa.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh tanya sedikit Yang Berhormat?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Sila, Yang Berhormat, sama-sama SMS?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ya, sama-sama....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Okey, sila!

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tetapi sebelum pergi ke SMS Yang Berhormat, tadi saya Yang Berhormat sebab saya tidak sempat saya tanya tadi sebab pasal tenaga tadi. Itu pun betul juga, sebab perkhidmatan SMS, berbilion saya tahu, banyak dan yang untung orang lain dan yang jadi mangsa banyak

pengguna-pengguna ini, orang-orang kampung. IPP ini, bebas, *Independent Power Plan* ini, yang selalu kita bercakap tadi, saya hendak berulang balik ke belakang sedikit ini sebelum Yang Berhormat teruskan tentang SMS ini.

Kita tahu adanya IPP ini untuk membantu menggalakkan lagi bekalan tenaga, tetapi masalah kapasiti yang berlebihan ini Yang Berhormat dua kali ganda ini, Masalah dan beban kepada pengguna, apakah kita tidak lihat beban kepada pengguna, macam kita buat kilang, kilang kasut umpamanya. Cuma 50 per cent yang kita jual, dalam 50 per cent itu tidak boleh kita hendak jual sebagai contoh, beban iaitu naik bas, kalau bas Yang Berhormat kalau kita tengok bas itu kosong, jadi beban pengguna juga. Jadi kenapa beban ini pergi kepada pengguna, apakah kita tidak lihat perkara yang tentang kita bercakap tentang tarif yang dinaikkan dan sebagainya. Begitulah Masalah tentang SMS tadi, kalau boleh Yang Berhormat tolong jelaskan sedikit.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang mana kita tahu, jelas nanti, sampai marilah, you Ipoh mari punya orang, perlahan-perlahan marilah ya.

*[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana telah di peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, bagi tujuan ini semua syarikat telekomunikasi dikehendaki membuat sumbangan sebanyak 6 peratus daripada jumlah pendapatan tahunan syarikat bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang ditetapkan kepada kumpulan wang pemberian perkhidmatan sejajar atau *universal service provision fund*. Peningkatan kos operasi TNB dan semakan semula *Power Purchasing Agreement* atau PPA.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puchong dan Ketereh, sukacita dijelaskan bahawa peningkatan dalam kos pengendalian operasi oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah disebabkan oleh banyak faktor seperti peningkatan dalam kos bahan api, arang batu dan minyak, kos bahan asas binaan seperti keluli, tembaga dan aluminium, kos bahan kelengkapan seperti alat suis, alat rumah dan kabel dari kos pembayaran kapital, "*Capax*" dan pembayaran tenaga *energy charge* kepada pihak penjana bebas atau IPP memandangkan bilangan IPP yang mula tugas secara komersial kian bertambah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan juga sedang mengkaji prestasi pihak penjana-penjana bebas atau IPP pada masa ini, berdasarkan penemuan-penemuan kajian tersebut kerajaan akan membuat keputusan mengenai pendekatan yang terbaik dalam memastikan perjanjian berbilion tenaga atau *Power Purchase*

*Agreement* PPA yang telah ditandatangani membawa manfaat yang seimbang untuk semua pihak semi mencapai matlamat mewujudkan industri tenaga yang mapan dan berdaya tahan atau *sustainable*. Ini bagi sedikit masa kepada kementerian KTAK untuk menyiapkan dan akan memberikan kajian dan cadangan-cadangan kepada jemaah menteri.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Boleh saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri, memandangkan IPP ini, penjana tenaga bebas ini telah berada di dalam latar belakang, business pembekalan tenaga negara semenjak berlakunya *blackout* ataupun kegagalan bekalan tenaga seluruh negara pada tahun 1993.

Sejak itu, negara telah memperkenalkan IPP, dan IPP yang pertama telah pun memperoleh perjanjian penjana tenaga ini dalam keadaan yang boleh dikatakan berat sebelah. Yang Berhormat Menteri menjawab sebentar tadi, jika kerajaan masih mengkaji pada hari ini, ia benar-benar menampakkan yang kerajaan tidak menyedari sebenarnya perjanjian-perjanjian dengan penjana tenaga bebas ini memang berat sebelah, menyebelahi kepada pihak penjana tenaga bebas, tidak menyebelahi kepada rakyat. Jadi Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan satu jaminan bahawa kajian yang akan dilaksanakan ataupun sedang dilaksanakan oleh kerajaan ini akan menghasilkan satu keputusan yang *win-win*. Sama, sama menang di antara IPP, Tenaga dan rakyat jelata, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, apa perjanjian yang TNB adakan dengan IPP melalui *Power Purchase Agreement*, PPA. Kita menghormati perjanjian itu. Sekarang, selepas 12 tahun kita boleh nampak, dulu, sudah bagi PPA yang banyak untung kepada IPP. Tetapi sekarang sudah masuk tiga generasi, tiga generasi PPA. Yang mana generasi antara satu, kedua, ketiga generasi, pun tidak sama. Dalam generasi pertama yang mana IPP masing-masing tidak sama, mengadakan PPA ataupun *Power Purchase Agreement*. So, inilah ada masalah yang mana kita kena kaji dengan mendalam. Apa yang ada sekarang, dan macam mana Yang Berhormat kata ialah cari satu *win-win situation*. Yang mana boleh untung kepada rakyat, kepada negara, kepada TNB, dan kepada IPP berkenaan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya ingat, sekarang mereka tahu yang mana, dekat mana ada kelebihan dan tidak mampan lagi. Patut kita duduk untuk mengkaji semula dan cari sesuatu situasi menang-menang yang mana dengan sukarela, *agreement* antara dua-dua pihak untuk mendapatkan keadaan menang-menang itu. [*ganggguan sistem pembesar suara*].

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Nampaknya itu sistem ada masalah. Penjelasan ya? Yang Berhormat Menteri kata, sekaranglah selepas 3 generasi, bahawa kerajaan sedar, bahawa PPA, bahawa *Power Purchase Agreement* adalah *one-sided*, berat sebelah dan tidak beruntung kepada pengguna-pengguna dan Yang Berhormat daripada Tangga Batu kata bahawa kita mahu satu *win-win situation*. Bukankah benar bahawa sebenarnya untuk tiga generasi, rakyat sudah rugi? PPA ialah satu *zero-sum game*, di mana IPP menang, rakyat rugi.

Bukankah benar kalau pihak kerajaan ada dengar suara pembangkang, dalam tahun 90-an kita sudah kata bahawa IPP ini tidak adil kepada rakyat. Bahawa berat sebelah, *one-sided*. Tidak perlu untuk dikaji semula. Sekarang barulah Yang Berhormat Menteri kata, kita baru insaf. Bukankah selalu lewat? Tetapi itu sudah berlaku tiga generasi sudah bayar dengan berat. Bukankah sekarang, masa sudah sampai di mana kita perlu atau KTAK.

Yang Berhormat Menteri perlulah *impress* atas IPP mengenai CSR, *Corporate Social Responsibility*. Bahawa mereka sudah tiga generasi, sudah dapat untung begitu besar, bahawa masa sudah sampai untuk persetujuan supaya adakan satu kajian semula supaya lebih memperseimbangkan terma-terma dalam kontrak-kontrak tersebut supaya pengguna tidak terus dikorban.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai ketua pembangkang, dia apa pun bangkang punya. Senang dia cakap. Ini tidak baik, itu tidak baik.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dengar, tiada masalahlah.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Nanti. Masalah ada. Bukan harga yang tinggi. Masalah ini datang dari untuk membayar caj kapasiti ataupun *capacity charge*. Yang mana, tanpa *capacity charge* yang mana ambil atau bayar, *take or pay* yang ada. Banyak IPP, tidak boleh pergi kepada tabung kewangan untuk meminjam duit untuk mendirikan IPP itu. Bank-bank *financial* tidak keluarkan duit. *You* ingat orang keluarkan duit, senang-senang bila-bila kita mahukan IPP dan apa-apa projek penswastan? So,

kita tahu sebab *capacity charges* sudah tambah sebab kita menambahkan lebih IPP untuk mengambil alih tanggung jawab TNB untuk meminjam dan mendirikan jana kuasa untuk TNB.

Kita menggunakan, membiarkan sektor swasta untuk mendirikan penjana kuasa bebas, tetapi syarat bank-bank dan tabung-tabung kewangan, dia mesti mahu tengok sesuatu yang boleh dijalankan sebelum mereka keluarkan duit untuk meminjam kepada syarikat itu dan adalah satu ialah *capacity charge*. *Capacity charge*, tanpa *capacity charge* mereka susah nak dapat pinjaman. Tetapi, *capacity charge* itu yang membebankan TNB sekarang. So, sebab mereka sudah menjalankan berapa tahun dan mahukah *capacity charge* itu dilangsungkan seperti dulu, atau mereka boleh memotong sikit *capacity charge* ini. Keluarkan sikit untuk mendapatkan sesuatu hadapan yang mereka boleh mengadakan di dalam industri jana kuasa. Ini kita masih dalam masa perbincangan. Harap selepas perbincangan, sini tolak ansur sikit, sana tolak ansur sikit, dan jadikan satu keadaan menang-menang. Tetapi, pembangkang dia suka jadikan satu keadaan kalah-kalah, bukan menang-menang. So, semua kalah, lebih baiklah kalau dia dapat lebih politik keuntungannya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Minta penjelasanlah.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Senang cakap, saya pun tahu cakap

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Pejelasan ya Yang Berhormat. Penjelasan ya? [Ketawa]

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Senang cakap, sini tidak patut, sana tidak patut. Senang cakap, apa yang patut? 12 tahun lalu, dia tidak cakap.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Kita tidak mahu kalah-kalah. Kita mahu menang-menang. Kita tidak mahu menang-menang, sebenarnya menang-kalah. Sebenarnya bukan menang-menang, tetapi menang yang kalah. Rakyat yang kalah, IPP menang dan kata bahawa kita kata 12 tahun dahulu, boleh *check hansard* bahawa kita kata, ini *one-sided*, ini tidak adil. Ini boleh *check*. Yang Berhormat tentulah ada cukup *facility*. Balik kepada kajian semula dengan IPP, adakah ini kajian semula mengenai kontrak yang sekian ada? Atau ikut laporan dalam surat khabar bahawa untuk kontrak masa hadapan, kontrak yang baharu. Oleh sebab kalau untuk kontrak yang baharu, apa mengenai kontrak sekarang, mengenai terma-terma yang belum habis?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Macam jadi apakan kontrak ya, perjanjian baru atau yang menjaga ke hadapan industri dan juga menjagakan masalah-masalah yang

dihadapi oleh TNB pada masa sekarang. Macam mana dia jadikan sesuatu perjanjian? Kita sekarang masih dalam rundingan kerana bagi sedikit masa lagi, saya boleh mengumumkan bermacam-macam cara. Kalau Yang Berhormat dari Ipoh Timur ada cadangan yang baik, saya pun terima cadangan beliau. Tolonglah sama-sama dengan saya pergi cakap dengan IPP. Boleh, kalau beliau boleh tolong saya. Saya menjemput beliau datang jugalah.

Tetapi macam mana cara untuk mengatasi masalah ini, untuk mencari satu keadaan menang-menang, saya harap beri saya sedikit masa dalam rundingan yang sedang dijalankan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Berkenaan air, pemetaan atau *mapping* saluran paip dan kabel. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab yang dibangkitkan...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan. Mengenai telekomunikasi, Yang Berhormat. *Communication, communication!*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tidak payahlah, banyak lagi. You punya bos sudah cakap. You duduk.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Belum, belum, itu *communication*. Saya ada sebut mengenai Telekom Malaysia membayar pampasan RM800 *million*, adakah jawapan akan disebut nanti.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat, perlahan-lahanlah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Bukan, tadi Yang Berhormat Menteri kata...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** You bukan Ipoh mali, saya Ipoh mali, perlahan-lahan punya. Saya akan sebutlah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Okey.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Sabarlah. Ada banyak lagi, apa you tidak boleh sabar sedikit pun tidak boleh tahan. *[Ketawa]* Ini orang muda semua macam ini punya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat tadi jawab tidak ada sebut Bandar Kuching yang menyebut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dahulu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ....perkara mengenai kementerianya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bangkitkan perkara ini kemudian.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...dia tidak ada sebut Bandar Kuching.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, duduk dahulu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya hendak tahu adakah dalam jawapan Yang Berhormat? Kalau ada, saya akan sabar tunggu. Kalau tidak ada, saya mahu minta satu jawapan. Adakah?

**Beberapa Ahli:** Duduk, duduk.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Perlu saya sambungkan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, lain.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Perlu saya sambungkan jawapan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Lain, lain, teruskan jawapan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya belum jawab, you cakap saya jawab baik-baik. Saya cuba dengan sedaya upaya untuk cakap baik-baik. *[Disampuk] [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rasah, sukacita saya memaklumkan bahawa setiap saluran paip yang dipasang dicatat dan direkodkan di dalam pelan. Tindakan telah diambil secara berperingkat dengan memasukkan saluran-saluran paip yang dipasang tersebut ke dalam bentuk *digital mapping* yang mana paip-paip tersebut dapat dikesan atau dipantau melalui *Geographical Information System (GIS)*. Sistem *digital mapping GIS* ini sudah pun mula dilaksanakan di beberapa negeri dan akan diperluaskan ke semua negeri di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Siling sebanyak RM101.5 juta telah diluluskan untuk tujuan ini.

Mengenai pemetaan kabel elektrik, saya suka menjelaskan bahawa TNB turut menjadi Ahli Jawatankuasa Teknikal Permintaan Automasi dan Pengurusan Fasiliti atau AMFM di bawah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia yang sedang melaksanakan projek Pemetaan Automasi dan Pengurusan Fasiliti (AMFM). Projek ini bertujuan mengumpulkan maklumat pemasangan TNB yang berkaitan termasuk juga dari agensi-agensi lain seperti bekalan air untuk dimasukkan di dalam satu pangkalan data nasional. Dengan wujudnya pangkalan maklumat seperti ini, gangguan yang disebabkan oleh pihak ketiga dijangka dapat dikurangkan dan memudahkan perkongsian maklumat di antara-antara agensi yang terlibat.

Selain daripada itu, TNB juga merekodkan semua kedudukan pemasangannya seperti pencawang kabel bawah tanah dan talian atas. Walau bagaimanapun, perkembangan pesat kerja-kerja fizikal sedikit sebanyak telah menyebabkan kedudukan

pemasangan-pemasangan ini tidak selari dengan peta atau pelan yang dibangunkan seperti di dalam pangkalan data asal. Keadaan ini kadangkala menyebabkan berlakunya insiden gangguan pelaksanaan projek atau gangguan terhadap bekalan elektrik akibat ketidaktepatan maklumat berkaitan dengan kedudukan pemasangan khususnya kabel bawah tanah.

Sebagai langkah untuk mengurangkan insiden-insiden sebegini, TNB sedang membangun sistem *Distribution Network Information System* atau DMIM yang akan menyimpan semua data spesial dan maklumat-maklumat berkenaan dengan pemasangan rangkaian pembahagian TNB. Maklumat ini akan membolehkan TNB meningkatkan mutu perkhidmatan khususnya dalam mempercepatkan proses pembaikan serta pemulihan bekalan elektrik kepada pelanggan-pelanggannya. Sebagai permulaan, projek ini sedang dibangunkan bagi kawasan Lembah Klang.

Projek penyaluran air mentah Pahang-Selangor. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Serdang telah menanyakan mengenai pelaksanaan projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor. Projek ini apabila siap nanti akan dapat menyalurkan air mentah sebanyak 1,890 juta liter sehari untuk memenuhi keperluan air negeri Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Projek tersebut telah diluluskan untuk pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan....

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Mohon penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ... dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion. Kerja-kerja pembinaan projek dijangka akan dapat dimulakan pada tahun 2007. Projek ini dijangka siap pada tahun 2012.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lipis.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Boleh Yang Berhormat berikan kawasan-kawasan yang terlibat dalam negeri Pahang, yang terlibat dengan pembekalan air dari Pahang ke Selangor ini?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya tahu kita akan membuat satu empangan di Sungai Kelau dan selepas Kelau ambil air dengan *pumping station*, dengan kita keluarkan melalui Titiwangsa untuk dikeluarkan di Langat sana. Tetapi kalau you mahu butir-butir, marilah, saya akan berikan you.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Ada tidak kawasan-kawasan penduduk yang terlibat di Pahang?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ada kawasan FELDA dan kawasan Orang Asli dan berkaitan dengan pembinaan empangan. Dengan itu sekarang kita sedang berbincang dengan mereka untuk memberikan ganti rugi tetapi apa yang ketara ialah orang-orang yang kita kenal, dia pun mahu pindah. Itu yang susah. Dalam satu skim FELDA, Tuan Yang di-Pertua, boleh kata 30% atau 40% penduduk kena dengan pembinaan empangan itu tetapi semua mahu keluar dari kawasan ini. Ini yang kita hadapi masalah berkenaan dan sedang dalam perbincangan dengan orang-orang yang terkena di dalam rancangan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Serdang.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih di atas penjelasan berkaitan dengan projek tersebut. Tetapi saya ingin bertanya, adakah telah mencapai persetujuan antara Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Negeri Selangor berkenaan dengan pampasan atau dikenakan bayaran selepas saluran itu sampai ke negeri Selangor. Adakah pinjaman daripada Kerajaan Jepun yang telah ditandatangani dahulu sama ada masih dipakai? Pinjaman daripada Japan untuk membiayai projek tersebut.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik :** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Serdang mahu tanya pampasankah? Hah, pampasan?

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Projek di antara Kerajaan Negeri Pahang dan negeri Selangor memang dahulu kerajaan negeri patutnya ada perundingan apakah keputusannya sekarang berkaitan dengan projek tersebut dan juga saya difahamkan Kerajaan Negeri Pahang akan meminta kalau mahu jual air itu dengan kadar bayaran daripada Kerajaan Negeri Selangor.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik :** Tuan Yang di-Pertua, pampasan saya belum dengarlah. Barangkali bayaran untuk mengambil air mentah, ini boleh bincanglah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, air mentah dari Pahang.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ada dalam perbincangan. Yang kedua, pinjaman lebih kurang RM2.8 ribu juta dari *Japan Bank of International Corporation* (JBIC) *loan* (pinjaman) masih dijalankan. Kita telah menandatangani pinjaman itu pada Mac yang lalu dan sekarang kerja-kerja untuk mengambil konsultan dan kontraktor sedang dijalankan dan bila ini siap dan kerja mula, kita boleh mula *draw down* dari pinjaman JBIC itu.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Minta lagi satu persoalan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Saya dengar apa yang dikatakan projek ini akan dimulakan tidak lama lagi dan akan disiapkan pada tahun 2012. Tetapi di dalam laporan daripada Kementerian ada memperkatakan bahawa Selangor akan mengalami kekurangan air 10 juta liter sehari pada tahun 2007 dan kekurangan ini akan meningkat sehingga 836 juta liter sehari pada tahun 2011. Laporan yang diberikan kepada saya pada 27 Jun 2005.

Di antara masa ini, cara mana mengatasi kekurangan air di Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur ini penting sekali sebab kekurangan air telah dinyatakan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat, saya tidak tahu dari mana Yang Berhormat dapat angka itu.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Laporan daripada Dewan yang diberi menerusi soalan lisan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ini, dalam ramalan yang mana pada tahun 2007 dan 2008 barang kali kekurangan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dalam lingkungan lebih kurang 500 bukan 10,000 tetapi 500 liter sehari. Saya tidak percaya, masih dalam pembinaan projek ini yang membawa penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor.

Pada masa itu bila kita menghadapi kekurangan kita tidak boleh pergi cari sumber-sumber alternatif dan menggunakan cara untuk menjimatkan air, kita tidak boleh mengatasi kekurangan. Kekurangan yang diramalkan itu dan kita sudah mula mengambil dengan izin *contingency* pelan untuk mengatasi masalah kekurangan air bila dia datang. Barangkali pada sementara ambil air dari negeri Perak, mencari air di bawah tanah, menjimatkan air dan mengurangkan air yang tidak berhasil yang menggantikan paip-paip yang bocor dengan semua tindakan yang dijalankan. Saya ada kepercayaan yang mana apa kekurangan yang diramalkan akan boleh diatasi.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, mohon penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya difahamkan air yang akan dijual dari Pahang ke Selangor, air mentah bukan air yang dirawat. Siapa yang akan menentukan sama ada Pahang boleh menjual air yang sudah dirawat ataupun air mentah. Adakah ditentukan oleh pihak Kementerian ataupun pihak kerajaan Pahang sendiri yang hendak menjual air mentah dan bukannya air yang dirawat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, apa salahnya, ini bukan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, ini sistem jangan Yang Berhormat salahkan saya lagi ya?

Projek membawa air mentah atau penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor, ini akan ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan yang mana kita tentukan hanya membawa air mentah dari Pahang ke Selangor. Kita akan bayar kepada air mentah yang diambil dari Sungai Pahang di situ. Walau pun ada permohonan untuk menyalurkan air yang telah dirawat di pihak negeri Pahang dan dibekalkan untuk negeri Selangor, itu saya ingat cadangan ataupun permohonan ini tidak diterima dan sekarang kita menjalankan projek sebagai suatu projek untuk menyalurkan air mentah dari Pahang ke Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, kawal selia kualiti air – bagi menjawab persoalan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, yang bertanya mengapa tidak dinyatakan di bawah Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air atau (RUU - IPA) dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (RUU - SPAN) untuk pengawalan air mentah.

Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat, bahawa kedua-dua RUU tersebut setelah diluluskan kelak tidak akan memindahkan kuasa untuk mengawal sumber dan kualiti air daripada agensi-agensi kerajaan yang sedia ada ke kementerian ini. Kuasa mengawal sumber air termasuk punca air di permukaan atau di bawah tanah masih lagi dikekalkan di bawah kuasa kerajaan negeri masing-masing. Manakala kualiti sumber air akan tetap dikawal selia oleh Jabatan Alam Sekitar.

Bagaimanapun mekanisme dan kaedah pengawal selia kualiti dan bekalan air minum terawat berasaskan piawaian yang ditetapkan akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui Suruhanjaya Pengurusan Air Negara atau SPAN yang akan ditubuhkan apabila kedua-dua rang undang-undang tersebut diluluskan. Melalui Suruhanjaya ini kerajaan akan dapat melaksanakan pengawal seliaan dan pemantauan secara sistematik terhadap proses perawatan, pengagihan dan kebajikan pengguna yang dijalankan oleh setiap operator perkhidmatan air.

Pengawalseliaan dan pemantauan tersebut akan dibuat berasaskan peraturan-peraturan dan indikator-indikator prestasi utama yang ditetapkan kepada mereka. Dengan itu, kerajaan akan dapat memberi jaminan bahawa kualiti air terawat yang diagihkan kepada setiap pengguna adalah terjamin. Kerajaan yakin bahawa melalui langkah-langkah ini perkhidmatan air kepada pengguna di Semenanjung Malaysia akan menjadi lebih efisien, mapan dan berkualiti.

Perkhidmatan bekalan air di Johor, Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga bertanya mengenai negeri Johor tidak menerima peruntukan untuk bekalan air semenjak Rancangan Malaysia Ketujuh lagi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, negeri Johor tidak menerima peruntukan di bawah Rancangan Malaysia lima tahun setelah keseluruhan pengurusan bekalan air yang meliputi rawatan air mentah, pengagihan, pengoperasian, penyelenggaraan dan termasuk penyediaan kemudahan-kemudahan prasarana berkaitan sistem bekalan air diswastakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keadaan air di negeri Johor adalah tidak bersih dan kos rawatan air adalah terlalu tinggi, ingin saya jelaskan di sini bahawa kualiti air mentah adalah merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kos untuk merawat air. Operator-operator pengeluar air yang memperoleh sumber air mentah yang kurang berkualiti biasanya memerlukan kos yang tinggi untuk menghasilkan air bersih terawat bagi memenuhi piawaian Kementerian Kesihatan sebelum dapat dibekalkan kepada pengguna.

Oleh yang demikian, keperluan untuk menjaga sumber air dan kawasan tadahan amatlah tinggi. Tanggungjawab untuk menjaga punca-punca sumber air perlu dipikul secara bersama dengan agensi-agensi kerajaan dan semua pihak termasuk juga orang ramai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Ada dua perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri, yang pertama mengapa kerajaan Johor tidak mendapat peruntukan. Ini saya bersuara bagi pihak rakyat Johor, kita membayar cukai juga. Tetapi yang menswastakan perkhidmatan air ini bukan sahaja Johor, malahan Pulau Pinang pun mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat.

Begitu juga kalau kita hendak menyalurkan air daripada Pahang sampailah ke Selangor, ia menelan belanja tidak kurang daripada RM3 bilion. Pertanyaannya, mengapa sejak kebelakangan ini tidak mendapat peruntukan dan mengapa pula Johor yang merupakan satu-satunya negeri yang tertinggal dalam senarai. Saya melihat kawasan di Johor juga, di kawasan kami Batu Pahat, kita memerlukan RM250 juta untuk membina empangan kerana tidak ada air di daerah Batu Pahat dan Kluang, kenapa

Kerajaan Pusat tidak boleh menyalurkan peruntukan atas dasar untuk membantu pengguna supaya tidak dikenakan tarif air yang tinggi.

Itu kita faham, kalau SAJ sendiri yang perlu membayar dengan kadar bunga yang tinggi, akhirnya pengguna tidak akan menikmati kadar air yang rendah. Itu soalan yang pertama. Yang kedua, apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri tadi mengenai kawasan tadahan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, oleh sebab kawasan tadahan air mentah ini merupakan satu masalah yang besar, adakah Yang Berhormat bercadang untuk berunding dengan kerajaan negeri, memandangkan masalah ini semakin serius, semakin menular, kalau kita tidak melakukan apa-apa suatu hari nanti kita akan berdepan dengan masalah krisis air mentah dan apakah tindakan yang akan dan sedang diambil oleh Yang Berhormat Menteri, dan memandangkan satu fakta juga di mana sekarang kalau kita menyalurkan air mentah, ia diproses oleh syarikat seperti Puncak Niaga dan juga Econventures dan mereka mengenakan kos yang terlalu tinggi untuk merawat air akhirnya keadaan ini akan ditanggung oleh rakyat. Apakah peranan menteri untuk memberi kepastian untuk membolehkan rakyat kita menikmati tarif air yang rendah. Apa pandangan? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, apa yang tidak sama di antara keadaan di Pulau Pinang dan Johor iaitu sesuatu diberikan konsesi ialah Johor. Pulau Pinang bukan melalui konsesi ia hanya melalui lesen yang diberikan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang yang mana semua kapasiti atau infrastruktur yang dibina oleh kerajaan negeri Pulau Pinang yang disewakan kepada operator Pulau Pinang. Dengan itu, mereka tidak payah membayar balik atas apa yang telah dibelanjakan kepada infrastruktur seperti loji rawatan air atau empangan.

Di Johor ini tidak serupa. Apa yang Yang Berhormat kata adalah betul. Mereka yang membina empangan dan loji rawatan dengan meminjam duit dengan faedah yang sangat tinggi, ini akan dibayarkan oleh satu pihak, pihak itu kerajaan negeri yang akan mengambil air yang telah dirawat untuk dibekalkan kepada pengguna atau pengguna akan membayar kepada kos pembangunan yang tinggi. Oleh sebab ada keadaan ini, kita apabila mendapat tanggungjawab untuk air seluruh negara, kami di KTAK membuat cadangan untuk menyusun semula (*reform*) struktur industri perkhidmatan air di

Semenanjung Malaysia yang mana Sabah dan Sarawak memilih tidak masuk dalam pergerakan penstrukturan semula industri itu dengan mengeluarkan pembinaan infrastruktur seperti empangan dan loji rawatan luar dari operator-operator yang akan dilesenkan untuk menjalankan perkhidmatan air di negeri masing-masing. Dengan mengeluarkan kos pembinaan infrastruktur yang mana dengan kapasiti yang sangat tinggi, barangkali operator-operator boleh menjalankan perkhidmatan mereka secara mapan dan secara sesuatu perkhidmatan yang tidak membebankan banyak kepada pengguna-pengguna di negeri masing-masing.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tersebut. Saya ingin bertanya juga Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata Johor ini berbeza dengan negeri yang lain - Pulau Pinang. Sebenarnya manusia yang menetapkan peraturan dan saya tidak nampak di manakah kekangannya Johor ini terkecuali daripada diberi bantuan. Saya rasa ini adalah satu perkara yang saya minta Yang Berhormat Menteri sendiri mempertimbangkan. Kita tidak mahu rakyat Johor sengsara disebabkan oleh sistemnya yang berlainan sedikit daripada Pulau Pinang. Akhirnya tetap diswastakan dan ia diuruskan oleh pihak swasta dan mengapa negeri lain mendapat bantuan dan Johor disebabkan masalah teknikal tidak dapat bantuan. Saya merayulah kepada jasa baik Yang Berhormat Menteri dari Rancangan Malaysia Ketujuh hingga sekarang satu sen pun belum dapat. Saya rasa orang Johor ini rasa tidak sedap dalam hati dan minta tolong jasa baik.

Kedua, Yang Berhormat kata empangan dan sebagainya, fasiliti akan dijaga oleh syarikat-syarikat konsesi. Tetapi sedarkah Yang Berhormat sebenarnya ini adalah tanggungjawab bagi mereka yang merawat air tetapi akhirnya disebabkan rayuan daripada wakil rakyat kita memaksa SAJ yang menjalankan perniagaan pengagihan air itu buat kerana kalau tidak dibuat sampai bila Econventure akan buat. Sebab itulah atas desakan wakil rakyat itu, fasiliti terpaksa dibina dengan harapan kita mendapat peruntukan daripada pusat. Jadi, saya minta dan merayu kepada Yang Berhormat Menteri inilah rintihan daripada rakyat jelata, jangan kita menanggung tarif air yang lebih tinggi. Minta penjelasan, minta jasa baik Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan, saya ambil nota. Barangkali kita boleh berbahas lagi bila Rang Undang-undang IPA dan Rang Undang-undang SPAN dibentangkan di Parlimen dalam satu atau dua minggu lagi. Ada banyak masa untuk membahaskan perkara ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya Ahli Yang Berhormat bagi negeri Kedah. Hari ini air daripada negeri Kedah... *[Disampuk]* air daripada negeri Kedah diberi ke Pulau Pinang tidak ada duit, *free*. Diberi kepada Perlis pun *free*. Sekarang ini apabila di minggu depan kita hendak berbahas tentang penubuhan fasal SPAN ini dan juga proses baru dalam sistem air di seluruh negara ini...

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa apabila dasar itu dilakukan bahawa Kedah akan kehilangan punca daripada pendapatan air sebanyak 160 juta. Bermakna ia akan terkeluar daripada *cash flow* negeri Kedah. Yang Berhormat sedarkah bahawa negeri Kedah ini adalah negeri miskin, kita orang susah. Jadi bila negeri miskin, maka pusingan duit 160 juta keluar daripada negeri Kedah, ia akan menyebabkan negeri Kedah bertambah susah. Jadi adakah Yang Berhormat bercadang untuk melihat walaupun kita jual air mentah tetapi berapa sen sangat air mentah yang kita dapat. Saya berharap dan merayu kepada kerajaan dan kepada Yang Berhormat sebagai Menteri supaya mengkaji balik, supaya jangan buat macam itu kerana kami di negeri Kedah ni sudah berkorban cukup banyak kepada kerajaan Malaysia. Kami telah berkorban dengan menanam padi yang kita tahu padi adalah pendapatan yang ...

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya berharaplah Yang Berhormat, tolong supaya biarlah sistem seperti sekarang ini diswastakan di peringkat negeri dan sebagainya. Arau pun ambil air daripada Kedah, *free*, 10 sen tidak bayar. *[Dewan ketawa]*

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukup, cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Orang susah jangan bagi lagi susahlah, Dato'. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya tidak tahu susah atau tidak susah tetapi Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan air mentah dan yang dipunyai oleh negeri masing-masing dan berapa caj mereka kenakan sama ada rugi ataupun pengorbanan kepada kedua-dua negeri berhijrah dengan Kedah ialah Perlis atau Pulau Pinang. Masalah ini, kalau kerajaan negeri Kedah mahu membangkitkan, boleh membangkitkan kepada Jawatankuasa Majlis Sumber Air Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di majlis itu mereka dengan ada semua ahli dari Menteri-

Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri negeri masing-masing. Mereka boleh berbincang atas dasar berkenaan dengan air mentah. Ok.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sebagai wakil rakyat mewakili negeri Kedah, bolehkah saya bersuara di sini untuk catatan dan juga Yang Berhormat Menteri ambil tindakan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Kalau ada peluang, saya boleh bawa masalah yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat Jerai di Majlis Sumber Air Negara.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kerana gerakan ....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tetapi saya harap bila saya bawa nanti kerajaan negeri Kedah cakap, "Apa *business* you? You Menteri dia jaga negeri". Nanti dia marah saya. You cakap sama dialah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak marah fasal sekarang Federal mahu 160 juta keluar.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Jerai tak payah dialog ha!. Duduk, duduk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Pulau Pinang bayar sama Kedah ....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Hoi! Saya bukan Pulau Pinang, saya orang Perak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Gerakan memerintah Pulau Pinang, Barisan Nasional ....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Bukan Gerakan memerintah tetapi Barisan Nasional memerintah Pulau Pinang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Bayar sama Kedah 10 ribu satu tahun, ambil air free.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini tidak cukup. Mana cukup.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tadi Menteri sudah kata kita ada peluang lagi untuk berbahas tentang perkara ini.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Dia marah saya sebab saya Presiden Parti Gerakan. Tidak ada berkaitan dengan kerajaan Pulau Pinang atau kerajaan Kedah.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Jerai hari ini .... Yang Berhormat, Menteri berucap sebagai Menteri bukan sebagai Presiden Gerakan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yes. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia jadi Menteri kerana Presiden Gerakan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Terima kasih, saya ambil notalah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Please, this is serious.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Mohon penjelasan, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Mambong bangun.

**Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** Langkawi.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Langkawi juga bangun. Yang Berhormat Menteri, mana satu ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Mambong, mambong, sini, sini.

**Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** Langkawi.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Langkawi jauh di sana.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Mambong tak mahu bagi ke?

**Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak menyambung saranan dari Yang Berhormat Jerai tadi. Saya telah mencelah semasa Ayer Hitam membahaskan usul ini. Saya kata hari tu, Kedah ada 5 *dam*, 1 ialah Muda Dam yang melibatkan 300 batu persegi dan dijaga dengan rapi. Kita juga ada Ahning Dam dijaga dengan rapi 30 batu persegi. Batu Beris dam juga dijaga dengan rapi. Jadi tidakkah kerajaan berhasrat untuk "*conversant*" Kedah bagikan satu ganjaran ataupun "*conversant*" supaya Kedah walaupun miskin tetapi dapat bernafas. Minta Yang Berhormat Menteri suarakan perkara ini dalam majlis, terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, ingin saya cadangkan selepas menjawab daripada Yang Berhormat Langkawi, bolehkah Yang Berhormat terus kepada jawapan yang disediakan oleh kerana kita nanti ada juga Rang Undang-undang untuk memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat berbahas.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ahli Yang Berhormat Langkawi, saya berharaplah kerajaan negeri Kedah boleh bawa dan bincangkan perkara ini dengan kementerian Kewangan atau di dalam Majlis Sumber Air Negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keperluan untuk mengkaji semula perjanjian konsesi sedia ada agar kadar tarif tidak terlalu tinggi. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, terdapat peruntukan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang IPA

dan Rang Undang-undang SPAN yang membolehkan rundingan semula diadakan antara syarikat konsesi air dan kerajaan bagi hal yang melibatkan kepentingan negara. Rundingan tersebut hendaklah memberi faedah kepada kedua-dua pihak supaya industri perkhidmatan air ini akan sentiasa mapan dan cekap.

Isu perkhidmatan bekalan air Sandakan, dalam usaha menangani masalah perkhidmatan bekalan air di Sandakan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sandakan, sukacita saya memaklumkan bahawa pada masa ini, projek bekalan air Sandakan fasa kedua adalah dalam peringkat penyediaan reka bentuk kejuruteraan dan skop kerja secara terperinci dengan kelulusan siling peruntukan 390 juta ringgit projek tersebut akan mula dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini sebaik sahaja semua proses penyediaan reka bentuk kejuruteraan dan skop kerja secara terperinci diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjelaskan tentang masalah hutang kepada tiga syarikat konsesi air di Sabah buat masa ini kerajaan Negeri sedang berunding dengan ketiga-tiga syarikat pembekal konsesi berkenaan dengan untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi kedua-dua pihak iaitu kerajaan Negeri dan syarikat-syarikat konsesi berkenaan.

Komunikasi, cadangan pemansuhan yuran bulanan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ketereh ada mencadangkan supaya yuran bulanan yang dikenakan oleh syarikat Telekomunikasi dimansuhkan. Untuk makluman Yang Berhormat, bayaran yang dikenakan itu adalah sewa talian tetap bulanan. Bayaran sewa ini adalah untuk menampung sebahagian daripada jumlah pelaburan besar yang telah dibelanjakan oleh syarikat Telekomunikasi bagi menyediakan infrastruktur telefon talian tetap ke premis atau ke tempat kediaman pengguna. Kadar-kadar sewa yang ditetapkan juga telah diwartakan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Kaedah-kaedah Komunikasi dan Multimedia Kadar 2002.

Siaran berita tv, Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Gerik ....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Jasin.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ... supaya siaran .... Apa? Jasin?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apa yang dimaksudkan oleh sahabat saya daripada Ketereh yang menyoal soal itu bukan tentang line yang tetap tetapi ia

melibatkan *handphone* syarikat-syarikat Maxis, Celcom yang pada hari ini mengenakan caj sewa bulanan yang agak tinggi iaitu RM60 sebulan.

Memandangkan syarikat-syarikat ini membuat keuntungan yang begitu besar, RM1 bilion, RM2 bilion, kita minta supaya kalau boleh Menteri kenakan pada syarikat ini *social obligation* kepada orang ramai kerana *hand phone* sekarang bukan benda yang mewah, boleh katakan semua orang menggunakan *hand phone* dan RM60 itu terlalu tinggi untuk rakyat jelata. Kenapa tidak kementerian minta kepada pengusaha-pengusaha Telekom ini menurunkan balik harga itu, RM60 terlalu tinggi, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, ada pilihan. Kalau tidak mahu bayar yuran bulanan, guna prabayar kadlah. Yang mana dengan bayaran prabayar tidak payah bayar yuran bulanan. Ini berkenaan telefon *mobile*. Saya ingat saya sudah jelaskan. Ini adalah perniagaan di pasaran bebas, saya tidak boleh menentukan ini sangat mahal, ini tidak boleh mahal. Kalau berkenaan barangan keperluan dan Kementerian Perdagangan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dalam Negeri.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ..... Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, ia boleh menentukan harga. Tetapi untuk barangan lain atau produk-produk lain, kita tidak sentiasa pergi menentukan, "*Eh! You kena turun, you kena naik,*" dan sebagainya. tetapi ada pilihan yang lain. Kalau tidak mahu bayar yuran bulanan, gunakan kad prabayar, ini tidak payah bayar yuran bulanan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Hendak tanya sikit, Yang Berhormat. Betullah Yang Berhormat kata itu, ada pilihan, kita tidak nafikan. Sekarang ini banyak pilihan, macam-macam pilihan. Masalahnya, kalau tadi Yang Berhormat menyatakan soal kadar ini diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tetapi bila kita tanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pula, mereka menyatakan ini Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Jadi, yang mana satu? Ini yang mengelirukan. Cuma kita mintalah kepada Yang Berhormat Menteri kalau boleh cadangkanlah kepada pihak-pihak ini panggil mereka. Mereka pun sudah untung banyak.

Biasanya kalau keuntungan banyak tidak sepatutnyalah yuran ini, kadar ini dinaikkan. Biasanya kalau kita sudah untung banyak, harga akan turun. Ikut hukum akallah, Yang Berhormat, kalau sudah untung banyak, ia akan turun, macam AP, contohnya. *[Ketawa]* Kalau AP sudah banyak, *[Disampuk]* AP macam-macam AP

kereta sahaja, macam-macam AP. Kalau AP sudah banyak digunakan tentulah lebih ramai lagi yang akan dapat peluang. Itulah maksud saya, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Baiklah, Yang Berhormat, saya akan ambil nota atas dua perkara, harga SMS dan sekarang harga yuran bulanan telefon bimbit.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Eh, lagi!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sini, sini, sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sini di depan, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Depan, depan. Tidak tahu sama ada Yang Berhormat bertanggungjawab mengenai PA, kita berbelanja RM100 juta nampaknya tidak boleh guna. Mungkin Yang Berhormat ada bertanggungjawab – *Energy, telecommunication* dan lain-lain. masalah bukan sahaja mengenai SMS, ambil nota, Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Jasin semua ada bangkit mengenai hal SMS, mengenai *hand phone*. Adalah tanggungjawab kita untuk menjaga kepentingan orang ramai supaya tidak ada monopoli atau *cartel* untuk menentukan harga yang terlalu tinggi.

Dalam perundangan untuk air, ada suara, ada *voice, water voice*, kenapa dalam *telecommunication* tidak boleh kita mengadakan satu suara pengguna-pengguna teknologi, di mana mengenai, kalau harga yang terlalu tinggi, bayaran yang terlalu tinggi yang ditetapkan, SMS dan *hand phone*, di mana mereka dapat, syarikat mendapat keuntungan berbilion ringgit supaya ada satu badan, satu majlis untuk kaji di mana boleh satu amaun, satu akauntabiliti daripada syarikat-syarikat telekom itu atau berkenaan untuk memberi satu justifikasi, kalau tidak perlulah menurunkan harga itu supaya kepentingan orang ramai boleh dibela, tidak menjadi mangsa, sama ada monopoli atau *cartel*.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya ambil nota. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, boleh ambil .....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** .....suara pengguna-pengguna.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Oh! boleh juga Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, pelan-pelan marilah. *[Ketawa]* Apa ini, Ipoh marikah? Orang Kedah cakap 'ayak', 'ayak', you Ipoh mari, pelan-pelan marilah.

Mengenai cadangan Yang Berhormat .....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat sedikit. Hendak minta Yang Berhormat ambil nota.....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ini air dan telekomunikasi banyak.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, ini angin, angin.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Angin.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Telekomunikasi.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** You juga ada masuk angin dalam you punya kepalakah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak. *[Ketawa]* Ini.....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya ambil nota atas angin.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Mahu buang angin, mahu buang angin.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Buang angin pun.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kena buang.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Okay.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya mahu tanya, .....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Buang angin Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Cepat sahaja, cepat sahaja. Pasal masa ini kesianlah, saya pun mahu hormat masa. Dahulu Yang Berhormat ada beritahu bahawa setiap pengguna kad ataupun panggilan telefon itu akan didaftarkan sama ada yang prabayar, ataupun yang berdaftar mesti didaftarkan. Bila? Ini kerana kita tengok SMS digunakan, untuk pertandingan dalam MIC pun diguna. Tidak lama pertandingan dalam Gerakan pun guna dan DAP pun guna. Jadi, macam mana, bolehkah benda ini dikawal supaya jangan keterlaluan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya pun tidak tahu macam mana hendak jawab. Tuan Yang di-Pertua, dia semua mahu Menteri kawal. Jangan bagi Menteri banyak kuasa. *[Disorak]* Ini Menteri jaga tetapi apa kepentingan untuk rakyat? Kita cuba atasi keselamatan sebab keselamatan kepada telefon bimbit, kita terpaksa kena daftarkan semua prabayar dan kita berikan sehingga Disember 15 untuk mendaftarkan

semua prabayar. Kalau selepas itu dia tidak daftar *linenya* akan dipotong, tidak boleh digunakan lagi.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Pendang.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Gerik supaya siaran berita utama antara stesen televisyen swasta dan kerajaan tidak diadakan serentak. Sukacita saya jelaskan bahawa keperluan menyiarkan Berita Jam 8 malam secara serentak oleh semua stesen penyiaran adalah merupakan keputusan Jemaah Menteri sebagai langkah memastikan perpaduan dan integral nasional. Ia juga merupakan syarat lesen pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan atau *contempt application service provided* (CASP), iaitu Berita Perdana berbahasa Melayu perlu disiarkan pada jam 8 malam dan tidak kurang daripada setengah jam.

Maklumat yang disalurkan oleh stesen-stesen penyiaran sama ada kerajaan atau swasta dikawal oleh garis panduan-garis panduan yang sedia ada. Orang ramai diberi pilihan untuk menuntun siaran berita daripada stesen televisyen kerajaan atau swasta mengikut cita rasa dan penyampaian berita berkenaan.

Kemudahan internet Jalur Lebar. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kota Bharu dan Yang Berhormat bagi Pensiangan ada menyentuh mengenai perlunya ditingkatkan kemudahan internet Jalur Lebar di seluruh negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian amat peka mengenai keperluan menyediakan rangkaian Jalur Lebar atau *broadband* secara menyeluruh ke seluruh negara baik di bandar mahupun di luar bandar berdasarkan keperluan tersebut. Pelan Jalur Lebar Negara telah diperkenalkan pada akhir tahun 2004 yang merupakan satu strategi untuk meningkatkan penyediaan infrastruktur internet berkapasiti tinggi atau jalur lebar di negara ini.

Tumpuan utama pelan tersebut adalah untuk mewujudkan *pharmaceutical* dengan kadar penatrasi isi rumah bagi Jalur Lebar sebanyak 23% pada tahun 2006 dan 50% pada tahun 2008. Di bawah pelan tersebut usaha akan ditumpukan kepada dua inisiatif utama iaitu penglibatan kerajaan bagi menghubungkan komuniti terpilih untuk menggalakkan permintaan.

Antara komuniti tersebut yang disediakan kemudahan internet ialah jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah, universiti dan institusi penyelidikan, hospital dan klinik, perpustakaan dan pusat internet komuniti dan yang kedua penglibatan sektor

swasta bagi menawarkan perkhidmatan internet. Antara strateginya ialah memperkenalkan rangka kerja *regulatory* yang bersesuaian dan menyediakan insentif-insentif kewangan sebagai rangsangan untuk menggalakkan penyediaan infrastruktur Jalur Lebar oleh pihak swasta.

Dalam hubungan ini, antara komuniti terpilih yang telah disediakan kemudahan Jalur Lebar ialah di sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan melalui projek rangkaian *school net*. Dalam projek tersebut sejumlah 10,000 sekolah di seluruh negara telah dihubungkan dengan kemudahan internet Jalur Lebar.

Kementerian juga sedang mengambil tindakan untuk memindah peraturan-peraturan komunikasi dan multimedia pemberian perkhidmatan sejagat 2002 bagi membolehkan penyediaan infrastruktur Jalur Lebar dibiayai oleh Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat atau *Universal Service Provision Fund (USP)*. Dengan pindaan peraturan tersebut penyediaan infrastruktur Jalur Lebar di kawasan luar bandar akan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat.

Selain itu kementerian juga mengambil pendekatan bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi merancang dan melaksanakan Projek Infrastruktur Jalur Lebar meliputi kawasan-kawasan pembangunan utama dan kawasan-kawasan luar bandar yang pesat membangun.

Memudahkan infrastruktur telekomunikasi di Bintulu. Tuan Yang di-Pertua ....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sebelum itu *Broadband Policy*. Adakah kelemahan kita atau kegagalan kita dalam *Broadband Policy* antara lain yang bertanggungjawab untuk menyebabkan Malaysia begitu mundur dalam perkembangan IT. Baru-baru ini *United Nations Global e-Government Readiness Report 2005* yang menunjuk bahawa kita di belakang yang sungguhpun 10 tahun dahulu kita di depan dengan idea cadangan multimedia *supercoridor*. Dan dalam laporan UN bukan satu syarikat, *United Nations Global e-Government Readiness Report*, Malaysia kedudukan 42, Malaysia duduk tempat 42 dan ini jatuh satu tempat dari tahun lalu dan lebih serius ialah sekarang di belakang dibandingkan dengan tahun lalu di belakang Filipina dan Thailand sangat dekat.

Pada tahun 2004 Filipina 47 sekarang 41, kita tahun lalu tempat 42 sekarang jatuh 43, Thailand kedudukan 50, tahun lalu sekarang sudah 46. Kalau kita tidak berjaga-jaga kita akan lagi satu indeks yang mustahak lagi kalah kepada Thailand. Bukan sahaja universiti, bukan sahaja FDI dan lain-lain lagi elektronik, IT pun kalah. Bukankah ini oleh kerana antara lain *Broadband and educe* di di bawah tanggungjawab

Yang Berhormat Menteri. *What are you doing the big troop of broadband* supaya kita boleh bersama dengan South Korea antara lain.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Wah ini saya mahu ambil kredit sedikitlah. Bila saya masuk untuk bertanggungjawab sebagai Menteri KETAK, saya tidak KETAK saya lupa. Pada masa di situ penatrasi atau *penetration* Jalur Lebar atau *broadband* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pembangkang hanya 0.4%. Dalam satu tahun sudah naik 10 kali ganda sampai 4%. Wah saya ingat 10 kali ganda dalam satu tahun, wah prestasi Menteri baguslah kena tambah gajilah. Tetapi tidak ada, tidak munasabah tidak terima keadaan ini. Saya sudah ada.. kalau Yang Berhormat baca *My ICMS 886*. Ini adalah satu *road show* untuk membangunkan ICT pada masa akan datang yang memberikan *target* untuk *broadband* untuk ini, untuk itu di seluruh ICT industri untuk tahun 2010.

Dan dengan mendapat prestasi itulah barangkali lah dalam United Nations kiraan kita boleh naik, naik, naik untuk, jangan ingat Yang Berhormat hanya tahu itu. Itu pun sudah dibawa oleh Yang Berhormat dari ...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Permaisuri....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tidak boleh, pakai nama, pakai Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Boleh guna, boleh guna.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Jangan kacaulah, you perempuan kacau selalu. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar yang telah bangkitkan perkara ini kepada Jemaah Menteri, kita tahu, kita bukan hanya tahu kita akan siapkanlah satu *road show* untuk, haraplah dengan kerjasama Yang Berhormat dari Pembangkang kita boleh dapat satu prestasi yang lebih lumayan, yang lebih terbilang, gemilang dan apa lagi. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan lagi.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Duduklah.....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Cakaplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Duduklah, rehat dahulu. Kita mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar, lama tidak jumpa. *Welcome, welcome*. Yang Berhormat Menteri kata bahawa Yang Berhormat Menteri bagi Kuala Kangsar ada bangkit hal ini *United Nations e-Government Readiness Report* di Kabinet, dia tanya dia. Sebelum itu dia tidak tahu. Kenapa kalau Yang Berhormat Menteri MITI

ada bangkit perkara ini dalam Kabinet Yang Berhormat Menteri tidak tahu, perlu di *brief* Yang Berhormat Menteri baru-baru ini, yang pertama. Yang kedua Yang Berhormat Menteri kata bahawa *broadband* sekarang *penetration rate* ialah 4%.

Kenapa ini tidak disebut dalam Rancangan Malaysia Kesembilan? Ditinggalkan. Nampaknya angka-angka yang berbeza satu masa ke satu masa, satu tempat ke satu tempat kita pun hairan. Apa angka yang digunakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Hari ini penatrasi 4%, barangkali sesi akan datang sudah naik kepada 6%. Sebab berkembang dengan pesat [*Ketawa*], sangat pesat. Tahukah? Ini menunjukkan Menteri ada kerja dan Jemaah Menteri *collative responsibility*. Apa beliau tahu dia bagi saya tahu sama-sama kita tahu [*Ketawa*]. You serupa you punya, you depan tahu belakang apa pun tidak tahu. [*Ketawa*] Betul tidak Yang Berhormat? Kalau betul tepuk sedikitlah. [*Ketawa*] [*Tepuk*] Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, ya terima kasih, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Panjang lagi Yang Berhormat, banyak lagi

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, ya terakhir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Terakhir, terakhir,

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tolong arahkan saya sambung lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sambung.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ha sambung.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya Yang Berhormat sangat *proud* mengenai *Broadband Policy* janganlah larilah. Tadi Yang Berhormat ada terima satu *Broadband Policy*, satu dokumen daripada pegawai-pegawai kenapa tidak berani tunjuk. Oleh kerana ini bukankah *Broadband Policy* patutlah satu dokumen semua tahu, tetapi tidak pernah dibentang dalam Dewan yang mulia ini.

Boleh kata semuanya tidak tahu, semua tidak tahu apa itu *broadband* polisi, bukan sahaja semua tidak tahu, kerajaan-kerajaan negeri pun tidak tahu. Minggu lalu Yang Berhormat Menteri kata Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang pun tidak tahu, pun tidak tahu mengenai *broadband policy* ini Yang Berhormat Menteri sendiri kata, sangat marah. Bukankah ini menunjukkan bahawa ada kelemahan yang besar dalam pelaksanaan dasar-dasar termasuk *National Broadband Policy* tidak guna kata pembangunan yang pesat kalau ini tidak menjadi satu polisi yang semua rakyat pun tahu termasuk *policy maker*.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan *broadband policy*, ini adalah polisi telekomunikasi, nanti jangan marah Yang Berhormat dari Ipoh Timor nanti saya buku you satu buku percuma. Yang Berhormat Bintulu telah membangkitkan isu pembangunan, infrastruktur dan perkhidmatan telekomunikasi di Sarawak, khususnya di kawasan beliau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak kerajaan amat prihatin dan sentiasa memastikan infrastruktur telekomunikasi dibina secara menyeluruh serta boleh digunakan setiap masa dan tidak terputus pada masa-masa yang diperlukan. Perkhidmatan telefon satelit di kawasan Bintulu yang diberikan oleh syarikat.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ipoh Timor mana mahu pergi?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** .....Telekom Malaysia menggunakan fungsi satelit. Perkhidmatan ini memerlukan situasi di mana untuk mendapatkan perkhidmatan yang baik dan tidak terputus. Telefon hendaklah dihalakan terus ke satelit dengan izin, *direct line of side*, tanpa sebarang halangan atau rintangan di antaranya. Sekiranya terdapat halangan, berkemungkinan besar pelanggan akan mengalami gangguan liputan. Untuk telefon talian tetap satelit pula, antena berasingan hendaklah dipasang di luar kawasan rumah atau pejabat terutamanya di kawasan yang tinggi untuk mengelakkan halangan liputan daripada bangunan dan juga pokok serta dihalakan ke arah kedudukan satelit.

Rintangan atau halangan di antara satelit dan penerima pemancar liputan juga boleh menyebabkan gangguan liputan perkhidmatan. Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur di Bintulu, pihak kementerian telah melaksanakan projek pemberian perkhidmatan sejagat, *Universal Service Provision (USP)* bagi tempoh tahun 2003 sehingga tahun 2005 di 201 lokasi klinik desa dan perpustakaan di negeri Sarawak dan termasuk tujuh lokasi di kawasan Bintulu. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan pula, pembangunan infrastruktur telekomunikasi di Sarawak dan di kawasan Bintulu akan terus ditingkatkan. Ini meliputi keluasan dan rangkaian talian telefon *celular* di 117 lokasi di Sarawak meliputi kawasan Kuching, Serian, Sri Aman, Sarikei, Sibul, Miri dan termasuk 20 lokasi di Bintulu.

Pembangunan ICT Sabah, Tuan Yang di-Pertua menyentuh isu pembangunan ICT bagi negeri Sabah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sukacita saya memaklumkan bahawa melalui pelaksanaan projek USP fasa satu hingga fasa empat di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak 303 lokasi projek USP telah

dilaksanakan bagi negeri Sabah iaitu di 110 buah Sekolah Kebangsaan, 148 klinik kesihatan dan 45 buah perpustakaan desa. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan pula, kementerian pula telah diperuntukkan sebanyak RM150 juta bagi melaksanakan projek USP dan projek Pusat Perkhidmatan dan Ilmu Komuniti atau *Community Service and Knowledge Centre (CSKC)*.

Bagi projek USP sebanyak 300 lokasi telah dikenal pasti di mana daripada jumlah ini 30 lokasi adalah di negeri Sabah. Bagi projek CSKC pula, 250 lokasi telah dikenal pasti di mana 26 daripadanya adalah di negeri Sabah. Projek USP dilaksanakan dengan tujuan untuk merapatkan jurang digital dan jurang minda, *mind gap* antara penduduk bandar dengan penduduk luar bandar dan manakala projek CSKC diperkenalkan untuk meningkatkan fungsi projek USP sebagai *telecentre* kepada pusat perkhidmatan dan ilmu-komuniti selaras dengan teras pembangunan ICT di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Peranan SKMM dalam meningkatkan kemudahan ICT di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjelaskan persoalan Yang Berhormat Kota Bharu mengenai peranan Suruhanjaya Telekomunikasi dan Multimedia (SKMM) dalam meningkatkan kemudahan ICT khususnya di luar bandar. Sukacita dinyatakan bahawa pihak SKMM juga telah menubuhkan dana USP yang digunakan untuk membangunkan infrastruktur ICT seluruh Malaysia yang merangkumi 89 daerah yang dikenal pasti sebagai kawasan kurang liputan iaitu kawasan luar bandar.

Pada peringkat pertama pelaksanaan, pihak SKMM hanya menyediakan kemudahan telefon asas yang membabitkan penyediaan 500 talian individual dan 30 telefon awam berbayar. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak SKMM telah dalam peringkat pelaksanaan USP fasa yang berikutnya di mana pemberi perkhidmatan diarahkan menyediakan cadangan pelan yang merangkumi penyediaan kemudahan asas internet jalur lebar. Dalam melaksanakan projek ini, pihak SKMM akan bekerjasama dengan setiap kerajaan negeri dan pejabat daerah untuk mengenal pasti kawasan yang memerlukan kemudahan telefon.....

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tangga Batu.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** .....dan internet untuk memastikan kawasan-kawasan yang memerlukan kemudahan ini dapat perkhidmatan yang sepatutnya.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri telah menyebut antara peranan dan tanggungjawab utama pihak SKMM adalah untuk memastikan pembangunan infrastruktur bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai hubungan komunikasi ini di luar bandar. Saya ingin memohon kepastian daripada Yang Berhormat Menteri supaya kita juga melihat, dapat di kawasan-kawasan di dalam bandar yang tidak mempunyai hubungan dengan mudah.

Umpamanya di Kuala Lumpur sendiri di sebelah bangunan Parlimen di Jalan Mahameru itu pun kita tidak dapat berhubung melalui telefon dan kita menghadapi masalah komunikasi. Jadi di sini, jika telah diberikan tumpuan di luar bandar, jangan lupa pula di dalam bandar di mana kita masih lagi tidak mempunyai rangkaian yang cekap dan berkesan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengar banyak *complain*lah, dia cakap sini, *corner* sana, semua tolong bagi tahulah manalah, tulis kepada saya sehingga saya pun tidak tahu. Bila saya sampai sebagai menteri, banyak orang *complain* sebab saya senang dihubungi. Kalau tidak senang dihubungi, tidak ada *complain* tidak dengar apa saya pun ingat .....

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat Menteri saya percaya juga pihak SKMM ini perlu bertindak secara proaktif, tidak reaktif dengan menerima rungutan dan *complain* daripada orang ramai.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** SKMM menubuhkan satu biro *complain* yang mana semua *complain* boleh beri kepada mereka dan tengoklah berapa mereka boleh jawab. Liputan adalah satu masalah yang besar yang patut dihadapi. Tuan Yang di-Pertua, sampai Bandar Kuching beliau ingat saya tidak ingat dia. Sebenarnya dia punya soalan patut dijawab oleh Menteri Kewangan Kedua, bila diasum up, so sebab itu saya tidak masuk dalam dia punya nama.

Tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua arahkan saya jawab, saya jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kalau soalan ini ada berkaitan....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tidak payahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**.... dengan Kementerian Kewangan, biar Menteri Kewangan jawab, cukuplah.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ya, itulah. So, dengan itu...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Berkenaan dengan Telekom diarah untuk bayar pampasan RM800 milion.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ...dasar telekomunikasi saya punya, prestasi Telekom dia punya, Menteri Kewangan punya. Dasar...duduk, bagi saya jelaslah. Duduk.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Duduk, saya jelas kemudian you boleh tanya. Dasar telekomunikasi saya punya, ketat punya. Kewangan kepada GLC ialah Telekom Malaysia ialah Kementerian Kewangan punya. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tanya berkenaan prestasi kewangan syarikat itu dia punya. You apa bukan, you sudah tanya.....

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Jangan lari. [*Ketawa*] Berkenaan itu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, menteri tidak lari.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Dia duduk. Terima kasih Yang Berhormat menteri, mengenai itu *eight* megahertz....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang boleh lari, kucinglah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Diamlah you. Lapan megahertz spektrum yang telah diarah oleh mahkamah supaya mobikom tidak dapat *contract it with other facility network* fasilitator. Apakah jawapan Yang Berhormat beri? Soalan saya mengenai apakah *effect* yang akan *injunction* mengenai perkembangan *broad band penetration*. Ada jawabankah? Sudah lupa?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Berkenaan masalah lapan megahertz yang berhentikan oleh mahkamah, ini tidak berkait atau ada *impact* negatif kepada induksi kepada keseluruhannya. Ini berkenaan *broadband* saya sudah jawab kepada you punya tauke, apa you mahu dengar lagi? [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Minta dari tauke.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat Menteri banyak lagi.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini sahaja penerangan yang dapat saya berikan untuk sesi kali ini. Mana-mana

soalan yang saya tidak sempat jawab, saya akan memberikan jawapan bertulis kalau diperlukan. Kementerian mengambil maklum segala isu dan cadangan yang telah dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat dan tindakan susulan akan diambil dengan segera, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

#### **4.43 ptg.**

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan yang membina mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau MITI dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan. Izinkan saya memberi penjelasan ke atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor menyentuh tentang kurangnya penekanan yang diberi terhadap peranan pedagang luar Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.33 ribu juta bagi pelbagai program-program di bawah MITI dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan berbanding dengan hanya RM478 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan iaitu peningkatan hampir lima kali ganda.

Ini membuktikan kerajaan memberi penekanan dan keutamaan terhadap pembangunan perdagangan dalam industri negara. Program-program utama yang telah diluluskan untuk MITI dan agensinya ialah;

- (i) dana pelaburan strategik RM600 juta;
- (ii) dana pembangunan automatif RM500 juta;
- (iii) skim geran dan pinjaman mudah bagi *enterprise* kecil dan sederhana RM463 juta;
- (iv) dana automasi RM200 juta;
- (v) tabung promosi eksport perkhidmatan profesional RM150 juta; dan
- (vi) tabung penyusunan semula industri RM100 juta.

Berdasarkan komitmen dan penekanan kerajaan terhadap sektor perindustrian dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan serta perkilangan dijangka terus berkembang dan berdaya saing pada kadar 6.7% setahun. Seiring dengan

perkembangan sektor perindustrian, jumlah perdagangan Malaysia akan turut meningkat dan disasarkan mencecah RM1 trilion seawal tahun 2006 ini dan RM1.5 trilion dalam tahun 2010. Bagi mencapai matlamat ini adalah amat penting, negara terus kekal sebagai pusat pelaburan yang menarik di rantau ini, bukan sahaja kepada pelabur asing, tetapi juga kepada pelabur-pelabur domestik. Berhubung cadangan untuk meningkatkan insentif pelaburan yang lebih menarik yang dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat bagi Puchong dan Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan sememangnya telah pun menyediakan pelbagai kemudahan termasuk apa yang dipanggil *customize* insentif dengan izin, iaitu berdasarkan keperluan pelabur khususnya bagi projek yang berteknologi tinggi, berasaskan modal dan pengetahuan serta memberi kesan, gandaan dan limpahan kepada ekonomi negara. Bagi mencapai objektif ini di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah memperuntukkan dana pelaburan strategik sebanyak RM600 juta untuk dimanfaatkan oleh para pelabur. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2005, Malaysia telah menarik pelaburan berjumlah RM34.2 ribu juta yang mana RM7.9 ribu juta atau 52% adalah pelaburan langsung asing atau dengan izin *foreign direct investment* manakala bakinya sebanyak RM16.3 ribu juta atau 48% adalah pelaburan domestik.

Dalam tahun 2004, jumlah pelaburan adalah RM31.1 ribu juta, daripada jumlah tersebut RM13.1 ribu juta atau 42% adalah pelaburan asing. Pelaburan asing pada tahun 2005, adalah yang tertinggi dicatatkan sejak tahun 2001. Ini mencerminkan tahap keyakinan para pelabur asing yang tinggi terhadap Malaysia. Usaha bagi menggalakkan lagi pelaburan akan terus dipergiatkan dengan tumpuan kepada peningkatan keupayaan sistem penyampaian kerajaan bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan di Malaysia. Menaikkan taraf infrastruktur, meningkatkan produktiviti, dan juga mewujudkan persekitaran pelaburan yang lebih kondusif. Kerajaan akan terus mengkaji semula polisi dan prosedur dan menambah baik insentif-insentif sedia ada bagi memastikan Malaysia kekal sebagai lokasi pelaburan yang terpilih.

Tumpuan turut diberikan kepada industri-industri yang mana Malaysia telah pun mempunyai *competitive advantage* dengan izin ataupun lebihan daya saing dan menawarkan peluang untuk meningkatkan rantai nilai atau dengan izin *value chain* serta berintegrasi ke dalam rantai bekalan global atau dengan izin *global supply chain*. Dialog tahunan MITI merupakan salah satu landasan bagi pihak kerajaan dan swasta berbincang. Dapatkan maklum balas dan cadangan untuk meningkatkan

prestasi sektor perdagangan dan perindustrian negara. Dialog MITI juga adalah proses *consultancy* untuk menambahbaikkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan bagi memastikan persekitaran perniagaan yang lebih kompetitif.

Dialog MITI tahun 2006 yang berlangsung minggu lepas disertai oleh 116 persatuan dan pertubuhan swasta. Sebanyak 65 memorandum telah diterima dan 306 isu telah dibincangkan. Cadangan-cadangan penyelesaian yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri dan susulan kepada itu. Kementerian dan agensi akan mengambil tindakan yang perlu. Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu negara...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, terima kasih saya mahu ulangi mengalu-alukan Yang Berhormat menteri datang untuk menjawab dan saya harap bahawa ini akan menjadi kelaziman, amalan oleh kerana ini mustahak. Sungguhpun mengenai angka-angka dan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat menteri mengenai usaha-usaha yang dibuat untuk menarik pelaburan-pelaburan. Bolehkah Yang Berhormat menteri memberitahu kenapa Malaysia nampaknya dalam satu keadaan kehilangan *competitiveness* apabila berbanding dengan negara jiran walaupun pada keseluruhannya *environment* dalam keadaan begitu sama ada berbanding dengan Thailand, Indonesia atau dengan Vietnam. Thailand FDI tahun ini dan untuk *south-east Asean* nampaknya 65% ditarik ke Indonesia dan lain-lain.

Bukankah di semua aspek *cost of business* dan *transition* k-ekonomi mengenai pendidikan mengenai keselamatan, mengenai *environment* untuk *economic*. Nampaknya tidak boleh diperbaiki untuk mendapat FDI semacam dahulu. Apa pelan yang *far reaching* yang ada supaya kita boleh balik kepada kedudukan yang dahulu.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya kalau mengikut *Industrial Master Plan* Kedua atau Pelan Induk Perindustrian Kedua, kita hanya mensasarkan purata RM25,000 juta sahaja pelaburan keseluruhan dalam perkilangan iaitu asing dan juga tempatan. Seperti kata saya tadi, dalam tahun sudah lebih RM34,000 juta, dalam 2004 lebih RM31,000 juta. Jadi lebih tinggi dari apa yang telah kita sasarkan. Bahkan Tuan Yang di-Pertua, saya telah maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, mungkin Yang Berhormat tidak hadir semasa saya menjelaskan dahulu, bahawa dalam bulan Julai tahun lepas, telah kita menjangkau dan melebihi, membatasi apa yang telah kita sasarkan untuk *Industrial Master Plan* Kedua iaitu RM250,000 juta. Kita sudah *exceed* dah, lebih dah angka itu.

Jadi saya hendak menyangkal apa kata Yang Berhormat itu, iaitu kita tidak sesaing ataupun sama daya *competitive* dengan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa kita harus bandingkan diri kita dengan negara yang sama kedudukan, *environmentnya* dan memberi *competitiveness* yang sama tahapnya. Kita tahu bahawa ada syarikat-syarikat yang melabur di India, di China, bahkan di Thailand, di Vietnam tetapi ini tidak sama dengan jenis syarikat yang melabur di sini. Kita tahu, bahkan hari ini saya berani bercakap ada syarikat-syarikat yang dahulunya begitu ghairah untuk melabur di negara China, di India, terutama di negara China, hari ini telah memohon balik untuk melabur di Malaysia tetapi dengan teknologi lebih tinggi, dengan perancangan yang lebih berbeza daripada apabila mereka pergi ke negara China.

Jadi, maknanya sungguhpun mereka nampak di situ ada peluang, tetapi bila mengambil kira pakej yang kita beri, terutama sekali kestabilan politik di negara ini dan juga ketentuan dasar, maka alhamdulillah, kita terus mendapat pelaburan asing dan juga orang tempatan pun sendiri melabur di negeri sendiri. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, sambil berkata begitu, tidaklah boleh kita hanya seronok dengan RM34,000 juta, RM31,000 juta. Hendaklah kita sentiasa keluar mencari, mengenal pasti pelabur-pelabur tertentu. Kita tidak boleh harap bahawa "Ooh kita kata pada dunia, kita ini semuanya baik, Jalur Lebar baik semua, tidak boleh." Kita kena cari orang ini, jelaskan kepada mereka apa kita tawarkan dan apa mereka hendak yang boleh kita beri.

Dengan cara begitu, maka kita telah berjaya menarik pelabur-pelabur dalam industri-industri yang memang kita kenal pasti sebagai industri yang Malaysia boleh lebih daya saing.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Sebagai sebuah negara perdagangan yang utama, Malaysia perlu pasaran yang lebih luas dan terbuka. Sehubungan dengan ini, Malaysia akan terus memberikan penekanan kepada aspek liberalisasi perdagangan dan pelaburan iaitu melalui penglibatan yang aktif dalam forum perdagangan antarabangsa, khususnya di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), kerjasama ekonomi serantau dan juga kerjasama ekonomi dua hala.

Saya perhatikan dalam sesi ini, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menunjukkan minat dan prihatin mengenai aspek liberalisasi perdagangan dan pelaburan, terutamanya faedah penglibatan Malaysia dalam Perjanjian-perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Sila.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Ini, Yang Berhormat ini, dia sendiri datang, kita mengalu-alukanlah itu.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya tidak faham mengapa mereka suka kacau Yang Berhormat. *[Ketawa]* Mungkin satu sebab Yang Berhormat tidak mahu pandang sini. *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]*.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya pandang. Saya memang pandang sini dan pandang ke Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Fasal dia pandang belakang.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat tadi kata, dengan *liberalization* ini, kita pandang kepada WTO, bukan kepada Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Pandang kepada WTO dan kemudian kalau ada FTA ini, adakah ini menjejaskan *liberalization* ala WTO. Sekarang Yang Berhormat pada 8 hari bulan Mac, saya ada baca kenyataan Yang Berhormat seolah-olah FTA itu satu penyelesaian, penawar untuk semua ini, untuk *liberalization* dan sebagainya terutama di dalam *finance* dan *services*. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kerana kita pun bimbang.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat izinkan saya habis penjelasan, mungkin dapat penjelasanlah. Kalau kacau setengah jalan itu, '*trend of thought*' Yang Berhormat pun terkacau. Jadi saya tidak bercakap, saya tidak pernah sekali-kali mengatakan FTA ini segala penyelesaian. Saya tidak tahu dari mana Yang Berhormat petik itu? Itu daripada mimpi agaknya. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Senyum]*

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini, saya ingin menjelaskan bahawa kajian analisis kos dan faedah FTA sentiasa dilakukan sebelum kementerian membuat cadangan kepada kerajaan untuk mengadakan sesuatu rundingan. Kajian ini mengambil kira input daripada semua kementerian dan jabatan dan sektor swasta termasuklah badan-badan bukan kerajaan dan meliputi aspek-aspek seperti implikasi dan faedah daripada

liberalisasi perdagangan barangan, perkhidmatan, pelaburan serta kerjasama ekonomi dan teknikal.

Hasil kajian ini dibincangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri yang akan memutuskan sama ada rundingan FTA patut dimulakan ataupun sebaliknya. Jemaah Menteri juga sentiasa dimaklumkan....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Nanti, biar saya terangkanlah. Habis *you ask me* okey, tanya mana yang tidak faham.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Okey, *alright*.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Jemaah Menteri juga sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangan hasil rundingan secara berterusan sebelum sesuatu perjanjian yang telah dirundingkan dimuktamadkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Japan Malaysian Economic Partnership Agreement* (JMEPA) dengan izin, yang ditandatangani pada 13 Disember 2005, merupakan FTA yang dua hala yang pertama bagi Malaysia. Sepanjang tempoh proses rundingan, MITI telah mengadakan konsultasi secara berterusan dengan kementerian-kementerian dan agensi berkaitan serta persatuan-persatuan perniagaan dan industri, badan-badan profesional, dewan-dewan perniagaan dan syarikat-syarikat individu serta lain-lain pertubuhan bukan kerajaan.

Proses ini dilaksanakan untuk semua rundingan FTA. Mengenai dakwaan bahawa JMEPA iaitu FTA dengan Jepun hanya memihak kepada negara jepun, saya ingin memaklumkan bahawa faedah-faedah yang dijangka diperolehi oleh Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) ia akan meningkatkan bahagian pasaran atau dengan izin *market share* bagi barangan perkilangan dan pertanian melalui layanan istimewa tarif oleh Jepun atau dengan izin, *front-page show tariff treatment*;
- (ii) ia akan meningkatkan kedudukan negara sebagai destinasi pelaburan asing daripada Jepun berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini yang tidak ada FTA dengan Jepun;
- (iii) ia menggalakkan pertumbuhan sektor-sektor baru seperti industri *high-tech* termasuklah bio-teknologi, perkhidmatan yang berkaitan dengan perkilangan, teknologi maklumat dan komunikasi serta multimedia dan

- (iv) kerjasama teknikal dengan izin, *technical collaboration* bagi memenuhi peraturan dan piawaian yang terdapat di negara Jepun.

Elemen-elemen utama Perjanjian Kerjasama Ekonomi Jepun Malaysia melibatkan perkara-perkara berikut:

- (1) Jepun akan meliberalisasi pasaran bagi barangan pertanian dan industri daripada Malaysia dalam tempoh 5 hingga 15 tahun.
- (2) Fasilitasi perdagangan dan pelaburan dengan memperbaiki suasana perniagaan, melicinkan prosedur kastam dan bantuan untuk memenuhi peraturan dan piawaian teknikal yang terdapat di Jepun.
- (3) Juga meliberalisasi sektor perkhidmatan secara berperingkat, membina keupayaan dan penukaran maklumat serta hak harta intelek.
- (4) Juga kerjasama ekonomi dan bantuan teknikal dalam beberapa bidang iaitu yang akan diberikan oleh Jepun iaitu:
  - (i) kerjasama ekonomi dan bantuan teknikal dalam pertanian, perhutanan, perikanan dan komoditi;
  - (ii) dalam bidang pendidikan dan pembangunan sumber manusia;
  - (iii) dalam bidang teknologi maklumat, sains dan teknologi bagi *enterprise* kecil dan sederhana; dan
  - (iv) dalam bidang pelancongan dan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan mendapat faedah dari perjanjian ini melalui perkara yang berikut:

- (1) Melalui peningkatan perdagangan dan pembukaan pasaran hasil daripada penurunan serta penghapusan tarif oleh Jepun bagi barangan industri kita seperti tekstil dan pakaian, barangan kayu-kayan, kimia, barangan keluaran pertanian seperti pisang, koko, buah-buahan serta hasil perikanan.
- (2) Juga peningkatan pelaburan dengan adanya jaminan bahawa suasana pelaburan akan terus dapat dijangka atau dengan izin *predictable*.

- (3) Peningkatan pelaburan dan daya saing sektor perkhidmatan hasil dari liberalisasi sektor tersebut secara berperingkat.

Bagi Malaysia antara sektor yang relevan di Jepun ialah perkhidmatan pelancongan, perkhidmatan kesihatan dan perniagaan profesional pendidikan yang dibuka oleh Jepun untuk kita. Juga akan terdapat usaha sama antara Jepun dengan Malaysia untuk meningkatkan daya saing industri automotif. Dan juga industri alat ganti dan komponen automotif.

Ini ialah melalui latihan dan bantuan teknikal terutama kepada perusahaan kecil dan sederhana serta promosi pasaran yang dibuat oleh Jepun. Begitu juga pengurangan kos serta peningkatan peluang pasaran untuk barangan yang tertakluk kepada peraturan teknikal dan standard Jepun, ini dibuat melalui bantuan teknikal dari Jepun untuk memenuhi peraturan dan piawaian teknikal itu. Juga penggalakan perdagangan melalui pertukaran maklumat serta penyeragaman prosedur kastam antara Malaysia dengan Jepun dan dalam perjanjian itu juga ada program untuk meningkatkan bina upaya atau dengan izin *capacity building* serta pembangunan modal insan melalui projek-projek kerjasama.

Tuan Yang di-Pertua, melalui rundingan FTA dengan Amerika Syarikat yang hanya akan bermula pada bulan Jun tahun ini, saya ingin menjelaskan bahawa Malaysia tidak terikat untuk memuktamadkan rundingan ini mengikut tempoh trip promotion authority yang akan tamat pada 1 Julai 2007 yang telah ditetapkan oleh Kongres Amerika Syarikat. Kita tidak terikat dengan dia punya TPA. Kerajaan tidak akan memuktamadkan rundingan sehinggalah semua kepentingan dan keperluan negara diambil kira dalam rundingan FTA dengan Amerika Syarikat. Adalah dijangka, apabila negotiations atau perundingan mula bulan Jun ini, perjanjian perdagangan bebas akan merangkumi dan akan kita bincang;

- (1) Liberalisasi pasaran barangan industri, pertanian dan sektor perkhidmatan.
- (2) Kerjasama dalam bidang hak harta intelek, kastam dan alam sekitar, pelaburan, perdagangan elektronik, pematuhan standard utama yang ditetapkan di bawah konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa atau ILO dan juga perolehan kerajaan.

Bagi elemen-elemen yang dirangkumi di bawah perjanjian ini, Malaysia akan memastikan kepentingan negara adalah dipelihara. Dengan mengadakan peruntukan-peruntukan yang memberi fleksibiliti untuk mengamalkan dasar dan langkah-langkah

bagi mencapai objektif pembangunan kita dan objektif sosioekonomi negara. Faedah yang akan diperolehi termasuk peningkatan eksport bagi tekstil dan pakaian Malaysia, barangan getah dari Malaysia, kayu-kayan, seramik, elektronik dan pertanian. Kadar duti semasa di Amerika Syarikat bagi produk-produk yang saya sebutkan tadi adalah di antara 5 hingga 32 peratus. Jadi kalau ada yang termaktub di FTA bererti kita akan dapat layanan istimewa tanpa duti untuk produk-produk kepentingan itu tadi. Perjanjian ini juga membolehkan syarikat-syarikat Malaysia menyertai dalam bidang-bidang perolehan kerajaan di Amerika Syarikat. Bantuan teknikal juga dapat dipergiatkan untuk membolehkan pengeksport kita memenuhi peraturan dan piawaian teknikal dari segi *sanitary and phytosanitary*. Perjanjian ini juga akan meningkatkan aliran pelaburan dari Amerika Syarikat khususnya di industri-industri yang digalakkan seperti bioteknologi dan kita tahu .....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** *Let me finish this one*, dan kita tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan bertolak ke Amerika Syarikat atau ke Texas sedikit masa lagi untuk khusus menarik pelaburan dalam bidang bioteknologi. *Just a little bit more* selepas itu saya akan beri ya. Bahawa aktiviti kerjasama perjanjian ini akan dapat membantu meningkatkan bina upaya dalam bidang perlindungan hak harta intelek, prosedur kastam dan perdagangan elektronik, sila Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Penjelasan. Tadi Yang Berhormat ada sebutkan keuntungan untuk negara dengan FTA, US, dan bolehkah Yang Berhormat terangkan dalam FTA ini, adakah ini masukkan *broader forum policy aims*, kerana Rod Portman dia kata, dia hendak adakan rundingan ini kerana Malaysia *is a moderate Muslim ally*. Ini bermakna dia ada *broad foreign policy aims with little substantive trade liberalisation content*.

Yang kedua, dengan tariff yang dikurangkan atau dihapuskan sama sekali, ini memerlukan satu peraturan yang kompleks, yang rumit terutamanya dengan *non tariff barriers*. Macam mana, adakah Kerajaan Malaysia mempunyai kemampuan untuk *monitoring* dan *enforcing provisions* di dalam FTA dan juga ini memang penting. Menurut WTO, FTA ini *unilateral, bilateral* dan bukan *multilateral*, tetapi WTO menekankan *bilateral*. Pada satu ketika, Kerajaan Malaysia membidas Singapura kerana dia ada *bilateral* FTA, bukan *multilateral*. Sekarang apakah pendapat mengenai

WTO ini pada 22hb Mac tahun ini, ada satu laporan yang mengkritik US mengenai FTA ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua;

*“The report claims that US Free Trade Agreement create political interest in other countries which complicate the multilateral process.”* Sri Gading mesti tahu, *“multilateral process”* dan saya tekankan sekali lagi, *“US Free Trade Agreement create political interest in other countries which complicate the multilateral process”*.

**Dato’ Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, setiap FTA yang kita rundingkan dengan mana-mana rakan mestilah ada strateginya, iaitu kalau kita buat FTA adakah kita dapat untung dari segi bila mereka buka pasaran, adakah produk kita, perkhidmatan kita boleh masuk ke pasaran tersebut bersaing dengan negara-negara yang tidak ada FTA dan untuk *reciprocitynya*, mereka juga mungkin menuntut pembukaan pasaran daripada kita.

Saya tegaskan di sini apabila kita rundingkan apa yang kita boleh beri dengan apa yang mereka boleh tuntutan dan kita rundingkan pula apa yang kita hendak dan apa yang mereka boleh beri, maka di situlah *negotiations* dan rundingan itu benar-benar berlaku. Akhirnya kalau kita lihat apa yang dituntut oleh rakan dagang kita itu tidak munasabah, ia menjejaskan hak mutlak kerajaan untuk menentukan dasar ataupun tuntutan mereka itu mencero bohi hak kita ke atas negara kita sendiri ataupun cuba *‘impeach’* dengan izin, menghakis dan mencero bohi kuasa kerajaan hendak menentukan dasar sosioekonomi negara, dasar industri kecil dan sederhana, dasar bumiputera dan lain-lain dasar yang kita tahu perlu untuk kita. Kalau apa yang dituntut oleh mana-mana rakan dagangan sama ada Jepun, sama ada Amerika, sama ada India, mana juga yang kita hendak berunding itu. Maka kalau ini tidak rugi, maka rundingan akan berhenti dan kita akan *recommend* kepada kerajaan, tidak payahlah ada FTA tetapi sebelum kita tahu sama ada tuntutan mereka itu munasabah ataupun mempunyai implikasi politik dan sebagainya kita belum tahu kalau tidak mula runding. Jadi dengan Jepun kita sudah selesai dengan Amerika, Kabinet mengarahkan rundinglah dan insya-Allah kita mula dengan bulan Jun, tetapi kalau nampaknya macam-macam sangat kerenah tidak perlu kita sambung.

Yang pentingnya Tuan Yang di-Pertua, ialah kita sebagai negara yang merundingi perkara-perkara untuk kepentingan kita, kakitangan kita hendaklah bijak dalam menangani semua permintaan rakan dagang, saya tidak tahulah apa maksud laporan UN tadi atau WTO mengenai tuntutan Amerika terhadap negara-negara lain di mana mereka ada *bilateral*, tetapi bagi Malaysia saya jamin kita tidak peduli sama ada

rakan dagangan itu besar atau kecil, tetapi selagi apa yang dituntut itu tidak boleh kita temui, tidak boleh kita beri, maka tidak akan ada muktamadnya rundingan, ini jaminan kerana kita bukan buat ini kerana saja hendak buat perjanjian, tetapi kita mesti pasti kita dapat keuntungan daripadanya.

Mengenai sama ada dia konsisten dengan WTO, ini satu panduan asas setiap perundingan *bilateral* sama ada antara sebuah negara dengan sebuah negara atau sebuah *region* atau wilayah seperti ASEAN dengan negara lain, atau wilayah lain mesti WTO *consistent* dengan izin, mesti selaras dengan semua peruntukan WTO. Ini menjadi premis kalau tidak, tidak boleh berunding. Jadi saya berharap kalau ada input-input dari mana-mana pihak yang boleh memastikan perundingan kita ini benar-benar memberi faedah kepada kita, maka saya berharap semua pihak akan cuba memberi input.

Dan apa yang dikatakan oleh, saya berada di kongres semasa Rod Portman membuat *statement* yang menyatakan bahawa kita adalah negara *moderate* yang moderate dengan Islam, yang *moderate* dengan sederhana. Sebenarnya, dia punya *statement* bukan sahaja setakat itu. Dia kata, memang banyak faedah ekonomi yang terdapat daripada FDA. Apatah lagi kalau dengan sebuah negara seperti Malaysia yang mereka anggap sebagai ada persahabatan rapat dan kita mencerminkan sebuah negara Islam sebagai sebuah modul negara Islam yang sederhana, yang pragmatis. Dan bagi saya, tidak ada kaitan dengan *borrow the foreign policy eight*. Sekarang ini, kita tak mahu libat-libat diri dengan *foreign policy*. Kita cuma libat diri dengan merundingkan proses membuka pasaran dengan *guide line*, *guide line* iaitu panduan-panduan yang telah saya sebutkan awal tadi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi. Yang pertamanya, adakah benar, kita pun ada itu *bilateral trade, and investment framework agreement* sejak Mei 2004 lagi. Ini bermakna kita buat persiapan dua hala lagi, lebih tahun untuk FDA ini, yang pertama.

Yang kedua, ini mengenai Ahli-ahli Parlimen. Walaupun Jerai, Arau, tidak begitu berminat, kita berminat di sini dan saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat kerana sudi untuk datang menerangkan mengenai FDA ini. Ini memang satu perbuatan yang baik. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat memberi peluang lagi kepada Ahli-ahli Parlimen. Penglibatan Ahli-ahli Parlimen di dalam isu FDA ini, yang pertamanya.

Yang ketiganya, kalau kita ada lebih ramai Ahli-ahli Parlimen yang terlibat, mungkin kesalahan seperti perjanjian air di antara Singapura dan Malaysia ini tidak akan berlaku.

Yang keempatnya, kalau kita ada perbincangan yang lebih hangat lagi, misalnya melalui *Select Committee* dan sebagainya, mungkin ini lebih ramai, bukan sahaja Ahli Parlimen bahkan juga khalayak ramai akan lebih mengetahui masalah ini dan juga apa keuntungan, kerugian dan sebagainya. Ini memang penting. Memang penting.

Yang Berhormat kerja kuat dan ini mungkin satu saluran bagi kita semua tahu begitu rajin Yang Berhormat Menteri untuk memelihara kepentingan negara di dalam perdagangan antara bangsa ini.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Memanglah saya menghargai mana-mana sumbangan mana-mana pihak. Saya rasa elok juga kalau difikirkan dalam proses perundingan, terutamanya sebelum Jun datang. Kalau ada lain-lain Yang Berhormat yang berminat, boleh kita terima masuk dalam apa-apa jawatankuasa yang akan kita tubuhkan untuk berbincang premis-premis FDA ini. Saya bersedia kerana ini kepentingan bersama negara. Jadi, saya akan bincang penyertaan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat untuk dalam ini. Tidaklah semua pula kan, tetapi kerana ini kita libatkan sekali organisasi perdagangan, perniagaan, lain-lain agensi. Tetapi, Insya-Allah lah, kita akan susuli dengan ini. Jadi, saya berharap dengan itu, dapat kita panduan-panduan. Mungkin pendapat-pendapat baru, cara menangani *negotiation* ataupun perundingan itu tadi. Tuan Yang di-Pertua, ya?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Mengikut dengan apa Yang Berhormat daripada Kepong bangkit, di mana Yang Berhormat ada jawab. Sebelum itu, saya mahu ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri oleh sebab ini kali yang kedua kita ada berbincang mengenai FDA, satu perkara yang begitu penting. Kali yang pertama ialah hari Khamis, dalam hari pertama penggulungan Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Berhormat Menteri Kewangan kedua. Sekarang kita, adalah lebih indeks satu perbincangan.

Yang pertama, sungguhpun yang kedua, saya mahu penegasan di sini ialah kitapun mahu memelihara kepentingan negara. Rakyat, masa hadapan dan kita, itu tujuan yang sama. Kalau itulah pun tujuan kerajaan, jangan kita *adopt each others motive*. Yang Berhormat berkata bahawa kalau Ahli-ahli Parlimen yang berminat, bolehlah diserapkan dalam beberapa jawatankuasa. Tetapi itu adalah hal yang lain. Adakah Yang Berhormat Menteri rela untuk menyokong penubuhan satu *Parliamentary*

*Select Committee* mengenai FDA oleh sebab selain daripada satu *stand point* kerajaan, kita perlupun membenarkan Parlimen atau Parlimen mengadakan *stand point*. Mungkin ada sedikit perbezaan dan selepas itu kedua-dua pandangan itu boleh diselaraskan. Satu *Parliamentary Select Committee* yang mana Ahli-ahli Parlimen boleh bergerak sendiri dan mungkin dengan kerjasama NGO-NGO dan boleh memberi pandangan kepada pihak kerajaan dalam *negotiation* dengan US dalam FDA mengenai US FDA.

Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua sudah buat janji hari Khamis akan kemukakan cadangan ini kepada Kabinet. Adakah Yang Berhormat Menteri rela untuk memberi sokongan supaya satu *Parliamentary Select Committee* mengenai FDA boleh diadakan yang pertama.

Yang kedua, mengenai US FDA. Kita tahu bahawa yang biasanya, oleh sebab banyak FDA, dengan US sudah diperbincangkan dengan US sudah dimulakan dengan negara yang lain. Dan kita ada contoh-contoh itu bahawa yang lazimnya, yang lazimnya bahawa sebelum perundingan FDA dengan US dimulakan, perlulah ada syarat. Sebagai contohnya, Korea Selatan.

Sebelum memulakan perbincangan FDA, mereka ada mengumumkan pada 7 Januari 2006, untuk membatalkan pengharaman import USB. Dan ada dikurangkan separuhnya peraturan-peraturan di Korea Selatan yang mewajibkan *cinema-cinema* Korea menayangkan filem-filem Korea. Supaya filem-filem US boleh masuk. Ini antara syarat-syarat. Apa syarat-syarat kita sudah bayar? Bukankah benar bahawa sehari sebelum Yang Berhormat Menteri ada di kongres untuk melancarkan perbincangan FDA, Malaysia dan US pada 8 Mac, ada satu pengumuman bahawa Malaysia sudah membatalkan pengharaman import USB. Bahawa membenarkan USB masuk Malaysia. Adakah ini suatu Syarat untuk memulakan perbincangan US Malaysia FDA.

Yang ketiga, kita pun ada baca transkrip pelancaran FDA US Malaysia di kongres yang dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri di Washington, 8 Mac. Kita ada baca itu transkrip dan transkrip itu pun ada di internet di mana Yang Berhormat Menteri kata bahawa kerajaan sudah buat arithmetik. *We have done our arithmetics* mengenai *cost benefit*. Bahawa baik buruk, FDA US dan Malaysia. Kenapa, apa arithmetik itu ada dibuat? Kenapa arithmetik tidak diumumkan kepada Parlimen supaya kita tahu apa itu arithmetik? Sama ada kita persetujui atau mungkin kita ada pandangan bahawa segi baik ada pandangan kita sendiri, atau dari segi buruk pun ada pandangan sendiri. Kenapa tidak ada satu pandangan yang terbuka oleh sebab ini patutlah satu proses yang *transparent* yang melibatkan *parliamentarian* dan *civil society* dan keempat, iaitu

sementara sahaja, yang *first list*. Kenapa, tadi Yang Berhormat kali yang pertama ada menjelaskan mengenai baik buruk, *cost benefit* Japan, Malaysia, *Economic Partnership Agreement*, JMEPA. Kenapa satu laporan yang penuh tidak diumumkan?

Nampaknya ini satu analisa yang kasar yang ada disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua. Nampaknya satu analisa yang kasar, saya percaya apabila Kabinet buat satu keputusan untuk meluluskan Japan-Malaysia Economic Partnership Agreement, satu laporan *cost benefit analysis* yang penuh ada dibuat. Kenapa laporan itu tidak dibentang dalam Parlimen? Dan bukankah benar bahawa dalam Japan-Malaysia Economic Partnership Agreement ada beberapa aspek khasnya mengenai *intellectual property* yang tidak *in the interest of* Malaysia di mana *Patterns Act* yang kita ada dan juga *Protection of New Plant Varieties Act 2004*, *Patents Act 1983* perlu dipinda oleh kerana dalam menentang dengan JMEPA.

Sungguhpun sebagai contohnya bahawa *Protection of New Plant Varieties Act* yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada 2004 ada dianggap oleh negara-negara membangun sebagai satu model *legislation* untuk membela hak-hak IP, *intellectual property* negara-negara membangun tetapi apabila kita menandatangani JMEPA nampaknya sudah melanggar itu dan kita sudah bersetuju dengan UTO plus, TREAT plus, peruntukan-peruntukan daripada FTO plus dan TREAT plus yang tentulah tidak untuk kepentingan negara kita. Saya rasa untuk sementara empat *point* itu, saya ada lagi *point* yang kemudian saya mahu bangkit oleh kerana perkara ini sangat mustahak.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Tidak payahlah buat satu *Parliament Select Committee*. Saya sudah kata tadi kita ada jawatankuasa yang melibatkan pelbagai pihak dan saya yakin kita boleh libatkan Ahli Parlimen bersama.

Kedua, mengenai Korea dengan syaratnya diberi oleh US, saya tidak tahulah bagaimana Korea merundingi. Bagi Malaysia, tidak ada syarat, tidak ada prasyarat untuk kita mula berunding. Saya hendak beritahulah, *never any precondition*, dengan izin. Kebetulannya apabila Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, menterinya pun ada di sini, membuat perhitungan sama ada boleh dibuka semula import daging daripada Amerika kerana dahulu dilarang masuknya daging ini kerana ada masalah *foot and mouth disease and mad cow disease*, dengan izin, ini tidak ada kaitan dengan kita punya perundingan. Bahkan saya sendiri tidak tahu benda itu diumumkan telah boleh masuk. Saya hanya *caught by surprise*, dengan izin, bila *this America* saya dapat tahu.

Tidak tahu, tidak ada kaitan, jadi Yang Berhormat jangan salah sangkalah, kita bukan Korea. Tidak ada prasyarat.

Saya rasa yang pantang bagi kita ialah hendak buat sesuatu, orang letak prasyarat. Kita ada *dignity*, kita ada *reverent rights*, tidak payah letak syarat. Saya sudah kata tadi kalau ada perkara-perkara yang menjejaskan kita, kita runding, kita batalkan dan kita kata tidak payahlah.

Mengenai *arithmetic*, Yang Berhormat tentulah faham *semantic* ini bukan maksudnya *arithmetic* itu dua campur dua jadi empat. *Arithmetic* itu maknanya dari segi kita, bila kita menganalisa, kita tahu kalau kita dapat buka pasaran mereka dalam bidang ini, apa untungnya. Bagi kita, kosnya kalau kita terpaksa turunkan tarif maka duti dapat kita hapuskan. Jadi bukanlah *arithmetic* itu berapa juta, tidak. Itu banyak keuntungan dan kerugian tetapi bila kita analisa, lebih banyak dia punya faedah daripada kos. Semuanya ada kos tetapi kalau faedah lebih besar daripada kos dan syarat tuntutan-tuntutan itu tidak memudaratkan kita, eloklah kita adakan dan janganlah pula buruk sangka.

Kabinet ini bukanlah terdiri daripada orang-orang yang begitu sepintas lalu sahaja membaca kertas. Jangan kata begitu, Yang Berhormat. Ahli-ahli Kabinet membaca, menyoal saya ini, kawan-kawan saya yang ada menyoal apa maknanya ini, apa maknanya itu. Kita belum berunding lagi. Kita hanya beri satu panduan kepada Kabinet. Kalau kita hendak runding, inilah bidangnya dan kalau kita runding, inilah untungnya kepada kita. Dan kalau mereka tuntutan ini yang agaknya yang mereka akan tuntutan. Kalau kita beri, inilah yang akan kos kepada kita, cara begitu. Maka bila Kabinet kata, "Okey, kalau macam itu mulalah runding dengan asas kalau mereka tuntutan yang bukan-bukan, tidak adalah jadi." Berunding dahulu. Jadi Yang Berhormat tunggulah. Dan jangan kata menteri tidak...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Ya, nanti sekejap saya hendak terangkan ini. Ini mengenai *Patents Act, Protection of Plant Varieties Act*, tidak ada kaitannya dengan JMEPA dengan Jepun itu, tidak ada. Ini adalah dibuat oleh pihak kementerian atas asas yang lain kerana saya rasa tidak ada terpaksa kita hendak pinda itu, pinda ini. Ini satu perkara yang harus kita teliti daripada awal. Oleh kerana hendak ada FTA kita hendak pinda undang-undang kita, tidak payahlah. Tidak payah buat FTA. Tetapi kalau

dipinda akta itu, kebetulannya kerana ada matlamat-matlamat yang lebih meluas dan kebetulannya pula bila ada FTA dengan sesiapa atau negara-negara tertentu, maka ini akan lebih baik, baik pada kita, maka tentu kementerian yang berkenaan akan buat.

Tetapi saya hendak terangkan sekali lagi, janganlah kita anggap bahawa apa yang negara lain buat, kita pun hendak buat, tidak ada. Kita lain kita punya asas, lain kita punya kriteria dan lain kita punya matlamat. Percayalah, kerajaan tidak akan hendak beri apa yang tidak patut kepada negara-negara rakan dagang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ya, sekali ya, Rantau Panjang. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Oleh kerana apa yang Yang Berhormat Menteri baru jawab, nanti sekejap.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Yang Berhormat Menteri kata bahawa langsung tidak ada apa-apa bersangkutan paut dengan *Patents Act, Protection of New Plant Varieties Act* yang menunjukkan bahawa Yang Berhormat Menteri sungguhpun menandatangani JMEPA tidak tahu apa dia tandatangani. Itulah masalah bahawa inilah satu bidang yang begitu kompleks, yang begitu rumit sehingga Yang Berhormat Menteri sendiri pun tidak faham.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tengok sebagai satu contohnya bahawa ini adalah sebahagian daripada JMEPA bahawa Artikel 123 JMEPA yang berbunyi, *New Plant Varieties*:

- “1. *The Countries recognise the importance of protecting new plant varieties in a manner consistent with internationally harmonised system. For this purpose, each Country shall ensure that rights relating to the new plant varieties are adequately protected.*
2. *Each Country shall, having due regard to the concerns of the other Country, endeavor to protect as many plant genera or species as possible in a manner stated in paragraph 1 of this Article within the shortest period of time.”*

Ini ada dikaji dan ini bererti bahawa JMEPA sudah ditandatangani dan mengikat negara kita. Oleh kerana itu *Protection of New Plant Varieties Act 2004* ada bercanggah. Kenapa boleh Yang Berhormat Menteri kata bahawa *no connection what*

so ever. Ini bererti bahawa Yang Berhormat Menteri tidak faham apa beliau sudah tandatangani. Bukankah ini sesuatu yang rumit? *I don't blame the minister* tetapi oleh kerana terlibat bukan sahaja perdagangan, bukan sahaja pelaburan tetapi *the whole wide sector* – IT, *biotechnology*, *biopiracy* dan lain-lain. Sebab itu kenapa kita perlu pakar-pakar termasuk penglibatan *stakeholders* semua bidang dalam perbincangan termasuk Parliamentary Select Committee.

Saya *shock* bila Yang Berhormat kata bahawa tidak ada kaitan, *nothing to do with the Patents Act* dan *Protection of New Plant Varieties Act* bahawa *it has everything to do with it*.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Yang Berhormat cuba baca ayat yang pertama iaitu berdasarkan kepada keperluan-keperluan antarabangsa, *each country will endeavor*. Jadi maknanya bukan kita hendak menurut kehendak Jepun. Jepun dan Malaysia, kita buatlah apa yang baik, kerjasama, koperasi antara kita untuk mematuhi peraturan antarabangsa, untuk menjaga hak kita masing-masing dalam segi biodiversiti, dalam segi genetik dan sebagainya. Ini adalah dalam aspek kerjasama teknikal yang saya sebutkan tadi yang mana Kerajaan Jepun dan Malaysia bekerjasama untuk membantu satu sama lain mempertahankan hak-hak kita ke atas pelan varieti dan sebagainya berdasarkan keperluan antarabangsa yang sedia ada dan peruntukan antarabangsa yang sedia ada. Dan kalau dalam kerjasama itu Jepun kena pinda, kita kena pinda, eloklah kita pinda kerana itu akan membawa kita kepada tahap selaras dengan apa yang ada di peringkat antarabangsa.

Ini sebagai tawaran Jepun kepada kita, *technical collaboration* bukan suruh pinda akta, tidak. *Each shall endeavor* maknanya Jepun buat, kita buat bersama-sama kerana soal .....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [Bangun]

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya habiskan. JPMPA ini sebenarnya lebih besar daripada FDA. Sebab itu dia panggil *Japan Malaysia Economic Partnership Agreement* kerana satu elemen FDA, yang lain itu ialah kerjasama teknikal yang dimanfaatkan oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan Malaysia. Itu adalah dalam industri pertanian, ataupun dalam kementerian yang menjaga soal bioteknologi, kemudian ada dalam bidang automotif, ada dalam bidang *intellectual properties* di bawah *Domestic Trade*.

Bila kita runding dengan Jepun tempoh hari, setiap kementerian, setiap agensi yang berminat untuk mendapat kerjasama teknikal daripada Jepun telah menyenaraikan

senarai yang begitu banyak *request* ataupun permohonan daripada kita hendakkan Jepun bantu kita a, b, c dan d. Setelah dirundingi maka Jepun bersetuju supaya dalam berbagai-bagai bidang yang kita rasa boleh diprioritaskan maka Jepun bersetuju memberi *collaboration technical* dan satu daripadanya ialah dalam soal ini.

Bukan dia paksa kita, tidak, baca *each shall endeavor* bukan dia suruh Malaysia *endeavor* maknanya kerjasama kita itu ialah membantu sama lain supaya apa juga perundangan mengenai pelan *variety* dan sebagainya selaras dengan tuntutan antarabangsa.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Belum habis, saya rasa ....

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Yang akhir ya?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mengenai perkara ini *protection of new variety act* Yang Berhormat Menteri berkata bahawa tidak langsung kena mengenai mengenai *protection of new variety act, plan variety act* tetapi tadi Yang Berhormat sudah menjelaskan visi mengenai makna itu. Saya tidak bersetuju, oleh kerana ini tidak begitu *simple* tetapi sekurang-kurangnya dia mengakui sekarang bahawa JMEPA ada bersangkutan paut dengan banyak bidang termasuk *protection of new variety act*.

Bukankah benar bahawa di bawah WTO di bawah *Trips Related Intellectual Property Convention* bahawa adalah *international minimum condition* tetapi oleh kerana negara-negara membangun semacam Jepun dan US mahu syarat-syarat yang lebih. Sebab itu adalah apa yang disebut sebagai WTO *plus* dan *trips plus condition type*. Ini semua didapati dalam FDA atau dalam JMEPA dan dengan keterangan yang tidak memuaskannya hati Yang Berhormat Menteri menunjukkan bahawa Kabinet tidak faham implikasi *far reaching implication* ini bukankah lebih mustahak bahawa kita perlulah mengadakan *parliamentary select committee* supaya boleh membantu kerajaan, membantu Yang Berhormat Menteri untuk membela kepentingan negara.

Kedua, apabila Yang Berhormat Menteri kata mengenai FDA, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Australia pada bulan April tahun lalu dan mengumumkan bahawa perundingan FDA di antara Malaysia dengan Australia akan dimulakan. Pihak Australia – Menteri Penerangan Australia boleh mengumumkan sertamerta bahawa Australia boleh dapat keuntungan AD1.9 bilion daripada satu FDA. Kenapa kita tidak boleh ada satu laporan mengenai apa *cost benefit*.

Apabila kita sebut mengenai automatik tentulah erti *2 plus 2 equals 4*. Kita tahu *arithmetic* ialah mengenai *cost benefit analysis* dan kedua-dua pihak Malaysia dan Australia sudah ada lima atau enam *negotiation* dan setiap kali satu *negotiation*

diadakan di antara Australia dengan Malaysia dalam FDA ada suatu laporan dibuat oleh pihak Australia kepada rakyat Australia dan semua ini boleh dapat di *internet* mengenai Australia dan Malaysia *free trade agreement*, mengenai *update negotiation* kali yang pertama Mei, 2005, kali yang kedua Ogos 2005, Februari 2006, Mac 2006 kenapa tidak kalau kita mahu satu dasar *transparency*, kita tidak pun *equally transparent* supaya supaya setiap kali adalah *negotiation* bahawa satu laporan oleh kerana ini bukan perkara untuk Yang Berhormat Menteri sahaja atau untuk kabinet sahaja melibatkan kepentingan semua sektor yang terlibat dalam perdagangan, *investment*, *financial services*, *medicine* dan lain-lain lagi.

Mengenai *medicine* adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada kekhuatiran antara US Malaysia FDA yang pihak US yang mahu masuk dalam FDA ialah mengenai *medical provision* supaya melarang *generic competition* yang akan menyebabkan harga perubatan akan naik. Sudah tentu Yang Berhormat tahu bahawa adalah *partition* daripada sekumpulan rakyat yang sangat kluatir bahawa ini akan *right and depth* untuk mereka khususnya penyakit AIDS oleh kerana perubatan akan sangat tinggi sehingga mereka tidak berupaya untuk dapat ubat itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat, jangan beri ucapan. Minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukankah ini semua aspek sangat penting dan perlu satu ruang di mana semua sektor yang berminat boleh ambil bahagian *be involve*, terlibat.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Terima kasih kalau Yang Berhormat ingat, Yang Berhormat kata kita pinda *patent act*, kita pinda *plan variety act* kerana Jepun menuntut kita buat. Tidak, kita tidak buat kerana Jepun menuntut. Ini dalam konteks kerjasama teknikal dalam bidang itu dan dalam usaha Jepun dan Malaysia meningkatkan kita punya keupayaan menjaga hak kita ke atas pelan *variety* dan sebagainya dan selaras dengan apa yang di peringkat antarabangsa maka kalau dalam kerjasama itu, Jepun pinda, kita pinda maka kita pindalah tetapi bukan sebagai syarat mesti pinda. Itu bezanya lain dia punya *nuances* dengan izin lain.

Mengenai FDA Australia, itu cara mereka. Kita tidak ada apa yang hendak disorokkan MPA saya akan tanyalah kabinet, kalau kita boleh cetak tidak ada masalah kerana benda ini sudah *sign* pun. Tetapi dari segi tuntutan Amerika, janganlah Yang Berhormat pula cuba memasukkan unsur-unsur yang kita belum tahu. Belum *start negotiation*, bulan Jun ini baru hendak *start*. Saya pun tidak tahu apa Amerika hendak.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Nanti Yang Berhormat, saya jawab. Besok, saya sudah kata tadi, kalau apa yang dimintanya tidak munasabah, tidak payahlah teruskan. Apa yang kita hendak panjang-panjangkan cerita. Saya sudah beri jaminan tadi. Kita akan berwaspada, kita tahu apa yang kita hendak. Tuntutan yang lebih daripada apa yang kita beri, tidak payahlah. Saya akan merekomen kepada kabinet supaya tidak payah... dimuktamadkan rundingan. Setakat itu sahaja.

Saya telah terangkan kepada pihak Amerika, jadi tunggulah bulan Jun ini dan kalau ada input-input kita dalam Jawatankuasa, insya-Allah kita beri. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua saya habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Saya habiskanlah kerana itu juga yang hendak dibangkitkan. Satu sudahlah sebab masa sudah banyak terbuang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih, saya tidak hendak panjang. Saya nampak begitu yakin Yang Berhormat Menteri MITI ini yakin sangat dengan cadangan ataupun pakar perundingan dengan Amerika Syarikat mengenai FDA ini.

Cuma saya hendak bagi ingatan sedikit kalau-kalau hendak dengar. Tidak mahu hendak dengar pun tidak mengapalah. Saya minta supaya ada *reserve* sedikit. Jangan terlalu yakin terhadap perjanjian dengan Amerika Syarikat ini sebab ada sudah negara yang sudah kena. Mexico sebagai contoh, sebanyak 1.7 juta rakyat dia menderita hasil daripada perjanjian NAFTA dahulu. Saya hendak bagi ingatanlah ini. Kalau-kalau berlaku demikian, apa yang telah saya cakapkan hari ini, saya minta dicatatkan oleh Parlimen supaya anak cucu saya esok mendengar apa yang saya sebutkan. Saya bagi amaran, saya bagi ingatan kepada Yang Berhormat Menteri supaya jangan berlaku seperti mana Mexico yang telah kena dengan Amerika Syarikat. Terima kasih.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Sebenarnya saya sudah katakan tadi, mungkin Yang Berhormat tidak dengar. Ini adalah proses hendak mula runding. Kalau dalam masa rundingan itu benda tidak munasabah kita akan batalkan sahaja, teruskan sahaja rundingan. Itu, saya ingat sudah fahamlah kot.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Itu tidak ada apalah. Apa hendak lagi.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Sekali sahaja. Sekali.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Sekali, okay. Sekali sahaja ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Secara ringkasnya dalam penggulungan Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua minggu lepas, beliau mengakui susahnya perundingan dengan Amerika Syarikat nanti dan daripada mulut beliau sendiri mengatakan bahawa rombongan perundingan Amerika Syarikat itu peguamnya sahaja seramai 200 orang. Ini bukan - maklumat kita daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua.

Ini gambaran yang diberikan tetapi jelas nampaknya Yang Berhormat Menteri kita lebih yakin daripada beliau. Tidak mengapalah, saya terima itu. Tetapi kalau saya boleh dengar daripada Yang Berhormat Menteri tentang apakah harapan kita, secara kasar daripada FTA ini yang kita akan dapat dan hendak dapat dan apakah yang rasanya Amerika Syarikat berhasrat untuk dapat daripada kita dalam rundingan FTA nanti. Sudah itu tidak susah untuk dimaklumkan kepada kami.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Tadi mungkin Yang Berhormat tidak ada di sini. Saya sudah sebut apa yang kita jangka, yang kita hendak daripada Amerika. Apa yang mereka hendak daripada kita belumlah disebutkan oleh mereka. Ini saya umumkan di antara kita sahajalah. Apabila sampai masanya esok kita tahulah apa yang sebenarnya dia hendak. Kalau dia hendak yang macam saya katakan hendak mengawal dasar kita, perolehan kerajaan, tidak bolehlah. Dia hendak perintah, hendak arah kita, dasar kita hendak bagi kontrak untuk siapa kepada siapa - itu bukan hak dia. Itu hak mutlak kita kerana kita ada agenda kebangsaan kita.

Dari segi awalan saya sudah kata, kalau setakat hendak buka pasaran kewangan misalnya, saya sudah tekankan kita ada pelan induk pasaran modal dan pelan induk pasaran kewangan dan kita akan ikut apakah hala tuju kedua-dua pelan induk itu. Kita tidak akan hendak beri lebih daripada itu kerana itu mengikut keupayaan kita hendak buka. Kalau mereka tidak bersetuju tidak apalah kerana ini bukan *do or die*, ini bukan ghairah kita hendak buat. Tidak. Ini adalah kerana Amerika merupakan pasaran besar bagi kita dan Malaysia pasaran besar bagi mereka. Jadi mereka anggap elok dimulakan perundingan. Manalah tahu dalam kita ambil dan beri (*give and take*) kemungkinan kedua-dua boleh manfaat. Itu kita akan lihat. Dari segi *lawyer*, saya tidak tahulah berapa *lawyer* hendak digunakan oleh Amerika tetapi kita ada AG *Chambers* yang sentiasa membantu kita. Bahkan sewaktu saya pergi ke WTO baru-baru ini AG

sendiri ikut saya ke WTO kerana kita berunding secara terperinci setiap perkara yang diminta oleh mana-mana pihak supaya jangan ada mudarat kerana salah sebut dalam *agreement* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya perjanjian FTA sebenarnya bertujuan hendak mendapatkan akses pasaran yang lebih baik bagi barang-barangan eksport Malaysia termasuklah barangan pertanian dan Malaysia sentiasa merundingkan tempoh masa yang lebih panjang untuk mengurangkan tarif serta pengecualian produk-produk pertanian tertentu. Ini supaya memastikan pengeluar-pengeluar pertanian tempatan tidak terjejas akibat dari pembukaan pasaran melalui mana-mana FTA.

Di samping itu, FTA juga membolehkan Malaysia menangani halangan bukan tarif yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi iaitu *non-tariff barriers* dengan izin, dengan rakan pasaran kita yang kita runding FTA itu terutamanya untuk produk pertanian. Kita juga mengutamakan pelaksanaan program-program kerjasama teknikal yang telah saya ulang banyak kali tadi, khususnya untuk meningkatkan keupayaan pengeksport barangan pertanian dalam mematuhi peraturan sanitari dan faitosanitari.

Di sini saya hendak jelaskan untuk sektor-sektor yang tertentu, pegawai-pegawai yang berkemahiran daripada kementerian-kementerian dan agensi adalah menjadi ketua perunding kerana mereka tahu apa yang boleh diberi dan apa yang boleh ditawarkan. Ini bererti bahawa kita bekerja sebagai pasukan-pasukan yang kolektif.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kebimbangan bahawa syarikat tempatan akan diambil alih oleh syarikat luar negara jika termeterainya FTA dengan mana-mana pihak, saya ingin memaklumkan bahawa pengambilalihan syarikat adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan tempatan. Jadi tidak timbul soal mengambil alih dalam FTA ini. Di samping itu sektor-sektor perkhidmatan yang sensitif dan yang berkepentingan kepada negara tidak dimasukkan dalam proses liberalisasi. Ini mandat asas kita daripada kerajaan.

Mengenai implikasi FTA kepada Enterprise Kecil dan Sederhana, saya hendak menjelaskan bahawa di bawah perjanjian FTA, kerajaan sentiasa mengambil kira kepentingan syarikat tempatan khususnya produk dan sektor yang mendatangkan kesan negatif kepada Enterprise Kecil dan Sederhana. Dalam perkara ini fleksibiliti dari segi tempoh masa yang panjang untuk membuka pasaran bagi barangan dan pelaburan diambil kira. Ini ialah untuk membolehkan Enterprise Kecil dan Sederhana kita meningkatkan daya saing dan mendapat faedah daripada proses liberalisasi melalui

FTA. Bermakna sambil kita memanjangkan masa membuka pasaran kita, kalau boleh kita minta negara yang menjadi rakan dagang kita buka pasaran untuk Enterprise Kecil dan Sederhana kita berertilah sambil kita menguatkan diri kita untuk bersaing dengan orang yang masuk pasaran kita, kita kemungkinan boleh masuk ke pasaran mereka dengan lebih cepat terutama sekali kalau negara ini adalah negara maju.

Yang Berhormat bagi Labuan membangkitkan mengenai status Labuan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sebelum itu mengenai proses perbincangan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa jabatan-jabatan atau kementerian-kementerian berkenaan ada mengetuai perbincangan-perbincangan mengenai hal ehwal di bawah tanggungjawab mereka. Tetapi dalam perkara ini adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada kekhuatiran bahawa tidak ada penglibatan atau konsultasi yang bermakna akan diadakan. Saya berikan satu contoh mengenai masalah yang dihadapi oleh ICT *industry* khususnya *software industry* - mengenai *software pattern* bahawa kalau tidak diberi perlindungan membenarkan usaha-usaha pihak US yang mahu menguasai *software pattern* akan menghalang perkembangan *software industry* dalam negara kita - tempatan.

Oleh sebab itu apabila - ini dalam satu perenggan sahaja mengenai satu e-mel mengenai sama ada satu *consultation* mengenai sektor-sektor yang terlibat. Saya baca, dengan izin,

*“The obvious question will be who was involved in calculating the cost benefit of the meeting. Concerns from some members of the local ICT community were taken other the consultant. But they were told that there was no assurance that this concern will raise with the Malaysian FTA negotiators at a recent meeting with the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.”*

Bukankah ini satu hujah kenapa sangat mustahak - adalah satu proses yang terbuka supaya penglibatan semua pihak *stake holders* dalam perkara ini.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Saya sudah katakan tadi perundingan dengan Amerika belum *start*. Bukan Jun ini baru *start*. Jadi kita tahulah sama ada perkara akan bangkit atau tidak. Tetapi saya tidak tahulah sama ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ada memberi jawapan begitu. Saya akan tanyalah kepada rakan saya.

Sebenarnya kalau benda ini seperti *software pattern* atau apa juga yang tidak baik untuk negara kita kalau dituntut oleh mana-mana negara yang hendak adakan FTA dengan kita, kita tidak perlu akur kepada tuntutan itu. Jadi kalau ada keraguan daripada mana-mana sektor, itulah saya telah menyarankan dalam dialog baru-baru ini, inilah masanya semua sektor yang merasakan mereka mahu kita minta Amerika buka pasaran dalam bidang tertentu sebutkan sekarang supaya kita masuk dalam *list* untuk runding.

Kalau mereka kata ini jangan sentuh kerana sensitif, kita baru, kita belum maju, sebut sekarang supaya tidak masuk dalam *list* perundingan. Kita dalam *stage* itu sekarang. Hendak meneliti sektor mana yang sebenarnya kita mampu runding, mahu runding dan boleh runding. Yang seperti kita, yang masih lagi baru harus kita dikawal oleh orang lain, itu memang harus kita pastikan sebagai *list* negatif.

Contohnya saya hendak beritahu, dalam ASEAN merundingkan dengan India, belum apa pun tidak lagi dia sudah kemukakan 1,400 barang tidak boleh usik. Sekarang dirunding oleh ASEAN sudah turun kepada 900 lebih. Ini maknanya tidak semestinya jadi *ASEAN in the FTA* ini kalau sudah banyak ragam macam itu, tidak boleh buka pasaran 900 lebih barang, maka ASEAN pun kata, *may be* tidak payahlah. Begitulah juga kita dengan rakan-rakan dagang, sama ada dengan Amerika atau sesiapa, kalau rasanya kita yang hendak kata tidak boleh buka pasaran dia hendak suruh buka juga, selamat tinggallah jawabnya. Baliklah rombongan kita daripada rundingan.

Saya teruskanlah Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Labuan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, hendak tanya sikit bolehkah?

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Ya? Boleh, cek oi. Satu saja no?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat tak mai beberapa lama pun tak apa, mai sekali-kali lapang.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Terima kasih. Dua jam!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat pun cun hari ini, pakai pun elok. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya hendak tanya satu, Tuan Yang di-Pertua, tentang pelaburan asing atau pemilikan kuasa syarikat-syarikat luar kepada syarikat kita. Saya hendak tanya contohnya kita kata macam Pantai

Holdings yang secara perlahan-lahan memiliki syarikat tersebut. Begitu juga beberapa buah syarikat lain sedikit demi sedikit, Tumasik atau lain-lain syarikat menguasai mungkin tanpa kita sedari ataupun kerajaan sedari kerana ini adalah syarikat milik individu dan tertentu.

Jadi, bagaimanakah caranya, adakah kerajaan akan membiarkan ini terus berlaku ataupun kerajaan pada setiap pindahan saham kepada syarikat-syarikat luar harus diambil kira melalui kementerian Yang Berhormat sendiri ataupun mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan terlebih dahulu. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Pihak kementerian atau MITI hanya boleh campur tangan kalau boleh gunakan perkataan campur tangan dalam syarikat-syarikat perkilangan. Contohnya waktu kegawatan ekonomi tempoh hari syarikat simen kita telah dibeli sahamnya oleh *Syarikat Lafarge* dan itu adalah kerana hendak membantu syarikat tempatan ini mendapat modal tambahan dan sebagainya. Jadi setelah ditengok maka bolehlah diluluskan. Untuk syarikat-syarikat di luar dari perkilangan itu adalah keputusan daripada kementerian lain. Tetapi saya hendak katakan seperti syarikat Pantai Holding ini yang biasanya diambil alih oleh syarikat asing tanpa kita sedar ialah syarikat yang telah tersenarai dalam Bursa Saham – Bursa Kuala Lumpur. Oleh kerana ia telah disenaraikan, maka kita tidak tahu pergolakan hariannya, siapa beli. Jadi apabila sampai masanya ia sudah cukup kuasa membeli dari berbagai-bagai pihak di pasaran, kita tengok sudah bertukar tangan. Pada itu sudah lewatlah terutama kalau tidak ada pula syarat lesennya. Kalau perkilangan biasanya ada syarat lesen. Lesennya tidak boleh kurang daripada 30% bumiputera. Kalau ada syarat-syarat lesen, maka mereka terpaksa datang balik ke MITI minta kebenaran untuk diluluskan sungguhpun dia telah beli saham tadi. Sebenarnya depa tidak berani beli saham kalau tidak dapat kelulusan, biasanya begitulah. Tetapi kalau *public listed* dengan izin di Bursa Kuala Lumpur susah kita hendak .... apa namanya tetapi saya tidak tahulah mungkin saya tidak berapa perasan sama ada FIC dalam hal ini ada kaitan. Mungkin kita boleh semaklah. Saya tidak perasan sama ada syarikat-syarikat yang di luar MITI ini, FIC ada kawalan.

Menyebut balik berkenaan Yang Berhormat Labuan, beliau ada membangkitkan mengenai status Labuan yang tidak diiktiraf oleh kerajaan sebagai kawasan perindustrian petrokimia dan meminta agar penglibatan Labuan dalam industri petrokimia dipertimbangkan. Untuk makluman ahli Yang Berhormat itu, pada masa ini

tiga kawasan telah sedia ada wujud sebagai zon petrokimia utama di Malaysia iaitu Kerteh, Kuala Terengganu, Gebeng di Pahang dan Pasir Gudang iaitu Tanjung Langsat, Johor.

Untuk memajukan sebuah lokasi sebagai zon petrokimia, perkembangan infrastruktur dan utiliti yang mencukupi adalah pra syarat utama untuk menarik pelabur ke dalam industri ini. Ahli Yang Berhormat daripada Labuan tentulah gembira bahawa Labuan telah dipromosikan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa dengan izin *Labuan International Offshore Financial Centre* yang telah disediakan oleh kerajaan. Infrastruktur-infrastruktur khas untuk Labuan berperanan sebagai pusat kewangan pesisir tersebut. Satu sahaja Pusat Kewangan Pesisir iaitu Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan saya mengenai beberapa isu penting yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Mana teguran-teguran yang telah dibangkitkan dalam bahas dan juga dalam masa saya bincangkan tadi akan diambil kira ....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sikit sahaja lagi.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd.Aziz:** Boleh dik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Di sini tidak ada abang tidak ada adik, Yang Berhormat semuanya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kepong lena. Saya hendak tahu Yang Berhormat, masalah industri motor kita sekarang ini dengan dasar automobil yang ada pada hari ini, insya-Allah ke depan-ke depan ni kita dapat lihat walaupun saya dapat lihat persaingan antara kereta yang dibuat di Malaysia dengan kereta import. Perbezaan dutinya pun tidak jauh beza dan penurunan harga kereta pun tidak jauh beza. Jadi apakah pandangan daripada pihak kementerian Yang Berhormat sendiri untuk kita menjaga sebenarnya kereta Perodua kita, kereta Proton kita dan saya faham Proton perlu menambahkan R&D mereka untuk membuat model yang lebih baik, model yangterbaru bersaing dalam pasaran. Tetapi apakah cacat celanya di pihak Proton hari ini yang mereka tidak boleh bersaing dengan kereta-kereta yang ada di dalam negara kita ini sama ada diimport ataupun yang dipasang di Malaysia pada hari ini.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd.Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Pihak Proton telah pun memberi beberapa *briefing* kepada pihak kementerian iaitu khusus

kepada saya sendiri dan pegawai-pegawai kanan menerangkan apa masalah yang dihadapi dan juga strategi mereka pada masa yang akan datang. Dan jelaslah bahawa Proton di samping cuba memperkukuhkan kedudukan mereka dalam pasaran domestik iaitu bersaing dengan kereta yang sedia ada di sini sama ada dipasang di sini atau dibawa masuk sebagai import. Di samping itu, mereka juga sekarang ini giat membuat strategi untuk memasuki pasaran eksport kerana pada pendapat Proton hanya pasaran eksport yang boleh menjamin masa depan mereka yang lebih baik kerana pasaran kita adalah terhad. Kita sebuah negara kecil tetapi negara rantau Asean besar. Jadi mereka sekarang ini berstrategi untuk cuba menjangkau pasaran eksport Asean dan juga cuba untuk mencari rakan-rakan yang boleh memberi mereka pasaran yang lebih besar daripada Asean sekalipun.

Saya tidaklah hendak mengumumkan bagi pihak Proton tetapi saya ingin menyatakan bahawa Proton mempunyai strategi pasaran eksport. Dan dengan itu mereka juga ada strategi untuk mencari bentuk-bentuk model, bentuk-bentuk kereta, "*collar berasi technical*" dari segi platform dan sebagainya yang boleh meningkatkan keupayaan Proton bukan sahaja bersaing dalam negeri tetapi lebih penting bersaing di luar negara. Jadi setakat itu saya rasa pengurusan Proton sekarang lebih memahami kemajuan-kemajuan yang berlaku di sekitar kita dan mereka tidak boleh lagi mengharap hanya untuk besar di pasaran domestik yang realitinya agak kecil berbanding dengan pasaran luar negara.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh sambung sikit?

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Larut.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz:** Em!

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat yang telah memberi penjelasan tentang Proton ini kerana kita pun terasa agak tidak berasa gembira dan kecewa di atas keadaan senario kereta Nasional kita ini. Tadi Yang Berhormat menyebut tentang strategi yang akan dibuat oleh Proton tetapi bagaimana pula dari segi MITI sendiri dalam MITI ke luar negara untuk menarik pelaburan menjual negara kita ini mempromosikan negara kita ini apakah langkah MITI kerana MITI sudah tentu mempunyai dengan izin *net working* dalam membantu Proton.

Kita tidak mahu seolah-olah Proton seperti tidak ada mana-mana badan. Seolah-olah mereka diri sendiri tidak ada siapa hendak cuba membantu mereka dalam mempertingkatkan lagi pemasaran kereta nasional ini di pasaran luar negara. Kita lihat

negara-negara maju yang lain mereka bersungguh-sungguh. Kita tidak boleh mengatakan bahawa kereta kita ini tidak berdaya saing. Kita mesti melakukan sesuatu. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat dalam pengalaman Yang Berhormat sebagai seorang Menteri yang paling senior yang kita akui, yang paling kanan dalam pentadbiran negara. Terima kasih.

**Dato' Seri Rafidah binti Abd.Aziz:** Terima kasih. Untuk membantu Proton dan juga Perodua dan lain-lain syarikat yang dalam syarikat industri automotif, saya telah sebut awal tadi kita telah mewujudkan dana pembangunan automotif sebanyak 500 juta dan dana automasi 200 juta. Ini ialah untuk membantu Proton dalam membuat R&D kalau perlu dan memperbaiki teknologi dan sebagainya. Ini salah satu khas untuk Proton tetapi saya yakin Protonlah yang akan banyak memanfaatkan daripada ini.

Dari segi sama ada kita bantu atau tidak bantu pertamanya jangan kita lupa bahawa Proton ini adalah sebuah syarikat yang juga tersenarai dalam Bursa Saham. Jadi kita sebagai kerajaan, tidak bolehlah membuat *statements* yang kemungkinan akan ada mempengaruhi pula esok harga Proton di pasaran saham. Itu sebabnya kita tidak boleh banyak komen, yang ini syarikat *public listed*. Harganya akan terpengaruh turun atau naiknya. Tetapi saya hendak mengatakan bahawa Proton mempunyai strategi yang positif pada masa depan.

Dari segi MITI, selain dari menyediakan dana tadi, kita sekian lama membantu Proton tetapi tidaklah secara gah misalnya kalau mereka hendak mengatasi masalah mengeksport ke sesuatu negara maka kita bantu. Menghubungi negara itu, saya sendiri sebenarnya menulis surat kepada rakan saya di luar negara untuk membolehkan Proton merunding dengan syarikat negara itu, kita buat apa yang patut sebagai kerajaan yang ingin melihat kereta yang kita panggil kereta nasional terus berjaya. Bukan hanya satu cara mempromosi eksport tetapi dalam negeri pun membantu mereka bahkan MITI sendiri mengeluarkan tempoh hari, tidak ingat saya 14 juta ringgit kalau tidak salah saya yang telah kita salurkan kepada Proton untuk membantu pembangunan vendor Proton yang sekarang ini Proton ada vendor yang boleh diharapkan untuk membantu Proton dalam mendapatkan komponen dan peralatan yang baik, yang bermutu untuk dimasukkan ke dalam *assembly* ataupun pemasangan kereta. Jadi banyak cara kita beri dan dengan dana besar ini, maka boleh lagi banyak perkara yang boleh bantu Proton secara langsung. Terima kasih.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja penjelasan. Terima kasih sekali lagi. Mana-mana teguran dan pandangan yang tidak dijawab diambil perhatian, terima kasih semuanya.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut susunan asal selepas Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ialah Kementerian Luar Negeri. Saya telah menerima permohonan daripada Kementerian Luar Negeri supaya dibelakangkan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjawab terlebih dahulu. Jadi silakan Yang Berhormat Menteri.

**6.00 ptg.**

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada sebegitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat 31 orang bilangannya yang telah pun bangkit untuk menyentuh pelbagai isu berkaitan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani semasa perbahasan Usul Rancangan Malaysia Kesembilan baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua memang tidak dapat dinafikan strategi perindustrian negara telah berjaya menjadi sektor perkilangan sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara.

Tetapi pengalaman kita semasa krisis kewangan Asia pada tahun 1997, 1998 menunjukkan bahawa pergantungan kepada sektor perkilangan sebagai enjin pertumbuhan ekonomi mempunyai risiko yang tinggi. Salah satu cara untuk mengatasi pergantungan ini ialah mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi negara termasuklah memajukan sektor pertanian khususnya dalam pengeluaran pemprosesan hiliran dan industri asas tani dan *emerging technology* dengan izin seperti agro-bioteknologi dan juga *bio-fuel*. Dalam sektor pertanian teras Rancangan Malaysia Kesembilan ialah seperti berikut:

- (i) meningkatkan pengeluaran pertanian ataupun *agro* makanan termasuk penerokaan sumber baru dengan penyertaan sektor swasta yang lebih besar dan aktif;
- (ii) mengembangkan aktiviti pemprosesan berasaskan pertanian dan kepelbagaian produk;
- (iii) meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat petani bagi membasmi kemiskinan dan kemiskinan tegar;

- (iv) memperkukuhkan dan memperluaskan pemasaran tempatan dan antarabangsa serta rangkaian global termasuk penggunaan E-Dagang; dan
- (v) menambah baik sistem penyampaian dan perkhidmatan sokongan.

Seterusnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan juga telah pun menetapkan empat ukuran sasaran tertentu untuk dicapai oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu termasuk meningkatkan nilai tambah, meningkatkan pengeluaran, mencapai imbangan dagangan yang positif, dan meningkatkan tahap sara diri serta untuk mencapai imbangan dagangan positif menjelang tahun 2010. Bagi mencapai sasaran ini, daripada RM11.5 bilion yang diperuntukkan kepada sektor pertanian sebanyak RM6.96 bilion disalurkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini.

Walaupun ini nampak jumlah yang besar, sebenarnya ia hanya merupakan 3.5% daripada jumlah peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan. Tuan Yang di-Pertua, fokus kementerian ini dalam menangani isu-isu kemiskinan petani, nelayan dan penternak di kawasan luar bandar adalah serta untuk meningkatkan pengeluaran dan pendapatan dengan mempelbagaikan aktiviti teras dan juga hiliran. Langkah-langkah jangka panjang yang dijalankan oleh kerajaan bagi membantu dan membangunkan golongan ini adalah melalui:

- (i) pemindahan teknologi;
- (ii) latihan dan bimbingan;
- (iii) industri kecil dan sederhana;
- (iv) kemudahan pinjaman, dana nelayan, permodalan nelayan;
- (v) pemasaran.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga berusaha untuk mengubah persepsi lama, golongan muda mengenai pertanian yang bermain dengan lumpur. Pada satu bidang yang moden, menguntungkan dan bergaya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat boleh tanya sedikit Yang Berhormat?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Sekejap Yang Berhormat. Kementerian ini menyebarkan kejayaan usahawan-usahawan petani muda dalam projek-projek pertanian ataupun *success stories* sebagai *role model* mereka melalui seminar-seminar, pameran-pameran, taklimat pada penuntut tahun akhir di Institut Pengajian Tinggi Awam dan juga media massa secara keseluruhan. Di samping

itu, kementerian ini terus membantu golongan muda yang berminat untuk menceburi bidang pertanian dengan melalui program-program keusahawanan seperti program pembangunan usahawan belia tani, program pembangunan pemprosesan makanan, program latihan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, seminar pelaburan pembangunan makanan asas komoditi, pembangunan usahawan peladang dan pembangunan unit peladang.

Selain daripada menyediakan kemudahan infrastruktur asas seperti jalan ladang, sistem aliran dan pengairan utama serta pinjaman peralatan pertanian dan pemprosesan, kementerian ini juga menyediakan perkhidmatan pengembangan dan khidmat nasihat kepada usahawan agar mereka mendapat bimbingan yang sewajarnya untuk menjayakan projek yang diusahakan. Di samping itu pelbagai insentif juga disediakan untuk menarik minat golongan muda ini dan juga untuk memudah cara mereka dalam bentuk pinjaman di bawah Skim Usahawan Tani Komersial Siswazah, Bank Pertanian Malaysia bagi aktiviti-aktiviti pertanian seperti pengeluaran dan pemprosesan makanan ternakan di bawah Jabatan Perkhidmatan Haiwan, program Pinjaman Tanpa Faedah ataupun PINTAF juga disediakan bagi menggalakkan mereka yang menceburi bidang ternakan lembu dan kambing.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat, tahniah Yang Berhormat kerana baru-baru ini Yang Berhormat telah mengikuti satu delegasi kementerian dan saya percaya dengan agensi yang lain ke Dubai sebagai satu pemasaran untuk melebarkan lagi pemasaran kita, negara kita di negara-negara Teluk terutamanya di Dubai sebagai satu tempat yang menjadi sasaran seluruh dunia yang tumpu kepada Dubai.

Jadi saya ingin tahu apakah hasil selama beberapa hari ketika Yang Berhormat dan rombongan berada di sana ketika mempromosikan produk-produk pertanian dan kita percaya bukan sahaja menembusi pasaran antarabangsa bahkan boleh mendapat sambutan yang sedemikian rupa dan apakah tindakan yang dibuat oleh kementerian ini merupakan satu langkah bersepadu dengan kerjasama kementerian luar umpamanya. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat, lawatan saya ke Dubai baru-baru ini dianggap agak berjaya kerana dalam lawatan itu kita telah pun mengadakan banyak pertemuan-pertemuan

terutamanya dari segi usaha untuk mempromosi produk-produk pertanian dan produk-produk yang kita proses di samping bersama-sama dengan beberapa buah syarikat untuk menyertai apa yang dipanggil “GAFF Food”, ini satu pameran yang terbesar di rantau Timur Tengah. Dalam pameran itu barang-barangan produk Malaysia mendapat sambutan yang cukup menggalakkan dan saya telah pun mengadakan perbincangan dengan beberapa buah syarikat besar yang berpangkalan di Dubai.

Satu daripada syarikat itu yang kita temui mempunyai 51 *hypermarket* bukan sahaja yang ada di Dubai tetapi di seluruh negara-negara Teluk seperti di Bahrin, Oman dan sebagainya. Jadi dengan menembusi pasaran dengan pihak syarikat ini kita jangka produk keluaran Malaysia ini akan dapat dipasarkan bukan sahaja di kawasan Dubai tetapi di kawasan-kawasan lain. Di samping itu kita telah memutuskan untuk menjadikan Dubai sebagai salah satu tempat di mana pejabat perwakilan pertanian kita ataupun pertanian kita ataupun *agriculture attache*’.

Kita telah melihat tempat yang sesuai dan ini akan menjadi satu pangkalan penting untuk kita menyebarkan segala maklumat berhubung dengan produk pertanian kita sama ada yang segar, yang sudah diproses dan sebagainya dan di samping itu dia jadi satu tempat di mana kita dapat mengadakan pertemuan dengan pihak-pihak daripada peniaga dan pengusaha-pengusaha besar yang ada di Dubai untuk mengurus niaga dengan pihak kita di Malaysia.

Saya juga telah pun dimaklumkan sebuah daripada syarikat yang berpangkalan di Dubai telah pun memeterai perjanjian dengan pihak PKPS iaitu satu syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor di mana syarikat yang berpangkalan di Dubai ini membekalkan segala keperluan untuk hidangan makanan bagi semua syarikat-syarikat penerbangan yang berpangkalan di *airport* Dubai, bukan sahaja di ‘Ameriot’ tetapi semuanya dan mereka ini mempunyai ladang. Mungkin Yang Berhormat melihat dalam televisyen saya melihat ladang strawberi dan juga beberapa produk salad. Jadi mereka membekalkan satu jumlah yang besar dan dengan termeterai perjanjian ini di mana peluang bagi syarikat yang berpangkalan di Selangor ini untuk mengedarkan lebih banyak bahan-bahan untuk keperluan pasaran di Timur Tengah.

Jadi ini satu daripada bukti bahawa kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa pangkalan bagi sebahagian besar daripada barangan buatan kita ini ialah di Timur Tengah. Apalagi dalam pertemuan kita mereka cukup berminat dengan tujuan kita untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan yang dikatakan produk halal Malaysia dan standard yang kita gunakan sebagai halal Malaysia oleh JAKIM diterima baik boleh

dikatakan semua pengimport-pengimport daripada sana dan mereka berpendapat sesuai untuk kita promosikan piawaian halal di sana bukan sahaja untuk pasaran Timur Tengah tetapi menerusi Timur Tengah untuk pasaran di Eropah dan sebagainya.

Jadi, Yang Berhormat inilah satu daripada langkah kita dan kita akan teruskan usaha ini, seminar ini untuk masa-masa yang akan datang.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh sambung sedikit lagi, apakah *time frame*, jangka waktu pejabat perwakilan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi akan dibuka, dan berapa ramaikah tenaga yang mungkin terlibat dalam pembukaan pejabat yang akan berlaku di sana nanti.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Kita sekarang ini sedang melihat satu bangunan yang ada di Dubai dan jangkaan kita kalau boleh tahun ini kita akan menghantar pegawai kita di sana, biasanya ada seorang pegawai Atase Pertanian, tetapi di samping atase itu, kita ada pegawai tempatan dari sana yang boleh berbahasa Arab, sebagai contoh, untuk membantu dari segi urusan mempromosi pasaran kita dan ada beberapa staf tempatan. Biasanya antara lima atau enam orang untuk permulaan. Bagaimana yang kita telah mulakan *birokaDEM*, dalam tempoh dua bulan yang lepas dan ini telah pun beroperasi. Format yang sama juga akan kita gunakan untuk membuka pejabat kita di Dubai ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Minta penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya tertarik dengan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini banyak skim-skim pinjaman akan pihak kementerian anjurkan, terutama sekali untuk memodenkan sektor pertanian dan juga pinjaman kepada belia tani. Jadi, setakat hari ini berapakah skim pinjaman, Yang Berhormat? Ini kerana saya dapati bahawa kadang-kadang masyarakat ataupun pak tani itu sendiri pun tidak memahami dan tidak mengetahui yang Kementerian Pertanian mempunyai pelbagai skim pinjaman dan bantuan untuk mereka jadikan *value added* ataupun pertambahan ekonomi kepada mereka.

Contohnya saya didatangi oleh beberapa orang pelajar universiti. [*Ada gangguan pada pembesar suara*] .... skim-skim pinjaman untuk mereka melibatkan diri dalam bidang pertanian dan saya telah merujuk mereka kepada Bank Pertanian di kawasan Jerai. Jadi, apakah lain-lain skim yang harus dipromosikan ataupun dimaklumkan, contohnya, kepada pelajar-pelajar universiti, yang masih belajar yang akan meninggalkan universiti supaya mereka sudah *ready, mind set* mereka apabila keluar, mereka akan fokus kepada pertanian dan mereka ada harapan untuk

mendapat sedikit sebanyak bantuan modal, pinjaman untuk mereka memulakan perniagaan ataupun industri tani mereka ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sudah sedia hendak menjawab ini pasal dalam masa perbahasan dasar, ramai ahli Yang Berhormat yang membangkitkan soal skim pinjaman dan pembiayaan untuk sektor pertanian. Tetapi, saya boleh jelaskan di sini umpama Bank Pertanian, agensi utama kita yang telah pun mendapat peruntukan besar yang Yang Berhormat pun luluskan di Parlimen lebih RM1 bilion tahun ini sebagai contoh, semuanya ialah untuk skim pinjaman untuk sektor pertanian sama ada kecil, siswazah semua ada. Contohnya macam:

<b>Skim Pinjaman</b>	<b>Jumlah</b>
Skim untuk Kredit Padi;	RM150 juta
Skim Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera – untuk perniagaan dan sebagainya dalam bidang sektor pertanian, jual beli, trading dan sebagainya;	RM100 juta
Skim Kredit Pengeluaran Makanan;	RM100 juta
Skim Kredit IKS;	RM100 juta
Skim Kredit Mikro Pertanian – yang lebih kecil daripada IKS, umpama pinjam RM10 ribu RM20 ribu;	RM100 juta
Skim Usahawan Petani Komersial Siswazah – untuk siswazah hendak mulakan perniagaan dalam sektor pertanian, Sebenarnya sudah lama, tetapi tidak ada minat, yang kita sudah belanja setakat RM2 juta atau RM3 juta, yang ada berbaki lagi belum lagi digunakan oleh siswazah yang berminat;	RM 10 juta.
Skim Pembangunan Pertanian dan Masyarakat Tani;	RM 30 juta
Skim Pembiayaan Bot Perikanan; dan	RM240 juta
Tabung untuk makanan 3F	RM300 juta

Ini tidak termasuk dana nelayan dan beberapa peruntukan yang lain yang kita sediakan di bawah pelbagai agensi lain ada juga diperuntukkan. Tetapi sebahagian besarnya dana ini adalah disediakan di bawah Bank Pertanian.

Jadi, saya fikir dengan penjelasan ini, nanti kita akan hebahkan juga, kita akan pergi setiap negeri sebenarnya untuk memberitahu tentang apa kandungan Rancangan Malaysia Kesembilan, saya sudah mulakan di Melaka dalam minggu yang lalu dan ramai yang hadir. Jadi, di situ kita hebahkan apakah peluang-peluang yang ada, jadi, Insya-Allah akan sampai dalam tempoh yang terdekat ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Yang Berhormat, ada cagaran dalam skim ini semua?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Ia biasa dalam pinjaman ini ada yang cagaran, tetapi ada setengah-setengah kalau ikut *viability project* itu dan *cash flow*nya, mungkin cagaran itu tidaklah terlalu diambil kira sangat.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Puchong, Yang Berhormat boleh bangun kemudian.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menawar pelbagai insentif, pelbagai dana sebab di dalam R&T dan juga kemudahan kredit-kredit tertentu kepada sektor swasta ataupun NDT swasta, iaitu syarikat-syarikat swasta tertentu untuk memperkembangkan sektor pertanian ini. Dan, satu kebimbangan ataupun kekhuatiran orang ramai mengenai ialah kalau dana-dana diberikan kepada syarikat-syarikat tertentu, mereka mungkin akan mendapat banyak keuntungan di akhir perniagaan mereka.

Persoalan sekarang ialah bagaimana syarikat ini ataupun entiti swasta ini boleh membantu kementerian supaya mempertingkatkan lagi pendapatan, *income* ataupun kualiti hidup petani-petani kita, penternak-penternak kita, nelayan kita di kawasan luar bandar di mana mereka ini sangat berharap bantuan bukan sahaja dari kementerian sahaja, tetapi dari pihak swasta yang akan mencebur diri dalam sektor-sektor pertanian ini secara lebih agresif secara lebih besar. Saya hendak dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimana kementerian boleh menyambung ataupun link kedua-dua sektor ini supaya mendapat satu keadaan menang:menang di

mana syarikat mendapat keuntungan. Akhirnya, pada masa yang sama penternak kita, nelayan kita ataupun petani kita di luar bandar ini dapat dipertingkatkan kualiti hidup dan juga pendapatan mereka.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini satu *point* yang memang mustahak. Kita akui tentang hubung kait antara syarikat swasta dalam usaha untuk memajukan sektor pertanian. Bukan setakat melabur dalam sektor pertanian, tetapi dengan pelaburan itu, dihubungkan dengan pemain-pemain yang lain dalam sektor pertanian, macam petani kecil, termasuk sistem kontrak *farming* sebagai contoh. Kita sudah mulakan sistem kontrak *farming*, di mana ia memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha kecil mengeluarkan produk pertanian, buah-buahan, sayur-sayuran dan hasil-hasil lain, kemudian ia dibeli oleh pihak syarikat yang besar untuk dipasarkan dan konsep ini adalah penting dalam segi apa yang kita panggil *supply change management*, pengurusan rantaian perbekalan.

Setiap peringkat itu ada peranan-peranan yang boleh dimainkan oleh swasta untuk membantu pengusaha-pengusaha kecil. Demikian juga soal, umpamanya tidak ada kawasan tanah untuk ternakan sebagai contoh. Kita ada miliki ladang besar, tetapi setakat hari ini mungkin tidak ramai, syarikat ladang besar ini berminat untuk membenarkan pengusaha-pengusaha ternakan kecil menggunakan kawasan mereka. Projek yang telah kita lihat, yang telah dicubai di beberapa kawasan nampak berjaya. Jadi, kita mengadakan lebih banyak perbincangan dengan syarikat-syarikat besar ini, sebahagiannya GLC supaya mereka membuka ruang. Kalau mereka tidak mahu menternak, bagi orang lain peluang untuk memajak, meminjam tapak yang ada ini untuk digunakan oleh penternak-penternak kecil.

Kemudian dalam sistem akuakultur sebagai contoh, peringkat sekarang ini kementerian telah pun, sedang hendak berbincang dengan beberapa pihak kerana kita hendak menonjolkan konsep macam skim ala FELDA. Bermakna ada satu pelabur besar yang akan meneroka dalam sektor ternakan air ini, kerana ia melibatkan modal yang besar. Tetapi di samping itu, sebahagian kawasan-kawasan itu boleh kita bahagikan kepada penternak-penternak kecil. Anak ikan ini dibekalkan oleh syarikat besar, lepas itu ia membeli balik kepada pengeluar-pengeluar yang ada di kawasan itu. Konsep ini kita akan mulakan pada tahun ini, tetapi syarikat ini belum lagi kita selesai beres mengadakan perbincangan. Jadi, apa Yang Berhormat sebutkan itu memang penting, bukan sahaja soal pengeluaran, tetapi soal pemasaran, sebagai contoh kerana

dia tidak ada keupayaan. Pengusaha kecil tidak mampu untuk bersaing dengan pengusaha besar.

Tetapi, kalau bahan produk yang dikeluarkan itu dikumpulkan dan diterima oleh syarikat besar dengan bantuan FAMA sebagai contoh, ini memudahkan kita untuk memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha kecil memasarkan produk mereka, mungkin sampai ke peringkat eksport di peringkat antarabangsa. Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat menteri. Di rembang-rembang senja ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Panjang, panjang falsafah Yang Berhormat. Tanya soalan. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Akan masuk soalan Tuan Yang di-Pertua. Rancangan Malaysia Kesembilan ini, Yang Berhormat Tan Sri Menteri, memang ditunggu-tunggu oleh rakyat. Apabila kepimpinan kita memberikan perhatian, penekanan, keutamaan, apa lagi ya perkataan yang..... *[Bertanya kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat]*

**Seorang Ahli:** Tengah malam.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Keistimewaan, rangsangan kepada sektor pertanian. Dia menjadi harapan penuh rakyat terutama yang di luar-luar bandar, di kampung-kampung. Tetapi yang menjadi pelik dan pertanyaan kenapa pula Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang dikatakan menjadi keutamaan, penekanan, apa lagi tadi?

**Seorang Ahli:** Apa-apalah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Cuma dapat RM6.9 bilion.

**Seorang Ahli:** Ya. Mana cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Daripada RM200 bilion.

**Seorang Ahli:** Berapa per sen?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** RM220 bilion.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jadi, timbul tanda tanya. Saya yakin Yang Berhormat Tan Sri Menteri Pertanian ini, salah seorang Menteri memang berwibawa, hebat. *[Ketawa]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ada apa-apakah ini?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Menteri ini pegang pasir jadi berlian.

**Seorang Ahli:** Huh!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Menteri ini memang mempunyai kebolehan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Pasir sudah tidak ada dah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kita yakin memang Yang Berhormat Menteri berkemampuan. Tetapi kalau fulusnya ini, 'maikafi' kata orang Arab itu tidak cukup.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Menyampuk]*  
*[Bercakap dalam bahasa Arab]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jadi, ini persoalannya Tan Sri. Ini bukan kesalahan Tan Sri, bukan kesalahan kementerian. Ambil contoh, salah satu projek yang saya dengar, yang Tan Sri ingin sangat majukan di bawah sektor pertanian kementerian Tan Sri ialah bank tanah kerana menjadi halangan kepada orang yang minat dalam pertanian baik penternakan ini ialah masalah tanah.

Tan Sri ada bercita-cita mulia untuk menjadikan bank tanah bagi diberi ataupun disewa kepada petani-petani kita. Tetapi malangnya, peruntukannya hanya RM1 juta. Kalau RM1 juta dekat Sri Gading dapat 10 ekar sahaja.

**Seorang Ahli:** Betul, hendak buat apa?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tanah kubur, tidak boleh pagar.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jadi kalau 10 ekar sahaja, bank tanah apa namanya? Bagaimana Tan Sri hendak agih-agihkan. Tidakkah boleh agaknya RM500 juta. Kerajaan-kerajaan negeri pun, pun kita kadang-kadang pelik juga. Sama-sama Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional, negeri pun Barisan Nasional, tetapi kerajaan negeri macam tidak hendak beri kerjasama kepada kementerian.

**Seorang Ahli:** Negeri mana itu?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Lokek sangat tanah. Tanah ini urusan kerajaan negeri.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Guano mu Kelantan. *[Ketawa]* Kalau di Kelantan Tan Sri, tidak dapat tanah, saya agak terima juga kerana munasabah fasal memang kita lain-lain 'seng'. *[Ketawa]* Ini, macam mana Tan Sri tentang bank tanah ini? Bolehkah tidak agaknya dengan melalui Dewan yang mulia ini, kita minta kerajaan tambah supaya kementerian Tan Sri dapat mempunyai tanah yang besar dan dengan itu boleh diagih-agihkan.

Antaranya ialah mahasiswa yang minat dengan pertanian. Bagi dia lima ekar, sepuluh ekar dan ini akan memberikan pulangan yang baik kepada negara. Minta sedikit komen Tan Sri. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini hari yang paling bahagia untuk saya kerana Yang Berhormat bagi Sri Gading memperjuangkan begitu hebat sekali kepentingan sektor pertanian dan supaya peruntukan lebih besar diberikan. *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]*

Jadi, kalau itulah yang disebutkan, memang saya amat menyanjung akan pandangan itu. Memang benar bahawa sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita mendapat peruntukan RM6.96 bilion, insya-Allahlah, bila Yang Berhormat sudah luluskan dalam Dewan ini, itulah amaunnya. Dari satu sudut, ini merupakan lebih kurang 94% lebih besar berbanding dengan Rancangan Malaysia Kelapan. Jadi itu menunjukkan seriusnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi peruntukan yang lebih besar berbanding *phase* Rancangan Malaysia Kelapan yang terdahulu. Jadi satu peruntukan yang hampir sekali ganda.

Tetapi benarlah jumlah itu memanglah tidak mencukupi dan saya fikir lain-lain kementerian pun berkata mereka tidak mendapat peruntukan yang mencukupi. Tetapi apa yang saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat, memang benar dan ini adalah satu kenyataan yang telah diulang selalu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa hendak menjadikan sektor pertanian enjin ketiga menjana ekonomi negara. Pertama ialah sektor pembuatan. Yang kedua sektor perkhidmatan dan yang ketiganya sektor pertanian supaya dalam tempoh lima tahun, meningkat daripada 2.6% kepada 7.2% sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Jadi peningkatan hampir lebih daripada sekali ganda.

Saya juga bertanya sama ada dengan RM6.9 bilion ini mampukah saya menjana pertumbuhan sebesar itu? Saya tidak kata tidak boleh tetapi satu kerja berat walaupun Yang Berhormat tadi kata saya boleh pegang pasir jadi emas dan sebagainya. *[Ketawa]* Ini kerja berat kerana saya sudah sebutkan dalam taklimat kepada ramai kawan-kawan

Ahli Parlimen, menyatakan kita mungkin boleh belanja RM6.9 bilion tetapi kalau tidak diukur dengan peningkatan sebesar mana yang telah pun digariskan dalam kitab Rancangan Malaysia Kesembilan, kita menganggap kita tidak berjaya.

Jadi saya berterima kasihlah kerana pandangan itu. Mungkin ramai pegawai-pegawai di EPU ada, *Treasury* pun dengar mengatakan bahawa kalau itulah yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bagilah peruntukan lebih. Saya sebenarnya, telah pun bawa perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah pun diluluskan oleh Kabinet, tetapi beliau telah berkata belanjalah dahulu mana peruntukan yang telah disediakan. Saya telah pun dapat satu kelonggaran daripada Perdana Menteri supaya mana-mana projek yang patut kita dahulukan, walaupun peruntukannya tempoh lima tahun, dibelanjakan lebih awal. Maka, eloklah kita diberikan kemudahan untuk berbelanja lebih awal.

Pihak EPU diharap akan bersetuju dengan rancangan kementerian untuk menyusun semula mana-mana yang perlu diutamakan. Bila sampai ke Kajian Separuh Penggal Tuan Yang di-Pertua, biasa diadakan mungkin dua tahun setengah ke tiga tahun daripada sekarang, kita harap Yang Berhormat akan sokong lagi supaya peruntukan yang telah habis dibelanjakan, insya-Allah RM6.9 bilion itu ditokok lagi dengan RM6.9 bilion ataupun RM7 bilion lagi, insya-Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Markiman bin Mobiran [Hulu Langat]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Jadi itulah. Tetapi memang benar satu daripada, Yang Berhormat nanti saya habis dahulu. Satu daripada perkara yang kita sudah kemukakan kepada pihak kerajaan ialah supaya kementerian ataupun Kerajaan Persekutuan ini diberi peruntukan yang agak besar untuk membolehkan kita memiliki tanah. Isu yang menjadi masalah saya, kita bercakap soal pertanian tetapi bidang kuasa tanah bukan di bawah kalangan Kerajaan Persekutuan. Semuanya di bawah kerajaan negeri, benarlah.

Tetapi kalau boleh kita ambil contoh macam projek yang kita sudah mulakan di Kluang, di mana Kerajaan Persekutuan membelanjakan RM90 juta membeli tanah yang sudah pun di bangun sebahagian oleh Kerajaan Negeri Johor dan selepas itu diserahkan kepada pihak kita selepas kita selesai perbelanjaan RM90 juta kepada kerajaan negeri, dalam tempoh satu tahun. Saya telah "*khalas*" belanjakan semua sekali dan kita sudah bahagikan kepada 21 buah syarikat, sudah mula pun mengeluarkan hasil. Bermakna kita potong tempoh menunggu.

Saya biasa menyebut Tuan Yang di-Pertua, kalaulah dalam sektor pembuatan, waktu mula kerajaan hendak melancarkan dasar untuk memodenkan negara kita dengan sektor pembuatan, kita boleh lihat banyak kawasan-kawasan tanah disediakan oleh kerajaan negeri, di Johor, di seluruh negara. Siapa sahaja pelabur hendak masuk dia boleh datang. Dalam masa tempoh sebulan, boleh sains perjanjian dengan Perbadanan Ekonomi Negeri. Sebelum akhir tahun sudah boleh bina kilang.

**Tuan Markiman bin Mobiran [Hulu Langat]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Jadi saya katakan, kalaulah sektor pertanian ini dianggap industri, apa mesti ada perbezaan antara industri pertanian dengan industri pembuatan? Kita tidak boleh hendak menunggu sampai lima tahun, tujuh tahun. Akhirnya bila sudah bagi tanah, sektor swasta yang berminat sudah tidak berminat lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hulu Langat bangun, Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Jadi, ini satu kerugian bagi kita. Sebab itu, kita telah mencadangkan supaya kalau boleh, kerajaan memperuntukkan. Sebenarnya yang disebut tadi hampir RM400 bilion yang kita mohonkan tetapi mungkin pihak EPU kata kita bagi RM1 juta. Yang Berhormat bagi Sri Gading sebut memang betul, tidak mencukupi. Jadi bermakna kita kena runding balik. Kalaulah saranan saya tadi dan Perdana Menteri bersetuju, mungkin sebahagian peruntukan yang sedia ada digunakan untuk kita membeli tanah-tanah tadi, maka saya harap itu akan dapat dipersetujukan.

Jadi inilah apa yang disebutkan memang benar dan saya memang mengharapkan setiap kerajaan negeri sama-sama terlibat memperuntukkan tanah. Kita sudah ada sediakan konsep Taman Kekal Perusahaan Makanan (TKPM) di mana kalau Kerajaan Persekutuan ada wang, wang ini boleh dibelanjakan untuk bangunkan tanah kerajaan negeri bila kerajaan negeri memeterai perjanjian persefahaman dengan kita untuk menyerahkan tanah kita.

Kalau begitu pun dibuat pun sudah cukup....

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Bangun]*

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Kalau dia serah balik kepada kita seratus peratus lagi mudah dan kita tidak memerlukan belanja sebesar itu tetapi itu pun cara mencukupi untuk membolehkan kita memiliki tanah dan dengan tanah itu boleh kita majukan untuk tujuan sektor pertanian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Hulu Langat bangun.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Ya, sila Hulu Langat.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang banyak usaha serta penemuan yang dibuat oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi tujuan meningkatkan pendapatan petani. Penemuan-penemuan ini telah diperkenalkan kepada petani, kepada penternak bagi tujuan tersebut.

Dahulu Tan Sri, kita ada kaedah yang diperkenalkan oleh Kementerian Pertanian iaitu memelihara ikan keli dalam sangkar Kalong, pemeliharaan ikan keli dalam kanvas. Daripada maklumat yang kita terima daripada pengusaha bahawa ikan keli yang dipelihara dalam kalong atau dalam sangkar kanvas ini, kosnya agak tinggi, kos pengeluarannya agak tinggi kerana bukan sahaja bahan yang digunakan itu mahal, kaedahnya juga mahal, makanannya juga agak tinggi dan dia tidak dapat bersaing dan hasil keluarannya tidak dapat bersaing dengan pengeluaran secara tradisi iaitu dengan belaan secara kolam, makanan daripada perut ayam atau hasil buangan yang lain. Apabila perkara ini terjadi Yang Berhormat akibatnya masalah akan timbul dan dia seolah-olah satu ilusi, satu perkara yang *misleading* yang kita tidak dapat laksanakan, walaupun ia dapat menarik minat ramai petani-petani yang inginkan pendapatan yang lebih. Jadi saya bimbang keadaan ini akan menyebabkan satu tempelak semula kepada Kementerian Pertanian maka pemimpin-pemimpin masyarakat di peringkat bawahan seperti kami.

Jadi saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya kalaulah ada *discovery* seperti ini dapat di buat di peringkat Jabatan Pertanian tetapi ianya tidak mendatangkan hasil dan saya difahamkan bahawa kos pengeluaran ikan keli dalam kanvas dan dalam kalong ini ialah lebih kurang RM1.80 sen tetapi kos pengeluaran bagi cara tradisi ialah RM1.30 sen. Dari segi persaingan itu pun mereka sudah kalah, jadi kita tidak dapat untuk bersaing di peringkat pasaran, saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya konsep menternak ikan keli dalam kanvas itu adalah alternatif kerana dalam kempen Buku Hijau yang kita hendak gerakkan, mungkin tidak ada ramai yang memiliki tanah yang besar, yang sesuai untuk di bina kolam mengikut konsep yang biasa kita guna pakai dan di atas sebab itu kita mengemukakan satu cadangan itu mungkin dia tidak berapa kompetitif tetapi tujuannya supaya dia boleh menternak dan boleh mengeluarkan hasil mungkin sebahagian untuk dimakan dan dijual dan kalau hendak dibuat secara yang besar tentulah yang biasa yang kita gunakan sistem kolam yang kita sudah cuba lama terbukti dia lebih kompetitif. Jadi itu sebagai satu alternatif pilihan dan bukan satu perkara yang kita anggap terbaik fasal macam orang dalam bandar, mana hendak bela ikan, tanah pun tidak ada. Jadi kalau dia tanah yang seluas sekangkang kera tetapi boleh digunakan sistem kanvas kita boleh galakkan dan ini kita boleh buat dalam konsep buku hijau.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Bangun]*

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua orang bangun Yang Berhormat, Jasin bangun dahulu.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Ya, Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Masalah hendak membangun pertanian ini bagaimana yang disebutkan oleh rakan saya Sri Gading tadi, memang susah Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada tanah, *services-services* yang lain.

Saya pernah bertemu dengan satu pengusaha Tuan Yang di-Pertua, hendak buat pelihara ikan cara komersial, gunakan sistem yang semacam Australia tetapi di buat di Malaysia, lebih murah, jauh lebih murah apa yang dibuat di Australia tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, apabila dia hendak membuat benda ini, hendak dapatkan *power supply, three phase power supply*. LLN minta dia buat *substation*, TNB minta dia buat *substation* dan *substation* itu berharga RM300, 000. Cadangannya di Semenyih kerana ternakan ikan ini tidak akan hendak buat di tepi jalan, tepi jalan itu buat projek perumahan, dia buat ke dalam sedikit tetapi untuk hendak dapatkan bekalan elektrik kena buat *substation* harganya dia RM300, 000. Kalau dia sudah RM300, 000 buat *substation*, apa yang hendak buat yang lain ini, kolam konkrit, kolam apa.

Jadi pada hari ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau benar kerajaan hendakkan supaya pertanian ini sebagai industri yang untuk menjana ekonomi yang

ketiga kita ini bukan Kementerian Pertanian sahaja yang kena terlibat. Pada saya semua sekali jentera kerajaan harus digerakkan bersama-sama dengan Kementerian Pertanian, bersepadu supaya kita dapat melihat projek-projek pertanian yang akan berlaku dalam negara kita dalam masa yang akan datang ini akan menjadi kenyataan. Kalau tidak ada Tuan Yang di-Pertua, saya kira pertanian sudah macam angan-angan Mat Jenin ini Tuan Yang di-Pertua takut bisa, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat, saya harap saya tidak jadi Mat Jenin. [*Dewan menjadi riuh dengan ketawa*] Mungkin isu dan masalah banyak Yang Berhormat berulang kali dalam parlimen saya mungkin dalam *hansard* mencatatkan berbagai-bagai isu dan masalah yang berkaitan dengan pertanian. Ini bukan satu perkara yang amat mudah, memang ada isu dan masalah tetapi bagaimana juga di negara lain pun ada masalah juga tetapi mereka maju. Jadi soalnya kesungguhan dan dari kerajaan komitmen itu total, tidak kata separuh-separuh atau buat separuh, saya fikir total komitmen Perdana Menteri untuk melihat sektor pertanian begitu rupa sekali saya fikir jelas kepada kita semua. Jadi soalnya kalau kita ada komitmen, *political will power* daripada kita, saya fikir kita boleh laksanakan, menambah baik daripada apa yang sedia ada, bukan dia merosot dan ini yang sudah pun kita laksanakan.

Soal yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi saya memang bersimpati dan masa lawatan saya ke Melaka pun hari itu mungkin orang Jasin kah saya tidak tahu, dia membangkitkan umpamanya hendak menternak ayam. Maknanya dia terpaksa melalui pergi lapan ke sepuluh jabatan untuk meluluskan pelan bagi bina reban ayam. Jadi saya dengar daripada bawah masalah itu dan saya tahu itu satu perkara yang tidak seharusnya menjadi bebanan kepada mereka. Saya kata kalau begitu bagaimana industri ternakan hendak kita kembangkan, ini orang pengusaha-pengusaha kecil. Jadi Yang Berhormat bercakap itu saya bersama-sama kalau pihak pembekal seperti TNB memperkenalkan syarat, dia perlu melihat sama ada yang hendak membina dia berkemampuan, apakah projek yang hendak dibina tadi memerlukan pembinaan satu stesen satu jana kuasa kecil atau *substation*. Mungkin ini tidak perlu, dia boleh menggunakan bekalan elektrik yang sedia ada tetapi kalau dia mengenakan syarat bagaimana dia kenakan syarat bagi bangunan-bangunan yang lain dan kompleks-kompleks. Saya fikir tidak adil kepada sektor pertanian. Jadi saya bersetuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Rembau.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Saya fikir selepas Yang Berhormat Rembau ini Tuan Yang di-Pertua, saya boleh teruskan jawapan saya yang belum selesai ini.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin balik kepada soal tanah tadi dan saya ingin dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan kerajaan Negeri Sembilan telah memperuntukkan RM10, 000 kekal tanah di Gemas untuk *Beef Valley* dengan izin, Lembah Daging untuk keperluan negara dan juga mungkin dalam jangka panjangnya untuk akhirnya dieksport dan beberapa rundingan yang telah diadakan dengan kementerian mengenai perkara ini, jadi saya mohon penjelasan lanjut.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, program *beef valley* perkataan ini digunakan oleh Yang Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan atau Lembah Daging hendak bersaing dengan Selangor dengan lembah buah-buahan atau *fruit valley* ini. Ini satu langkah yang positif yang amat kita alu-alukan, makna tadi dibincangkan soal kerajaan negeri tidak bagi tetapi Negeri Sembilan walaupun kecil negerinya, katanya, tetapi dia peruntukan setelah kawasannya agak besar, 10, 000 ekar. Jadi kita telah berbincang kerana kerajaan negeri peringkat awal hendak membangunkan tanah itu untuk ternakan sendiri dan mereka telah kemukakan permohonan lebih 31 juta supaya kerajaan persekutuan membelanjakan untuk infrastruktur.

Saya beritahu kepada Menteri Besar bolehlah kita belanja tetapi kita hendak kongsi sama, takkan nak bagi kepada *state government* sahaja. Jadi antara saing itu saya telah sarankan supaya kawasan 10, 000 ekar itu dijadikan kawasan untuk *National Feed Lot Centre* dengan izin ataupun pusat untuk menternak secara *feed lot* yang terbesar di negara kita. Dengan keluasan 10, 000 ekar itu saya fikir cukup untuk menampung dalam satu tempoh kurang-kurang 200 atau 300, 000 ekor lembu yang kita fikir kita perlukan di negara kita ini, meningkat dan bertambah.

Sekarang ini kita sudah adakan mesyuarat dan pihak kerajaan Negeri Sembilan pun dah bersetuju supaya konsep yang dikemukakan oleh pihak kementerian ini akan diterima pakai. Dalam mana kita akan memilih syarikat yang jadi peneraju dan beberapa syarikat yang sudah memohon kepada kerajaan negeri dipilih untuk bersama-

sama. Tetapi konsep *feed lot centre* ini dijadikan seperti pusat di samping pusat *national feed lot centre* ini dijadikan seperti pusat di samping pusat *national feed lot centre* ini yang akan menempatkan kegiatan menternak secara besar-besaran, secara *feed lot*. Kita akan bangunkan 600 ke 700 pengusa-pengusaha kecil yang sekarang ini sudah pun berusaha untuk menternak sekian lama. Tetapi mungkin angka ternakannya populasi 100 ekor, 200 ekor.

Cadangan kita supaya *national feed lot centre* akan menganggap ini sebagai *satellite farm* untuk membekalkan kepada *feed lot centre* yang ada di Gemas itu. Yang ini kita akan gerakkan. Sekarang ini kita sedang kumpulkan datanya. Yang keduanya, kita sediakan peruntukan supaya penternak kecil yang tidak ada kemampuan dapat kita bantu dengan memberikan bantuan-bantuan kredit. Bank Pertanian sudah bersetuju 50 juta daripada 300 juta yang diberikan untuk *fund for food* ini digunakan untuk membantu penternak-penternak yang saya sebutkan tadi.

Jadi dengan konsep *satellite* dan metropolis ini kita harap dalam satu tempoh mungkin 5 tahun yang akan datang, kita jangka kita mengeluarkan 136,000 ekor lembu di kawasan itu untuk peringkat fasa pertama. Yang membekalkan lebih daripada 30% daripada keperluan *feed lot* yang ada di negara kita. Jadi inilah yang saya lihat sebagai satu *respond* yang agak begitu menggalakkan kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah pun bersetuju. Saya fikir kalau Yang Berhormat lihat dalam angka yang dibentangkan oleh EPU, 80 juta yang kita akan belanjakan untuk bangunkan infrastruktur di kawasan *national feed lot centre* ini.

Jadi, ini bermakna kita akan menggerakkan satu projek yang besar di situ. Kita harap selepas itu kita akan bina satu *abattoir* untuk memproses hasil daging yang kita ternak di kawasan ini. Jadi inilah yang kita sedang lakukan dan Insya-Allah dalam beberapa bulan ini, kita akan bereskan segala urusan untuk memilih siapa yang akan mempelopori program ini di samping bantuan yang akan kita berikan daripada pihak kementerian saya sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Jasin. Hendak bagi jalan?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tan Sri, sikit tentang Bank Pertanian tadi. Kebanyakan daripada pengusaha-pengusaha yang kita jumpa berkenaan dengan pertanian ini. Dia ini menyewa tanah. Menyewa tanah, memajak tanah kerana hari ini tanah dah tidak ada lagi dah. Jadi terpaksa menyewa dan memajak. Malangnya Bank Pertanian pada hari ini, apabila pengusaha-pengusaha datang hendak meminjam duit

daripada mereka, dia masih lagi hendak *collateral*. Hendak jadikan tanah sebagai jaminan. Ini yang jadi masalah kepada pengusaha-pengusaha kita Tan Sri. Kalau idea dan juga projek pertanian ini boleh berjaya, idea dan projek ini menjadikan *collateral*. Jangan tanah fizikal. Fizikal tanah ini kadang-kadang pengusaha yang baru-baru ini, dia memajak tanah. Dia tiada tanah sendiri. Ini syarat Bank Pertanian yang ada pada hari ini. Kalau boleh kementerian bagi kelonggaran sikit. Bagi untuk memajukan industri pertanian ini. Terima kasih Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Saya boleh bagi kelonggaran. Tetapi pihak-pihak Lembaga Bank Pertanian ada cara-cara dia sendiri. Satunya yang menyebabkan perkara itu berlaku ialah kerana setakat hari ini, Bank Pertanian menanggung kerugian RM700 juta Yang Berhormat. Kadar NPL ini yang tertinggi di kalangan institusi perbankan negara. Lebih kurang 37%. Antaranya ialah sebab ramai yang berlanggan dengan bank tidak membayar pinjamannya.

Jadi, kalau hendak katakan tidak bagi kelonggaran, sudah banyak bagi kelonggaran. Jadi, hujung-hujung itu ketatkan sedikit. Itu Yang Berhormat faham. Tetapi saya bersetujulah perkara itu. Jadi, kita sekarang ini dalam peringkat ini dalam jawapan saya hendak jelaskan, memang kita ada rancangan untuk hendak merombak bentuk bagaimana Bank Pertanian akan beroperasi. Kita ambil contoh, macam institusi perbankan lain. Ini biasa disebutkan *rabobank* sebagai contoh. Dia memberi pinjaman, tetapi dia ada susul balik dengan tenaga-tenaga pakar untuk pastikan projek yang dibiayai tadi dia mempunyai daya untuk membayar balik pinjaman sebagai contoh.

Jadi, ini langkah-langkah penyusunan semula yang kita akan ambil. Dan mungkin dengan cara itu, mempermudah. Mudah langsung dengan tidak ada sekatan ataupun tidak ada bentuk jaminan itu agak susah. Tetapi, sedikit sebanyak boleh meringankan syarat-syarat. Kalau kita anggap projek itu memang berdaya maju dan *cashflow*nya agaknya begitu menggalakkan, mungkin kalau itu dijadikan sandaran, jadi tidaklah perlu satu bentuk jaminan yang terlalu besar sehingga tidak mampu disediakan oleh pihak peminjam.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, boleh tak kita perkemaskan sikit *risk management division* of Bank Pertanian supaya mereka mengkaji sebetul-betulnya. Kadang-kadang Yang Berhormat, saya pun biasa berniaga dan orang berniaga. Kadang-kadang, ya lah, kalau dia sudah ada harta, dia datang pinjam dengan bank buat apa lagi? Tengok-tengok dia tiada apa. Yang dia boleh harap, bank. Yang kita pun Bank Pertanian, bank pertanian. Bank pertanian hendak

tolong mari datang ambik. Mereka pergi, ini dia, hendak *collateral*, hendak itu, hendak inilah. Mana hendak di cari? Yang ada kolesterol. *Collateral* mana ada? [Ketawa]. Jadi macam mana Yang Berhormat? Bahagian *Risk Management* Bank Pertanian kena diperkemaskan supaya mereka juga memahami dan cubalah. Saya faham MPL sampai 700 juta ini, tinggilah. Kalau 30%, maknanya, tiga kali tujuh, sudah ada 200juta lebih.

Jadi sebab itu, saya ingat, kerugian-kerugian ini boleh kita atasi. Kerana dasar Tan Sri ini, sekarang ini tempat lain tidak boleh pergi pinjam. Pergi bank-bank besar cakap fasal pertanian, dia kata "*I am very sorry, we go on the street*", dengan izin. Kita go yang *low risk*. Memang betul, Tan Sri. Yang masih tolong sekarang ini, Bank Pertanian, Bank Rakyat, kemudian *last* sekali mereka pergi meminjam daripada Along. Along kalau kita tidak bayar, siaplah. Jadi, macam mana kita hendak buat Tan Sri? Ini telan susah, luah susah ini. Kalau kita kulum, Tan Sri, bengkak tekak. Macam mana kita hendak buat, Tan Sri?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat, saya fahamlah. Saya fikir saya tak nak komen panjang. Tetapi memang saya ambil perhatian apa yang Yang Berhormat dah sebut tadipun. Jasin pun dah bangkitkan saya ambil perhatian perkara itulah. Nanti kita akan duduk bersama dalam pengurusan Bank Pertanian. Pengurus Besar pun ada di belakang itu. Mendengar rintihan Yang Berhormat tadi.

Saya harap permohonan itu diluluskan. Nanti kita akan lihat, saya sebutkan ada rombakan besar. Struktur, penstrukturan semula, pengkorporatan, dan beberapa langkah yang telah pun diperakukan oleh pihak Gabenor Bank Negara yang hendak dibentangkan kepada Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan ini, saya akan bawa. Di samping itu, mungkin *injection* modal baru, supaya bank ini, sekarang ini hanya 50 juta sahaja. Tentulah tidak *viable*. Tetapi kita ada cadangan bagaimana nak susunkan semula struktur bank itu dan kalau untuk itu mungkin apa yang dibangkitkan tadi, tadi dapatlah kita kurangkan masalah-masalahnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Santubong.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin Tan Sri mengetahui juga, saya salah seorang daripada Ahli Parlimen yang selalu membangkitkan soalan bank pertanian ini. Baru sebenarnya pada hari ini, saya dimaklumkan bahawa bank pertanian mengalami masalah yang NPL yang begitu besar sekali. Jadi, masalah pertanian masih berbangkit, walaupun masalah NPL yang dihadapi oleh bank juga dibangkit dan berbangkit. Tetapi apabila kita banyak

bercakap di Dewan ini, mungkin juga dalam komuniti industri pada beberapa tahun yang lepas. Dana kerajaan tidak sampai kepada industri-industri tertentu. Kerajaan tubuhkan satu bank SME pada masa sekarang untuk *handling* perkara-perkara yang tidak boleh ditangani oleh pihak-pihak bank komersial dan *merchant banking* yang lain untuk membantu SME dan SMI ini.

Jadi adakah peluang kita juga melihat pada satu ketika nanti untuk membantu bank pertanian ini, supaya kita tubuhkan bank yang selaras dengan SME, SMI bank ini juga. Supaya dia boleh membuat menjadi bank itu sebagai *venture capitalist* dan juga sebagai *equity participation banker finances*. Supaya pihak bank nanti kalau bank inilah atau bank baru ditubuh, yang sama tugasnya sebagai SME, supaya memberi bukan sahaja nasihat, tetapi juga memberi nasihat dari awal dan juga pelaksanaan projek. Oleh sebab bank itu sendiri akan terlibat dalam ekuiti dan terlibat juga dalam pelaburan secara terus dalam syarikat-syarikat yang diberi bantuan oleh pihak bank. Dalam keadaan sedemikian, risiko yang dihadapi oleh pihak bank ini boleh *diminimize* ataupun dikurangkan sedikit. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal *venture capital* ini, di peringkat kita, kita belum lagi putuskan sama ada peranan bank pertanian sebagai contoh, boleh terlibat dari segi untuk membiayai ekuiti dalam mana-mana projek.

Tetapi saya tahu ada institusi perbankan seperti Maybank, ia ada menubuhkan Maybank Ventures sebagai contoh dan memang ada modal disediakan untuk tujuan bank melabur dalam syarikat itu. Jadi dalam soal ini saya fikir dalam perancangan kita yang akan datang kita akan lihat bagaimana sama ada perkara seperti itu boleh kita laksanakan. Tetapi sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi penubuhan SME Bank sebenarnya itu yang telah dilancarkan baru-baru ini oleh Perdana Menteri adalah hasil daripada jawatankuasa SME yang ditubuhkan oleh Perdana Menteri.

Saya jadi ahli, Gabenor Bank Negara jadi setiausahanya, Perdana Menteri dan beberapa orang menteri lain berbincang bersama yang tujuan asalnya penubuhan itu ialah untuk membiayai bukan sahaja sektor-sektor pembuatan tetapi juga termasuk sektor pertanian. Saya telah menyentuh dan bincang dalam mesyuarat itu supaya kita pastikan bila sudah ditubuhkan Bank SME ini, peranan SME juga akan membantu untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh pihak Bank Pertanian. Pasal itulah tujuan SME Bank ditubuhkan dan industri pertanian dianggap salah satu industri penting yang mesti dibiayai oleh bank seperti SME Bank.

Jadi kerana ia baru agaknya, kita tidak dapat pastikan berapakah portfolio yang telah pun diberikan untuk pinjaman sektor pertanian tetapi salah satu oleh sebab penubuhan bank itu ialah untuk membiayai umpama Skim Mikro Kredit Sektor Pertanian sebagai contoh. Ini pun banyak berbangkit yang dibangkitkan oleh ramai pihak kata tidak dapat pinjaman. Jadi bank inilah saya harap akan dapat membantu mengurangkan beban yang sekarang ini dipikul oleh pihak Bank Pertanian.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, cukup jelas dan terima kasih. Di Sarawak kita dimaklumkan hanya RM150 juta untuk tahun yang akan datang ini untuk SME Bank. Jadi kalau RM150 juta ini dibahagi kepada industri-industri lain dan juga pertanian, saya nampak ia tidak akan mencukupi sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin dan juga Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi. Jadi kalau dicantumkan SME Bank dengan kemudahan yang ada pada Bank Pertanian yang bakal diberi untuk menggalakkan lagi pembangunan pertanian ini, saya cukup yakin ia akan menjadi satu dana yang cukup besar dan boleh membantu dua-dua pihak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita ambil pandangan itulah. Tuan Yang di-Pertua, saya akan teruskan jawapan saya, panjang juga. Nampaknya baru mula tadi sudah banyak yang membangkit.

Beberapa Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Ketereh, Yang Berhormat bagi Bera, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, Yang Berhormat bagi Sik, Yang Berhormat bagi Padang Terap, Yang Berhormat bagi Kuala Krau dan juga Yang Berhormat bagi Rembau masih lagi membangkitkan mengenai kelemahan *delivery system* dalam pengagihan peruntukan dan khidmat pengembangan serta ingin hendak mengetahui dengan jelas hala tuju sebenar sektor pertanian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa perkara kelemahan *delivery system* ini sebenarnya telah pun saya jelaskan dengan panjang lebar semasa sesi menjawab Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja yang lalu, saya tidak ingin hendak memanjangkan perkara di sini. Walau bagaimanapun kementerian saya sentiasa berusaha untuk memperkukuhkan lagi sistem penyampaian kementerian, jabatan dan agensi di bawahnya supaya program dan projek-projek yang dirancang terutamanya

dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan dapat mencapai matlamat yang ditetapkan.

Bagi projek-projek yang tidak dapat disiapkan dalam tahun 2005, insya-Allah akan kita teruskan pada tahun ini dan seterusnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Bagi memperkemas lagi sistem penyampaian juga, pihak kementerian saya pada tahun 2006 ini akan mewujudkan sistem pemantauan projek yang dilaksanakan dan juga menetapkan petunjuk prestasi utama ataupun dengan izin, *key performance index* kepada jabatan dan agensi dalam melaksanakan projek-projek di bawah kementerian.

Dengan usaha ini diharap akan dapat memberikan impak dan juga manfaat kepada golongan sasaran terutamanya petani, penternak dan nelayan di kawasan luar bandar. Prestasi sesebuah jabatan dan agensi di bawah kementerian pula akan dinilai dari segi pertumbuhan hasil yang boleh dinikmati oleh kumpulan sasar dan bukannya dari segi peratusan membelanjakan wang peruntukan yang diberi sahaja. Pihak kementerian menyedari bahawa bilangan Pegawai Pertanian ataupun pengembangan berdasarkan petani sedikit bilangannya iaitu pada kadar 1:400. Dengan nisbah ini agak sukar bagi mereka untuk sentiasa menjalankan tugas turun ke lapangan dengan cara yang berkesan.

Sebenarnya banyak organisasi di peringkat jabatan dan agensi di bawah kementerian terlibat dengan penambahan jawatan-jawatan baru. Untuk memastikan semua pegawai memainkan peranan, maka langkah memperkukuhkan aspek pengurusan sumber manusia akan dibuat pada masa ke semasa melalui program dan aktiviti latihan serta kursus ke arah meningkatkan kualiti, produktiviti, kemahiran dan juga kredibiliti pegawai. Antara program yang berterusan ialah penekanan ke atas dasar saiz organisasi yang sesuai ataupun dengan izin, *right sizing* bagi menyokong pembangunan sektor pertanian.

Penstrukturan semula organisasi mengambil kira penetapan semula program dan aktiviti supaya penggunaan tenaga kerja dibuat secara optimum, pengurusan kerja lebih teratur dan proses membuat keputusan lebih cepat lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun meluluskan penstrukturan semula organisasi jabatan dan agensi di bawah kementerian saya seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, MARDI, FAMA, LPP dan LKIM. Cadangan Yang Berhormat bagi Beluran kepada syarat-syarat keahlian dalam Pertubuhan Peladang dan NAFAS juga diambil kira dalam penstrukturan tersebut.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Dari kenyataan ini membuktikan bahawa langkah-langkah untuk memperbaiki sistem penyampaian sedang pun dilaksanakan di bawah kementerian saya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya nampak hak itu sudah kemas elok dengan penstrukturan semula. Cuma dari segi R&D Yang Berhormat, kementerian Yang Berhormat harus juga mempertingkatkan R&D kerana hendak bersaing dalam pasaran dunia dengan negara-negara lain dan mengeksport dan mengimport barang-barang pertanian mereka.

Saya tidak tahulah, sekarang ini kos minyak sudah naik dan sebagainya sudah naik, *market price* minyak sekarang ini mungkin mencecah sampai USD75 dan USD100. Saya difahamkan ada kawan saya dok buat kajian buah jarak sebagai bahan pembakar dan *biodiesel* dan juga sebagai produk hiliran. Dia buat lilin, kosmetik dan sebagainya. Ini berasaskan kepada pertanian. Maknanya pokok jarak itu.

Jadi kalau kita pergi tanya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, dia hendak kira pergi angkasa dan sebagainya, *very high*. Jadi yang rendah-rendah ini, yang boleh pak tani buat di kampung sebagai sampingan, adakah di unit MARDI kah, di manakah ataupun mungkin orang yang bercadang itu boleh mengemukakan kepada kementerian Tan Sri untuk diambil kira sebagai satu input kepada pertanian, mempromosikan ataupun *seriously looking into it*, buah jarak ini sebagai alternatif kepada bahan pembakar dan *biodiesel* dan juga barang-barang hilirannya.

Jadi R&D, Tan Sri, di kementerian ini saya ingat harus kita tubuh satu R&D di kementerian selain daripada universiti-universiti yang ada ini, kementerian *itself* kena ada R&D untuk membantu pak tani-pak tani darl segi *research* dan sebagainya, Tan Sri. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, *research and development* ini memang kita berikan perhatian lebih di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini dan sebenarnya kita tidak tubuhkan di bawah kementerian. Kita sudah ada agensi seperti MARDI dan peranan MARDI pun kita perluaskan. Di samping itu Universiti Putra Malaysia pun telah pun diputuskan menjadi salah satu institusi kecemerlangan dalam sektor *agro-biotechnology*. Maknanya mereka juga ada peruntukan khas di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi untuk tujuan itu. Jadi yang ini yang kita teruskan.

Mengenai buah jarak yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin dalam sesi perbahasan Titah Ucapan Diraja itu saya pun telah jelaskan. Memang ada pandangan sebegitu walaupun ada pihak yang berkata dia tidaklah sebegitu ekonomik. Ada pakar yang mengatakan tidak berapa sesuai. Jadi saya belum lagi mendapat kepastian daripada pihak penyelidik sama ada inilah alternatif kepada *biodiesel* oleh kerana yang terkini ialah daripada buah kelapa sawit. Yang ini dianggap yang paling ekonomik dan sudah ada banyak kemahiran dan kepakaran dalam negara yang menyebabkan Malaysia boleh mengeluarkan yang dipanggil *renewable energy* daripada buah kelapa sawit.

Tetapi saya fikir pandangan itu patut dikaji dan diteliti lebih lanjut sama ada sudah sampai satu peringkat kalaupun tidak dibuat secara ladang besar-besaran, petani buat secara kecil-kecilan, selepas itu dikumpulkan dan bahan itu boleh digunakan sebagai tambahan kepada *biofuel* yang kita keluarkan sekarang.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Bera.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tan Sri. Tadi ada sebut tentang Bera. [*Disampuk*] Ada, ada. Jadi, sebenarnya saya secara khusus membangkitkan mengenai masalah kelemahan iaitu kelemahan dari segi peraturan yang saya kira agak kurang munasabah. Misalnya di kawasan saya, saya sebutkan bahawa penanam padi tidak mendapat subsidi baja, tidak mendapat subsidi racun, tidak mendapat subsidi harga daripada BERNAS dan sebagainya hanya kerana Bera tidak termasuk di dalam kawasan jelapang. Sampai bila-bila pun Bera tidak akan menjadi dan tidak akan termasuk di kawasan jelapang. Tidak mungkin, jadi oleh kerana semata-mata tidak masuk di dalam kawasan jelapang mereka tidak mendapat subsidi. Dengan itu harga padi yang dikeluarkan oleh petani-petani di Bera, harganya tinggi dan tidak menjadi kompetitif dengan pengusaha-pengusaha lain.

Akhirnya mereka *give-up* dan tidak akan menanam padi lagi. Sebab itu saya minta Tuan Yang di-Pertua Tan Sri, perkara-perkara seperti ini, peraturan-peraturan yang tidak berapa munasabah ini, saya kata kita lupakan walau pun tidak jelapang atau jelapang, kalau mereka berminat menanam padi, bagi subsidi seperti biasa.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Sebenarnya kalau mengikut dari segi Dasar Padi Negara, kita memang tidak menggalakkan kawasan-kawasan luar jelapang itu menanam padi

termasuk kawasan-kawasan yang sudah terbiar dipulihkan semula dengan tanaman padi kerana kita dapati keluasan yang sudah sedia itu pun sudah mencukupi dengan dasar kita waktu itu 65% tempatan, 35% di import.

Tetapi walau pun begitu, ada ramai lagi petani-petani kita berkata bahawa mereka lebih senang dengan tanaman padi. Lebih-lebih lagi kalau memang biasa pun mereka menanam padi, mereka hendak teruskan tanaman itu. Perkara ini telah dibawa kepada pihak Kabinet kerana ramai yang merayu kenapa jelapang padi dapat tetapi di luar jelapang tidak dapat. Saya sudah umumkan dahulu, memang kita berikan peruntukan yang serupa di luar kawasan jelapang dengan syarat mereka ini kenalah memohon dan mendaftar kepada Jabatan Pertanian untuk mengesahkan bahawa mereka ini menanam padi di kawasan luar jelapang dan mematuhi beberapa syarat-syarat yang biasa kita tetapkan. Ini telah pun di luluskan oleh pihak Kabinet dan bermakna mereka bolehlah membuat tuntutan kepada pihak jabatan untuk mendapat subsidi dan sebagainya. Tetapi saya hendak sebutkan di sini bahawa seboleh-bolehnya kita tidak hendak melihat kawasan tanaman padi ini diluaskan lagi dengan apa yang sedia ada. Kalau ada, lebih molek saya tidak kata tanam jarak, boleh tanam buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain lagi yang kalau dilihat dari segi hasilnya jauh lebih tinggi daripada padi.

Keduanya tanaman padi menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung satu kadar subsidi yang besar iaitu RM600 juta untuk sokongan harga padi minimum dan RM200 juta untuk membayar baja sahaja. Itu secara langsung kerajaan kena tanggung. Kalau kita buat begini, bermakna beban kerajaan besar. Sedangkan kalau dari segi ekonominya lebih baik kita mengimport beras itu daripada kita menanam dalam negara kita. Sebab itu kita tidak berapa menggalakkan. Tetapi atas dasar pertimbangan kerajaan yang agak biasa mendengar rintihan petani-petani luar kawasan jelapang, kita bagikan juga apa yang telah saya sebutkan tadi bentuk-bentuk bantuan yang diperlukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, boleh sambung besok?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguh sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa 25 April 2006.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 7.03 malam.***

